



LAPORAN **2013**
KETUA AUDIT NEGARA

SIRI 1



**PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN 2013 KETUA AUDIT NEGARA

SIRI 1

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Agensi Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan, Laporan Ini Hendaklah Dibaca Bersama Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--|-------------------|
| KATA PENDAHULUAN | vii |
| PENGENALAN | xiii |
| INTISARI LAPORAN | xvii |
| <hr/> | |
| BAHAGIAN I | |
| PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN | |
| 1. PENDAHULUAN | 3 |
| <hr/> | |
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | 3 |
| 2. Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah | |
| <hr/> | |
| PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL | 31 |
| 3. Pengurusan Sistem Pinjaman/Pembentangan Pendidikan | |
| <hr/> | |
| MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN | 50 |
| 4. Pengurusan Bekalan Makanan Di Institusi Pendidikan Dan Perlindungan | |
| <hr/> | |
| PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA | 59 |
| 5. Pengurusan Harta Intelek | |
| <hr/> | |
| KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA | 69 |
| 6. Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara | |
| <hr/> | |
| PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA | 82 |
| 7. Pengurusan Perolehan | |
| <hr/> | |
| BAHAGIAN II | |
| PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN | |
| 8. PENDAHULUAN | 93 |
| <hr/> | |
| PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH | 94 |
| 9. Pengurusan RISDA Fleet Sdn. Berhad | |
| <hr/> | |
| MAJLIS AMANAH RAKYAT | 111 |
| 10. Pengurusan F.I.T Center Sdn. Berhad | |
| <hr/> | |
| LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA | 128 |
| 11. Pengurusan MAJUIKAN Forwarding Sdn. Berhad | |
| <hr/> | |
| PENUTUP | 137 |



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan/Agenzi dan mengemukakan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan supaya laporan itu dibentang di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

- 1.1 **Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- 1.2 **Pengauditan Pengurusan Kewangan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.
- 1.3 **Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- 1.4 **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2 (GTP 2.0): NKRA Anti-Rasuah, Jabatan Audit Negara dikehendaki melaksanakan 4 inisiatif antaranya pembentangan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi mesyuarat Parlimen. Pembentangan Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Subsidiari pada setiap kali sesi mesyuarat Parlimen adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses penyampaian maklumat kepada rakyat dan menyegerakan tindakan pembetulan terhadap isu yang dibangkitkan untuk meningkatkan persepsi positif rakyat. Saya berharap Laporan Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Tahun 2013 Siri 1 untuk sesi mesyuarat pertama Parlimen tahun 2014 ini dapat menjadi asas untuk memperbaiki segala kelemahan demi untuk mengelakkan penyelewengan, pembaziran dan pemberoran yang berterusan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti wang awam.

3. Seksyen 6(d) Akta Audit 1957, pengauditan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan telah dilaksanakan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti perolehan, pembinaan, penyenggaraan, pengurusan pelaburan, pengurusan aset dan pinjaman. Laporan Siri 1 ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 6 projek/aktiviti. Pada umumnya, kelemahan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah antaranya *improper payment*, kerja/bekalan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai, pembaziran, kelemahan dalam pengurusan sistem berkomputer, kelemahan pengurusan aset dan kelemahan pengurusan pinjaman. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang projek dalam menetapkan skop dan spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan tidak meneliti dengan rapi kerja-kerja kontraktor/perunding/pembekal; sistem maklumat agensi yang tidak lengkap dan tidak kemas kini.

4. Selain itu, pengauditan juga dijalankan terhadap syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan yang mana lebih daripada 50% ekuitinya dipegang oleh Badan Berkanun Persekutuan. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada syarikat berkenaan telah melaksanakan pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan dengan cekap serta berhemat selaras dengan objektif penubuhannya. Analisis juga dibuat terhadap prestasi kewangan syarikat subsidiari berkenaan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2012. Perkara yang diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 3 syarikat subsidiari dilaporkan dalam Laporan Siri 1 ini bagi pembentangan pada sesi mesyuarat pertama Parlimen tahun 2014.

5. Seperti mana tahun-tahun yang lalu, beberapa siri *engagement* dan *exit conference* dengan pihak yang terlibat dalam pengauditan pengurusan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan pengurusan syarikat subsidiari telah diadakan untuk membincang perkara-perkara yang akan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan dan Kementerian Kewangan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka dan maklum balas yang diterima telah diambil kira dalam Laporan ini. Mulai tahun 2014, sesalinan Laporan ini telah dikemukakan kepada YB Menteri, Penggerusi Jawatankuasa Audit Agensi dan Ketua Unit Audit Dalam Kementerian dan Agensi berkenaan bagi memastikan mereka mengetahui lebih awal isu-isu yang akan dilaporkan serta mengambil tindakan segera. Dalam Laporan Ketua Audit Negara ini, sebanyak 24 syor telah dikemukakan untuk tindakan pembetulan atau pemantauan bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang. Budaya dua akronim CTI – PCI iaitu Cepat, Tepat dan Integriti; dan *Productive, Creative and Innovative* seperti mana hasrat Kerajaan dalam proses transformasi untuk menangani


kelemahan tersebut perlu diamalkan oleh setiap Badan Berkanun Persekutuan demi untuk meningkatkan kualiti kerja.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiarinya yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia



Putrajaya
12 Februari 2014



PENGENALAN

PENGENALAN

1. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) Badan Berkanun adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun merupakan badan korporat atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang diperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, sebuah Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh meminjam, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, mengurus kumpulan wang dan akaun amanah serta melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala yang lain membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Dari segi pengurusan kewangan, Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan standard perakaunan yang diterima umum. Semua Badan Berkanun Persekutuan menyedia penyata kewangan berdasarkan asas akruan bagi setiap tahun kewangan. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan

adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen secepat mungkin.

4. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 127 Badan Berkanun Persekutuan dan satu institusi kewangan didaftarkan di bawah Akta Koperasi telah ditubuh untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan.



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PENDAHULUAN

1. Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit aktiviti Badan Berkanun Persekutuan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Pada tahun 2013, sebanyak 6 aktiviti telah dipilih untuk dibentangkan dalam sesi pertama persidangan Parlimen tahun 2014.

2. UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

- Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah

a. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mempunyai dua kampus iaitu Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS) dan Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS). Projek pembinaan KSAS merangkumi kawasan seluas 800 ekar di Bandar Proton, Tanjung Malim. Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan peruntukan sejumlah RM459.58 juta kepada UPSI bagi projek pembinaan KSAS. Peruntukan ini telah disalurkan untuk Pakej 1 meliputi kerja tanah dan infrastruktur yang berjumlah RM36.59 juta serta Pakej 2 meliputi kerja bangunan berjumlah RM422.99 juta. Projek pembinaan secara *design and build* ini telah diberi kepada Kumpulan SAKATA Sdn. Berhad secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. Pakej 1 telah dimulakan pada 1 Mac 2007 dan telah siap pada 28 April 2008 dengan kos berjumlah RM34.81 juta. Pakej 2 pula telah dimulakan pada 1 Ogos 2008 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Januari 2012 dengan kos berjumlah RM403.80 juta.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga November 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan projek pembinaan kampus KSAS adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

Kualiti Pembinaan

i. *Cooling tower* saiz besar tidak praktikal digunakan kerana kedudukan pemasangannya tidak sama ketinggian dengan *cooling tower* saiz kecil

- menyebabkan air mengalir daripada *cooling tower* saiz besar ke *cooling tower* saiz kecil dan melimpah ke lantai. Oleh itu, *cooling tower* saiz besar tidak digunakan untuk mengelakkan pembaziran air yang dianggarkan kos RM300 sehari.
- ii. Pemasangan *public address system* (PA) tidak praktikal. Bilangan mikrofon adalah tidak praktikal dengan keluasan bilik dan meja mesyuarat yang bersaiz kecil;
 - iii. Kegagalan kontraktor untuk menyelaraskan perbezaan suhu dalam bilik dengan persekitaran di luar bilik telah menyebabkan kondensasi pada dinding luar bilik di 4 blok bangunan. Kondensasi yang berlaku telah menyebabkan dinding luar bilik lembap, mengelembung dan berkulat serta besi pada bucu dinding berkarat;
 - iv. Resapan air kerana *water proofing* tidak berfungsi telah menyebabkan plaster siling rosak di 2 blok bangunan. Resapan air yang berterusan ke dalam bangunan Plant House 1 telah menyebabkan timbul stalaktit di bahagian dalam bangunan;
 - v. *Air terminal* sebagai penebat petir tidak dipasang di bumbung bangunan Plant House 1 dan di Masjid KSAS. Oleh itu, UPSI perlu menyelaraskan amanya dalam akaun muktamad.
 - vi. *Building Automation System* (BAS) dan *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA) bernilai RM3.61 juta tidak boleh digunakan sepenuhnya. Sistem BAS tidak berfungsi (*offline*) di monitor kawalan bagi modul *Fire Alarm* di semua blok, *Chiller* di Plant House 7 dan *Air Handling Unit* (AHU) di Panggung Percubaan, Dewan Besar dan Dewan Kuliah Pusat. Sistem SCADA tidak dapat mengawal sistem elektrik seperti lampu koridor di bangunan Panggung Percubaan dan Pusat Pelajar dari Bilik Kawalan Pusat ICT;
 - vii. Sijil Layak Menduduki belum dikeluarkan setakat 31 Disember 2013 walaupun *Certificate of Practical Completion* telah dikeluarkan pada 31 Januari 2012 dan bangunan telah diduduki mulai Februari 2012;
 - viii. Sebanyak 58 kecacatan belum dibaiki oleh kontraktor setakat 31 Disember 2013 walaupun tempoh kecacatan (DLP) akan berakhir pada 31 Januari 2014.
- c. Pihak Audit mengesyorkan UPSI dan JKR mengambil tindakan seperti berikut:
- i. JKR hendaklah membuat kajian menyeluruh terhadap reka bentuk dan pemasangan *cooling tower* yang besar supaya ia berfungsi dengan sempurna. JKR juga hendaklah memastikan semua *cooling tower* boleh digunakan dengan berkesan dan optimum.

- ii. JKR dan UPSI hendaklah memastikan sistem BAS dan SCADA yang dibekalkan dapat berfungsi dengan baik atau menuntut balik bayaran daripada kontraktor untuk kedua-dua sistem tersebut.
- iii. JKR sebagai Pengarah Projek hendaklah membuat pemeriksaan menyeluruh terhadap bangunan dan peralatan serta memastikan semua kecacatan dan kerja pembinaan yang belum disiapkan, dibaiki dengan segera oleh kontraktor sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat.
- iv. JKR dan UPSI perlu melaksanakan pemantauan yang berterusan untuk memastikan kerja pembaikan adalah berkualiti.
- v. JKR perlu mengambil tindakan melaporkan ketidakcekapan kontraktor dan perunding kepada badan profesional berkenaan supaya tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka.

3. PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

- Pengurusan Sistem Pinjaman/Pembentangan Pendidikan

- a. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) dan mula beroperasi pada 1 November 1997. Objektif penubuhan PTPTN adalah untuk memastikan pembentangan yang efisien disediakan kepada pelajar yang layak mengikuti pengajian di Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) selaras dengan hasrat Kerajaan bahawa tidak ada pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab-sebab kewangan. Sehingga bulan November 2013, PTPTN telah meluluskan pembentangan pendidikan berjumlah RM53.23 bilion kepada 2.3 juta peminjam. PTPTN telah menggunakan Education Loan Management System (ELMAS) yang mula dibangunkan pada tahun 2000 dengan modul pertanyaan Fastrac bagi menguruskan pinjaman dan pembentangan pendidikan pelajar. Penambahbaikan sistem dibuat dari semasa ke semasa oleh syarikat Paradigm Systems Berhad sejak tahun 2003 bagi memenuhi dasar kerajaan dan polisi semasa PTPTN. Pada tahun 2010, Islamic Education Loan Management System (ELMAS-i) telah dibangunkan menggunakan konsep Islamic Ujrath selaras dengan Pekeliling PTPTN Bilangan 2 Tahun 2008 iaitu Pelaksanaan Pembentangan Pendidikan Dengan Pengenaan Ujrath Atau Upah 1% Setahun Atas Kadar Rata. Kos keseluruhan sistem ini yang dibangunkan sejak tahun 2003 adalah berjumlah RM22.70 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April sehingga Julai 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Sistem Pinjaman/Pembentangan Pendidikan adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Prestasi pelaksanaan Sistem ELMAS tidak menyeluruh di mana bahagian penyenggaraan pinjaman seperti permohonan lanjutan tempoh pembayaran, penangguhan pembayaran dan pengecualian bayaran balik adalah dilaksanakan di luar ELMAS dan ELMAS-i iaitu melalui Sistem Pengurusan Kutipan Balik (e-UPKB) yang tidak berintegrasi dengan ELMAS dan ELMAS-i.
 - ii. Kawalan capaian logikal bagi ELMAS dan ELMAS-i adalah lemah kerana tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan.
 - iii. Perjanjian bagi penyewaan komputer peribadi dan komputer riba tidak mengambil kira penjadualan semula tempoh pinjaman dan pemulangan perkakasan jika tidak diperlukan lagi. Ini menyebabkan lebihan sebanyak 104 unit komputer peribadi yang telah diagihkan tidak digunakan dan disimpan di dalam stor.
 - iv. Tiada Perjanjian Tahap Perkhidmatan atau Service Level Agreement disediakan bagi menjamin tahap perkhidmatan rangkaian WAN yang diperoleh daripada pembekal perkhidmatan.
 - v. Tiada Perjanjian Jaminan Perkhidmatan atau Service Level Guarantee disediakan bagi menjamin pembayaran balik atau pengiraan denda dengan terperinci jika berlakunya ketidakpuasan perkhidmatan.
 - vi. Analisis data ELMAS dan ELMAS-i mendapati data cleansing belum dilaksanakan sepenuhnya.
 - vii. Latihan simulasi pemulihan bencana tidak pernah dilaksanakan di PTPTN.
- c. Pihak Audit mengesyorkan PTPTN mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. PTPTN perlu membangunkan semula Modul Pewujudan Pengenalan Pengguna yang mematuhi dan memenuhi ciri-ciri keselamatan umum dan Arahan Teknologi Maklumat 2007. Antaranya, mewujudkan Matriks Kawalan Capaian supaya capaian pengguna yang lebih terperinci dapat ditetapkan dan dapat membezakan capaian berdasarkan tugas kerja individu dan mewujudkan Borang Permohonan Akses/Capaian.
 - ii. PTPTN perlu memastikan data cleansing dilaksanakan secara terkawal untuk memastikan integriti data ELMAS dan ELMAS-i tidak dipertikai.
 - iii. PTPTN hendaklah melaksanakan latihan simulasi pemulihan bencana secara berkala iaitu sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan pelan pemulihan bencana yang dibangunkan adalah berkesan.

4. MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

- Pengurusan Bekalan Makanan Di Institusi Pendidikan Dan Perlindungan

- a. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1974 melalui Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor dan diperbadankan pada bulan Julai 1993 melalui Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). MAIWP berperanan menasihati Yang Dipertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Agama Islam di bawah Seksyen 4 Akta 505 dan juga sebagai penggubal dasar serta badan induk yang mengawasi pembangunan dan perkembangan Agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Tanggungjawab MAIWP antaranya adalah melaksanakan pembangunan modal insan dengan menyediakan tempat tinggal dan kemudahan pembelajaran kepada pelajar Islam yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan dan kemahiran.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos sehingga Oktober 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan bekalan makanan di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui dalam pengurusan bekalan makanan adalah seperti berikut:
 - i. Bekalan bahan mentah bermasak tidak mengikut spesifikasi perjanjian dan penyediaan bekalan makanan bermasak kurang memuaskan di Kompleks Darul Kifayah dan SMISTA. Denda sebanyak 10% tidak dikenakan terhadap kontraktor yang telah membekal makanan yang kurang berkualiti mengikut spesifikasi.
 - ii. Perbezaan sebanyak 113,978 pesanan sajian berjumlah RM189,512 berbanding bilangan sebenar penghuni asrama di Kompleks Darul Kifayah.
 - iii. Perjanjian tambahan antara Kembara Cekal Enterprise dengan MAIWP bagi penyediaan bekalan makanan kepada pelajar SMISTA tidak disediakan.
 - iv. Tiada pemantauan secara berkala terhadap penyediaan makanan bermasak di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP bagi menjamin kualiti penyediaan makanan.

- c. Pihak Audit mengesyorkan supaya MAIWP mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. MAIWP perlu menjalankan penyeliaan dan pemantauan secara berkala terhadap pengurusan bekalan makanan bagi memastikan pelaksanaan

- pengurusan bekalan makanan dibuat dengan lebih cekap serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- ii. MAIWP perlu memastikan penyediaan sajian bekalan makanan bermasak adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan pelajar dan penghuni asrama.
 - iii. MAIWP hendaklah menyediakan dokumen perjanjian tambahan dengan pembekal bagi menjaga kepentingan MAIWP supaya dilindungi dari segi perundangan sekiranya berlaku ketidakpatuhan perkhidmatan bekalan makanan.
 - iv. MAIWP hendaklah memastikan Penyelia Asrama membuat pemeriksaan dan pengesahan terhadap kuantiti dan kualiti bahan mentah yang diterima selaras dengan spesifikasi dalam perjanjian. Selain itu, pengetua hendaklah membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan perkhidmatan bekalan makanan diselia dengan baik.
 - v. Laporan Prestasi Pembekalan Makanan perlu disediakan dan disemak setiap bulan sebelum bayaran dibuat. Sekiranya pembekalan yang dibuat tidak memuaskan, MAIWP perlu mengenakan penalti sebanyak 10% daripada jumlah keseluruhan bayaran perkhidmatan atau menamatkan perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

5. PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

- Pengurusan Harta Intelek

- a. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) ditubuhkan untuk mendaftar harta intelek iaitu cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi dan reka bentuk susun atur litar bersepadu. MyIPO berfungsi untuk memantau pelaksanaan segala perkara serta undang-undang berkaitan harta intelek, memberikan perkhidmatan pengurusan, memungut dan menguatkusakan fi bayaran atau apa-apa caj yang diperuntukkan di bawah perundangan harta intelek serta menjaga kepentingan negara dalam apa-apa perjanjian atau konvensyen antarabangsa yang mana Malaysia menjadi ahli. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos sehingga Oktober 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan harta intelek di MyIPO adalah baik. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:
 - i. Prestasi pendaftaran bagi permohonan tahun 2011 sehingga 2013 tidak dapat diukur kerana masih dalam proses semakan. Ini kerana tempoh memproses permohonan untuk pendaftaran harta intelek boleh mencapai sehingga 26 bulan.
 - ii. Prestasi pendaftaran harta intelek sebelum tahun 2011 berbanding permohonan bersih adalah sebanyak 98.8% (cap dagangan), 80.6%

(paten) dan 100% (reka bentuk perindustrian). Sehingga tahun 2010 sebanyak 15,989 permohonan masih dalam proses pendaftaran.

Secara keseluruhannya, pengurusan harta intelek telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur dengan penggunaan sistem teknologi berbanding tahun 2006 di mana MyIPO tidak menetapkan tempoh masa proses pendaftaran harta intelek pada ketika itu. Setakat bulan Disember 2013, secara keseluruhannya prestasi pendaftaran harta intelek berbanding permohonan bersih sehingga tahun 2010 adalah 96.2%.

6. KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

- Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara

- a. Seksyen 26(2)(e), Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) telah memberarkan KWSP untuk melabur di luar Malaysia dengan kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan. Sehubungan ini, KWSP telah memilih pelaburan hartanah dan infrastruktur sebagai salah satu komponen alokasi aset strategik tahunannya untuk mengoptimumkan pulangan bagi tujuan pembayaran dividen tahunan. KWSP telah membuat pelaburan di luar negara seperti di United Kingdom, Australia, Singapura dan Eropah sama ada melalui syarikat subsidiarinya atau secara usaha sama.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos sehingga November 2013 mendapati pengurusan pelaburan hartanah KWSP di Australia telah diuruskan dengan baik. Penjelasan lanjut mengenai pengurusan hartanah adalah seperti berikut:
 - i. Pelaburan KWSP tahun 2013 adalah berjumlah RM586.66 bilion di mana sejumlah RM14.36 bilion adalah merupakan pelaburan hartanah dan infrastruktur.
 - ii. KWSP telah memperoleh pendapatan pelaburan kasar berjumlah RM35 bilion pada tahun 2013 berbanding RM31.02 bilion pada tahun 2012 dan RM27.23 bilion pada tahun 2011.
 - iii. KWSP telah menerima pendapatan pelaburan kasar hartanah dan infrastruktur sejumlah RM1.14 bilion pada tahun 2013 berbanding sasaran tahunan berjumlah RM930 juta iaitu pencapaian sebanyak 122.5%.
- c. Pelaburan hartanah dan infrastruktur KWSP pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 10% kepada RM14.36 bilion berbanding RM13.05 bilion pada tahun 2012. Manakala pendapatan pelaburan kasarnya telah meningkat sebanyak 91.1% daripada RM596 juta pada tahun 2012 kepada RM1.14 bilion pada tahun 2013. Secara keseluruhannya, pengurusan pelaburan hartanah luar negara KWSP di Australia adalah baik dan memberi

pulangan yang menguntungkan serta mencapai objektif pelaburan yang ditetapkan.

7. PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

- Pengurusan Perolehan

- a. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) berfungsi untuk menginsurans pendeposit dan melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli sehingga had yang ditetapkan oleh Akta PIDM. Perbadanan juga diberi mandat untuk menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan, serta menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei sehingga Ogos 2013 mendapati pengurusan perolehan di PIDM memerlukan beberapa penambahbaikan terhadap proses perolehan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
 - i. Empat *Supplemental Letters* dikeluarkan untuk meminda skop kerja dan juga melanjutkan tempoh masa siap kerja. Pindaan dan tambahan kerja telah menyebabkan kos asal projek meningkat 99.6% daripada kontrak asal yang berjumlah RM2.34 juta. Peningkatan sejumlah RM2.33 juta menjadikan kos projek berjumlah RM4.67 juta dan tarikh siap projek dilanjutkan dari 30 April 2012 kepada 31 Mac 2014 iaitu selama 700 hari. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan ini masih di dalam bajet yang diluluskan.
 - ii. Projek lewat disiapkan antara 28 hingga 85 hari dari tarikh yang telah ditetapkan dalam perjanjian oleh kerana pihak PIDM mengubah spesifikasi dan skop kerja kontrak. Tiada kelulusan secara rasmi bagi lanjutan tempoh masa tersebut.
 - iii. Ketidakseragaman dalam proses tender terhadap pengurusan perolehan di mana 3 atau 43% daripada 7 Perjanjian Kerahsiaan yang dipilih sebagai sampel Audit tidak dimatikan setem.
 - iv. Senarai semak proses tender tidak diwujudkan sebagai rujukan dan panduan untuk semua bahagian. Selain itu, pengemaskinian semua fail projek bagi perolehan tender tidak dilakukan secara seragam.
- b. Pihak Audit mengesyorkan PIDM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
 - i. PIDM hendaklah menyediakan perancangan perolehan dengan teliti bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.
 - ii. PIDM perlu mematuhi prosedur tender yang telah berkuatkuasa bagi tujuan penyeragaman dan penyelarasian.

- iii. PIDM perlu mewujudkan senarai semak proses tender sebagai rujukan dan panduan semua bahagian. Selain itu, pengemaskinian semua fail projek perolehan tender perlu dilakukan secara seragam.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PENDAHULUAN

8. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah diwartakan pada bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat subsidiari Kerajaan. Sebanyak 3 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit untuk sesi pembentangan pertama tahun 2014 di Parlimen.

9. PENGURUSAN RISDA FLEET SDN. BERHAD

(Syarikat Subsidiari Pihak Berkuaasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah)

- a. RISDA Fleet Sdn. Berhad (RISDA Fleet) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 September 1996 dengan nama SHDC Wood Sdn. Berhad dan ditukar namanya kepada RISDA Fleet pada 2 Januari 2002. RISDA Fleet merupakan sebuah syarikat subsidiari Smallholders Development Corporation Sdn. Berhad (SHDC) di mana SHDC memiliki 70% kepentingan manakala 30% lagi dimiliki oleh Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO). Modal dibenarkan RISDA Fleet berjumlah RM0.50 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.30 juta. Aktiviti utama RISDA Fleet adalah menyediakan pengurusan dan perkhidmatan pengangkutan untuk tanah, benih, baja, minyak sawit mentah, mengendalikan bengkel servis kenderaan dan bertindak sebagai ejen untuk syarikat pengangkutan perkapalan, keretapi dan feri.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac 2013 mendapati tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan RISDA Fleet adalah baik manakala pengurusan aktiviti adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasi kewangan RISDA Fleet bagi tahun 2010 dan 2011 adalah kurang memuaskan di mana syarikat mengalami kerugian terutamanya kerugian yang ketara pada tahun 2011 sejumlah RM3.38 juta. Kerugian terkumpul RISDA Fleet bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan 2012 melebihi modal saham yang berjumlah RM0.30 juta. Bagaimanapun, prestasi kewangan RISDA Fleet meningkat pada tahun 2012 dengan mencatatkan keuntungan dan berjaya mengurangkan kerugian terkumpul daripada RM1.45 juta kepada RM0.81 juta. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Lesen Pengendali bagi 47 lori atas nama SHDC belum diperolehi daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) walaupun perkhidmatan pengangkutan telah dijalankan dan tempoh yang ditetapkan oleh SPAD untuk penukaran lesen sedia ada kepada Lesen Pengendali telah tamat pada 30 September 2012.
 - ii. Bilangan lori sedia ada tidak mencukupi antaranya disebabkan oleh keadaan lori telah uzur dan tidak ekonomik untuk digunakan sertakekangan modal. Ini menyebabkan RISDA Fleet bergantung kepada panel pengangkutan yang dilantik.
 - iii. Kelewatan penghantaran baja ke kilang menyebabkan RISDA Fleet dikenakan denda. Bagi tahun 2012, sejumlah RM207,636 denda telah dibayar oleh RISDA Fleet terhadap perkhidmatan pengangkutan baja.
 - iv. Aset tidak diberi nombor pendaftaran aset dan tiada pemeriksaan tahunan dibuat dalam tahun 2010 sehingga bulan Mac 2013.
- c. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:
- i. RISDA Fleet perlu meningkatkan keuntungan semasa atau mengurangkan kos perbelanjaan operasi bagi mengukuhkan kembali kedudukan kewangan syarikat dan berusaha mengurangkan jumlah kerugian terkumpul. Kecekapan RISDA Fleet menggunakan asetnya juga perlu dipertingkatkan bagi menjana keuntungan yang berterusan pada masa hadapan.
 - ii. RISDA Fleet perlu memastikan hanya lori yang disenaraikan di Lesen Pengendali dibenarkan beroperasi selaras dengan akta yang ditetapkan oleh SPAD.
 - iii. RISDA Fleet dan RISDA perlu berbincang mengenai pengurusan lori RISDA Fleet terutamanya milik SHDC dan NARSCO dan masalah kekurangan lori serta mempertimbangkan suntikan modal bagi membolehkannya memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dalam pasaran yang semakin kompetitif.
 - iv. RISDA Fleet dan RISDA perlu mengkaji proses penghantaran dan pengangkutan bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak. RISDA Fleet juga perlu menguruskan perkhidmatan pengangkutan dengan lebih baik dan mematuhi syarat yang ditetapkan dalam perjanjian bagi mengelakkan daripada dikenakan denda/penalti yang boleh merugikan syarikat.

10. PENGURUSAN F.I.T CENTER SDN. BERHAD (Syarikat Subsidiari Majlis Amanah Rakyat)

- a. F.I.T Center Sdn. Berhad (FITEC) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 28 Januari 1994. FITEC merupakan syarikat subsidiari milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan modal dibenarkan sejumlah RM10 juta dan modal berbayar sejumlah RM5.67 juta. FITEC berfungsi sebagai agensi pelaksana dalam meningkatkan lagi pembangunan industri perabot Bumiputera di Malaysia melalui latihan yang berkaitan dengan industri perabot dan jual beli perabot. FITEC menetapkan visi untuk memperkasakan keusahawanan dengan menyediakan fasiliti pemasaran, latihan dan pembangunan untuk sektor komersial dan pertahanan.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2013 mendapati tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan FITEC adalah baik manakala pengurusan aktiviti adalah memuaskan. Prestasi kewangan FITEC bagi tahun 2010 dan 2011 adalah kurang memuaskan dimana FITEC mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM0.28 juta dan RM0.65 juta masing-masing. Kerugian tersebut adalah disebabkan pelarasan geran tahunan serta kerugian dalam Program Vendor My Kitchen. Bagaimanapun, pada tahun 2012 FITEC mengalami keuntungan selepas cukai sejumlah RM0.16 juta disebabkan oleh peningkatan pendapatan operasi. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
 - i. Bilangan latihan dan peserta tidak mencapai sasaran ditetapkan. Bilangan latihan dan peserta yang dicapai pada tahun 2010 adalah 62.1% dan 59.7% manakala pencapaian bilangan latihan dan peserta pada tahun 2012 adalah 81.2% dan 70.2%.
 - ii. FITEC tidak menetapkan sebarang mekanisma untuk menilai keberkesanan program latihan yang dianjurkan.
 - iii. Perbelanjaan di bawah Program Vendor Perabot Kapal tidak menepati terma perjanjian yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI). Penyertaan FITEC dalam pameran yang diadakan di Itali pada bulan April 2011 hanya diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2012.
 - iv. Perbelanjaan di bawah Program Vendor My Kitchen tidak menepati terma perjanjian ditetapkan oleh MITI dan mengalami kerugian berjumlah RM2.04 juta bagi tempoh tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013.
 - v. Laporan prestasi aktiviti dan perbelanjaan di bawah Program Pembangunan Vendor MITI tidak dikemukakan secara berkala kepada MITI.

- vi. Kajian daya maju terhadap sesuatu prospek perniagaan seperti Program My Kitchen melalui pembukaan outlet My Kitchen dan Pusat Pameran dan Jualan Perabot di Rumah Melaka tidak dijalankan untuk memastikan sama ada ia mempunyai daya saing dan boleh mendatangkan keuntungan kepada syarikat. Akibatnya, FITEC mengalami kerugian sejumlah RM2.23 juta manakala outlet dan pusat pameran tersebut terpaksa ditutup.
- c. Pihak Audit mengesyorkan FITEC dan MARA mengambil tindakan terhadap perkara berikut:
 - i. MARA perlu memantau aktiviti yang dijalankan oleh FITEC bagi meningkatkan kapasiti latihan dan bilangan usahawan Bumiputera.
 - ii. FITEC perlu menyelesaikan segera isu tunggakan bayaran sewaan outlet Sungai Buloh, Rawang, Shah Alam dan Klang bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar ditanggung FITEC.
 - iii. FITEC hendaklah menjalankan kajian daya maju sebelum sebarang keputusan diambil terhadap sesuatu prospek perniagaan bagi memastikan ianya berdaya saing dan boleh mendatangkan keuntungan kepada syarikat.

11. PENGURUSAN MAJUIKAN FORWARDING SDN. BERHAD (Syarikat Subsidiari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia)

- a. Majuikan Forwarding Sdn. Berhad (MFSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 29 November 1994 dan merupakan sebuah syarikat subsidiari Majuikan Sdn. Berhad (MSB) iaitu syarikat subsidiari milikan penuh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). MSB memiliki 100% kepentingan di dalam MFSB. Modal dibenarkan MFSB berjumlah RM500,000 dan modal berbayar berjumlah RM100,000. MFSB terlibat dalam aktiviti perkhidmatan ejen pelepasan Kastam, Gudang Awam Berlesen, pengangkutan dan penghantaran barang.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac 2013 mendapat pengurusan syarikat MFSB adalah tidak memuaskan kerana prestasi kewangan MFSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 mengalami kerugian selepas cukai kecuali pada tahun 2009. Nisbah hutangnya melebihi 100% menunjukkan syarikat terlalu bergantung kepada pinjaman luar. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
 - i. MFSB mengalami kerugian selepas cukai 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 sehingga 2012 dan kerugian terkumpul berjumlah

- RM412,250 setakat 31 Disember 2012 telah melebihi modal berbayar syarikat iaitu RM100,000.
- ii. Kos tetap operasi meningkat dari tahun 2007 sehingga 2012 iaitu daripada RM12,000 pada tahun 2007 kepada RM361,656 pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan penyewaan jentera fantuzzi untuk operasi gudang yang bermula pada tahun 2009 dan bayaran tetap pinjaman oleh syarikat yang bermula pada 2011.
 - iii. Perjanjian pinjaman bertarikh 14 Februari 2011 untuk menaik taraf gudang berjumlah RM310,000 tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah MSB dan LKIM.
 - iv. Tadbir urus korporat yang lemah iaitu tiada pemantauan dan strategi serta rancangan korporat tidak dibincangkan oleh ahli Lembaga Pengarah MFSB.
- c. Pihak Audit mengesyorkan LKIM mengkaji daya maju MFSB supaya tidak menjadi liabiliti kepada Kerajaan.



BAHAGIAN I

PENGURUSAN AKTIVITI
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I **PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 6 aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. YB Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Jawatankuasa Audit, Ketua Audit Dalam Kementerian dan Badan Berkanun Persekutuan berkenaan juga dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2. PENGURUSAN PEMBINAAN KAMPUS SULTAN AZLAN SHAH

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ditubuhkan pada 1 Mei 1997 di bawah Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997 menerusi Warta Kerajaan bertarikh 24 Februari 1997. UPSI yang terletak di Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan mempunyai 2 kampus iaitu Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS) dan Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS). UPSI komited untuk membawa perubahan dalam pendidikan melalui penyebaran ilmu menerusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat dalam konteks pembangunan modal insan cemerlang di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Sehingga 31 Disember 2013, bilangan pelajar UPSI adalah seramai 24,601 orang yang ditempatkan di 9 buah Fakulti.

2.1.2 Projek pembinaan KSAS telah dirancang sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) merangkumi kawasan seluas 800 ekar di Bandar Proton, Tanjung

Malim. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan peruntukan sejumlah RM459.58 juta kepada UPSI bagi projek pembinaan KSAS. Peruntukan ini telah disalurkan untuk Pakej 1 meliputi kerja tanah dan infrastruktur yang berjumlah RM36.59 juta serta Pakej 2 meliputi kerja bangunan berjumlah RM422.99 juta.

2.1.3 Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi telah dilantik sebagai Pengarah Projek bagi pihak klien oleh pihak Kerajaan untuk melaksanakan projek ini. Projek pembinaan secara *design and build* ini telah diluluskan kepada Kumpulan SAKATA Sdn. Berhad secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. Pakej 1 telah dimulakan pada 1 Mac 2007 dan telah siap pada 28 April 2008 dengan kos berjumlah RM34.81 juta. Pakej 2 pula telah dimulakan pada 1 Ogos 2008 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Januari 2012 dengan perbelanjaan berjumlah RM403.80 juta setakat 31 Disember 2013. Pihak UPSI telah mula menduduki KSAS pada 20 Februari 2012.

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan KSAS yang dilaksanakan oleh kontraktor dan dipantau oleh JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan KSAS. Semakan dibuat terhadap dokumen perjanjian, fail, minit mesyuarat, rekod dan dokumen yang berkaitan daripada JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi dan di UPSI. Perbincangan dan temu bual telah diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab, kontraktor dan perunding yang terlibat terhadap pengurusan projek ini. Lawatan fizikal juga telah dibuat ke bangunan yang terlibat di KSAS. Selain itu, borang soal selidik juga telah diedarkan kepada seramai 150 pegawai, pensyarah dan pelajar di KSAS.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga November 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek pembinaan kampus KSAS adalah kurang memuaskan kerana kurang teliti semasa merancang projek dan menetapkan skop serta spesifikasi. Antara kelemahan dalam pengurusan projek pembinaan kampus KSAS adalah seperti berikut:

- a. Kualiti Pembinaan
 - i. *Cooling tower* saiz besar tidak praktikal digunakan kerana kedudukan pemasangannya tidak sama ketinggian dengan *cooling tower* saiz kecil menyebabkan air mengalir daripada *cooling tower* saiz besar ke *cooling tower* saiz kecil dan melimpah ke lantai. Oleh itu, *cooling tower* saiz besar tidak digunakan untuk mengelakkan pembaziran air yang dianggarkan RM300 sehari;
 - ii. Pemasangan *public address system* tidak praktikal. Bilangan mikrofon adalah tidak praktikal dengan keluasan bilik dan meja mesyuarat yang bersaiz kecil;
 - iii. Kegagalan kontraktor untuk menyelaraskan perbezaan suhu di dalam bilik dengan persekitaran di luar bilik telah menyebabkan kondensasi pada dinding luar bilik di 4 blok bangunan. Kondensasi yang berlaku telah menyebabkan dinding luar bilik lembap, menggelembung dan berkulat serta besi pada bucu dinding berkarat;
 - iv. Resapan air kerana *water proofing* tidak berfungsi telah menyebabkan plaster siling rosak di 2 blok bangunan. Resapan air yang berterusan ke dalam bangunan *Plant House 1* telah menyebabkan timbul stalaktit di bahagian dalam bangunan;
 - v. *Air terminal* sebagai penebat petir tidak dipasang di bumbung bangunan *Plant House 1* dan di Masjid KSAS. Oleh itu, UPSI perlu menyelaraskan amanya dalam akaun muktamad.
- b. *Building Automation System* (BAS) dan *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA) bernilai RM3.61 juta tidak boleh digunakan sepenuhnya. Sistem BAS tidak berfungsi (*offline*) di monitor kawalan bagi modul *Fire Alarm* di semua blok, *Chiller* di *Plant House 7* dan *Air Handling Unit* (AHU) di Panggung Percubaan, Dewan Besar dan Dewan Kuliah Pusat. Sistem SCADA tidak dapat mengawal sistem elektrik seperti lampu koridor di bangunan Panggung Percubaan dan Pusat Pelajar dari Bilik Kawalan.
- c. Sijil Layak Menduduki belum dikeluarkan setakat 31 Disember 2013 walaupun *Certificate of Practical Completion* telah dikeluarkan pada 31 Januari 2012 dan bangunan telah diduduki mulai Februari 2012;
- d. Sebanyak 58 kecacatan belum dibaiki oleh kontraktor setakat 31 Disember 2013 walaupun tempoh kecacatan (DLP) akan berakhir pada 31 Januari 2014.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

2.4.1 Prestasi Projek Pembinaan

2.4.1.1 Kumpulan SAKATA Sdn. Berhad telah dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan pada 16 Mac 2006 bagi melaksanakan projek pembinaan KSAS. Komponen projek pembinaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.1
PEMBINAAN KAMPUS KSAS PAKEJ 2**

| KOMPONEN YANG DIBINA |
|--|
| Kompleks Sains Kognitif & Pembangunan Manusia, Teknologi Pendidikan Multimedia |
| Kompleks Sains & Teknologi |
| Dewan Kuliah Berpusat |
| Masjid dan Pusat Islam |
| Dewan Besar Dan Panggung Percubaan |
| Kafetaria |
| Bangunan ROTU |
| Balai Pengawal dan Pos Pengawal |
| Pusat Pelajar |
| Pusat Komputer |

Sumber: Surat Kelulusan UPE

2.4.1.2 Mengikut kontrak, pembinaan Pakej 2 (Kerja Bangunan) berjumlah RM419.25 juta sepatutnya dimulakan pada bulan Ogos 2008 dan siap pada 27 Oktober 2010. Di samping itu, JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi telah meluluskan perubahan harga (VOP) berjumlah RM13.09 juta setakat 31 Disember 2013. Projek ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan kontraktor diluluskan 3 kali lanjutan masa (EOT) sehingga 14 Ogos 2011. Kontraktor hanya menyiapkan projek pada 31 Januari 2012 dan dikenakan denda *Liquidated Ascertained Damages* berjumlah RM9.10 juta kerana lewat menyiapkan projek selama 169 hari. Mengikut kontrak, tempoh kecacatan akan berakhir pada 31 Januari 2014 iaitu selama 2 tahun selepas disiapkan pada 31 Januari 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
LANJUTAN MASA BAGI PEMBINAAN KSAS PAKEJ 2

| EOT | | | | JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA |
|--------------------|-------------|--------------|-------------------------|---|
| BIL. | TARIKH MULA | TARIKH TAMAT | TEMPOH KELULUSAN (HARI) | |
| 1. | 27.10.2010 | 25.01.2011 | 90 | • Kenaikan harga bahan selaras dengan SPP Bilangan 3 Tahun 2008 |
| 2. | 25.01.2011 | 18.04.2011 | 83 | • Kelewatan keputusan rekabentuk perabot makmal, papan tanda dan pertukaran jenama pam |
| 3. | 18.04.2011 | 14.08.2011 | 118 | • Kelewatan keputusan rekabentuk siling akustik untuk Bangunan Dewan Besar oleh pelanggan |
| JUMLAH HARI | | | 291 | |

Sumber: Kontrak Serta Sijil Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

2.4.2 Kualiti Pembinaan

2.4.2.1 Cooling Tower Tidak Praktikal Untuk Digunakan

- Mengikut kontrak *design and build*, kontraktor dan perunding struktur DNP Consult Sdn. Berhad serta perunding Mechanical & Engineering BI Consulting Engineering Sdn. Berhad bertanggungjawab memastikan rekabentuk semua spesifikasi bangunan adalah praktikal dilaksanakan dan dapat digunakan. Lawatan Audit pada 7 November 2013 mendapati *Plant House 1* mempunyai 2 *cooling tower* saiz besar dan 2 *cooling tower* saiz kecil bagi membekalkan sistem penghawa dingin ke 10 blok Bangunan Akademik dan 1 blok ICT. UPSI memaklumkan *cooling tower* saiz besar tidak digunakan kerana ia akan menyebabkan air dengan isi padu 330 meter padu sehari mengalir keluar dari *cooling tower* saiz kecil selepas *chiller* ditutup pada waktu petang. Oleh itu, pihak UPSI hanya menggunakan 2 set *cooling tower* saiz kecil untuk mengelakkan pembaziran air. Kontraktor memaklumkan *cooling tower* terpaksa dipasang di atas *beam* untuk mengatasi gegaran yang boleh memberi impak kepada struktur bangunan apabila ia beroperasi. Kedudukan pemasangannya yang tidak sama ketinggian dengan *cooling tower* saiz kecil telah menyebabkan air mengalir dari *cooling tower* saiz besar ke *cooling tower* saiz kecil dan melimpah ke lantai.
- Semakan lanjut mendapati pihak UPSI telah membuat aduan kepada JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi melalui surat bertarikh 4 April 2012 berkaitan **pembaziran air yang dianggarkan RM300 sehari jika cooling tower saiz besar digunakan**. Pihak kontraktor telah memasang *motorized valve* bagi mengawal limpahan air tersebut bagaimanapun ia masih gagal berfungsi sehingga tarikh

lawatan Audit. *Cooling tower* saiz besar yang bermasalah adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.1
***Cooling Tower* Saiz Besar Yang Bermasalah**



Lokasi: Plant House 1
Tarikh: 7 November 2013



Lokasi: Plant House 1
Tarikh: 7 November 2013

Pada pendapat Audit, cara pemasangan *cooling tower* saiz besar yang tidak praktikal adalah satu pembaziran kerana tidak dapat digunakan oleh UPSI. Perunding telah gagal memastikan reka bentuk pemasangan *cooling tower* boleh berfungsi dengan baik sebelum diserah kepada UPSI. JKR juga tidak memantau pemasangan *cooling tower* untuk memastikan ia boleh digunakan dengan berkesan.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi memaklumkan terdapat perbezaan aras antara cooling tower besar dan cooling tower kecil. Masalah ini timbul disebabkan terdapat tambahan transfer beam setinggi 200mm yang terpaksa dibuat sewaktu pembinaan untuk menyesuaikan dengan saiz dan konfigurasi cooling tower yang sampai di tapak. Walau bagaimanapun, kontraktor akan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- i. *Menilai keadaan sedia ada oleh pakar dan memberi saranan pada 9 Januari 2014.*
- ii. *Menyediakan lukisan bagi kerja pembaikan injap dan pendawaian untuk kelulusan perunding yang dijangka siap pada 5 Februari 2014.*
- iii. *Melakukan kerja pendawaian dan mengkoordinasi kerja kawalan automatik ke panel kawalan dan dijangka siap pada 22 Februari 2014.*
- iv. *Menambah sebanyak 8 injap bermotor pada return pipe cooling tower besar pada 1 Mac 2014 dan mengujinya pada 10 Mac 2014.*

2.4.2.2 Pemasangan *Public Address System* Tidak Praktikal

Berdasarkan *need statement* UPSI, semua bilik mesyuarat hendaklah dilengkapi dengan *Public Address System* (PA) yang bersesuaian. Sehubungan itu, perunding dan JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi perlu memastikan pemasangan dan spesifikasi peralatan adalah bersesuaian dan praktikal dengan keluasan bilik mesyuarat. Lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 dan 12 November 2013 ke 4 bilik mesyuarat mendapati **bilangan mikrofon adalah tidak praktikal dengan keluasan bilik dan meja mesyuarat yang bersaiz kecil**. Ini disebabkan masalah komunikasi di antara pihak yang terlibat dan ketiadaan perancangan yang terperinci. Misalnya, pemasangan 20 unit mikrofon di bilik mesyuarat bersaiz 33 meter persegi dengan 14 kapasiti kerusi. Peralatan yang tidak praktikal dengan keluasan saiz bilik dan meja mesyuarat adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.3
KELUASAN BILIK MESYUARAT TIDAK PRAKTIKAL DENGAN PERALATAN**


| BILIK MESYUARAT | LOKASI | KELUASAN (M) | KAPASITI KERUSI DI MEJA MESYUARAT | BILANGAN MIKROFON | CATATAN |
|-----------------------------|-----------------|--------------|-----------------------------------|-------------------|---------------------------|
| Bilik Mesyuarat 3 | Aras 3, Blok 10 | 4.6m x 7.1m | 14 | 20 | Tiada keperluan PA sistem |
| Bilik Mesyuarat 1A | Aras G, Blok 7 | 4.8m x 7.1m | 12 | 16 | |
| Bilik Mesyuarat 1C | Aras 2, Blok 7 | 4.5m x 7.1m | 12 | 16 | |
| Bilik Mesyuarat Profesional | Aras 1, Blok 9 | 5.4m x 9.1m | 16 | 20 | Mikrofon berlebihan |

Sumber: Lawatan Audit Pada 9 Oktober 2013 dan 12 November 2013

**GAMBAR 2.2
Pemasangan Peralatan PA Sistem Yang Tidak Praktikal
Dengan Keluasan Bilik Dan Meja**



Lokasi: Bilik Mesyuarat 3, Aras 3, Blok 10
Tarikh: 9 Oktober 2013



Lokasi: Bilik Mesyuarat 1A, Aras G, Blok 7
Tarikh: 12 November 2013

GAMBAR 2.3
Pemasangan Peralatan PA Sistem Yang Tidak Praktikal
Dengan Keluasan Bilik Dan Meja



Lokasi: Bilik Mesyuarat 1C, Aras 2, Blok 7
Tarikh: 12 November 2013



Lokasi: Bilik Mesyuarat Profesional, Aras 1, Blok 9
Tarikh: 12 November 2013

Berdasarkan maklum balas yang diterima, *PA System* akan dipindahkan ke 4 bilik lain. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hanya 2 daripada 4 bilik yang dicadangkan adalah sesuai dan kos pemindahan *PA System* tersebut sejumlah RM 24,000 telah ditanggung oleh UPSI. Selain itu, UPSI sedang mengenal pasti bilik mesyuarat yang sesuai untuk memasang baki sebanyak 31 unit mikrofon. Dua bilik di mana sebanyak 41 unit mikrofon telah dipasang adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.4
Bilik Yang Telah Dipasang
20 Unit Mikrofon



Lokasi: Bilik Mesyuarat Jabatan Matematik
Tarikh: 12 Februari 2014

GAMBAR 2.5
Bilik Yang Telah Dipasang
21 Unit Mikrofon



Lokasi: Bilik Mesyuarat JPPHB
Tarikh: 12 Februari 2014

Pada pendapat Audit, perincian reka bentuk adalah tanggungjawab perunding dan khidmat nasihat hendaklah diberikan oleh JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi sebagai Pengarah Projek. Perolehan peralatan yang tidak praktikal dengan keluasan bilik dan meja yang kecil adalah satu pembaziran.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan tindakan memindahkan PA System ke 4 bilik lain yang memerlukannya dijangka siap pada 28 Februari 2014.

2.4.2.3 Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan

Perenggan 21.2 *Need Statement for architectural work requirements* dalam Dokumen Kontrak menyatakan reka bentuk kemasan luar hendaklah *cost effective*, memberi nilai tambah, tahan cuaca dan *anti-fungus* serta berkualiti baik.

a. Kerosakan Dinding Disebabkan Kondensasi

Lawatan Audit pada 7 November 2013 mendapati berlaku kondensasi di dinding jenis *gypsum drywall* di Blok 4, 7, 8 dan 10. Kegagalan mengawal perbezaan suhu antara bilik yang berhawa dingin dan ruang laluan yang tidak berhawa dingin menyebabkan dinding lembap, **menggelembung dan berkulat**. Besi pada bucu dinding juga didapati berkarat. Semakan Audit terhadap Rekod Aduan Kecacatan daripada UPSI mendapati aduan berkaitan perkara ini telah dibuat seawal bulan Mac 2012 sebaik sahaja bangunan diduduki. Walaupun rekod menunjukkan pihak kontraktor telah memperbaiki kecacatan di Blok 4, namun dinding masih lembap, manakala tindakan pembetulan masih belum diambil terhadap blok-blok lain. Kerosakan dinding yang serius memberi persekitaran yang tidak sihat kepada pengguna. Dinding yang lembap, berkulat dan besi pada bucu dinding berkarat adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.6
Besi Pada Bucu Dinding Berkarat
Akibat Kondensasi



Lokasi: Blok 10, Bilik Pensyarah Aras bawah
Tarikh: 7 November 2013

GAMBAR 2.7
Kondensasi Berlaku Di Dinding Jenis
Gypsum Drywall




Lokasi: Blok 10, Bilik Pensyarah Aras bawah
Tarikh: 7 November 2013

GAMBAR 2.8
Kawasan Pintu Bilik Pensyarah Berkulat



Lokasi: Blok 10, Bilik Pensyarah Aras bawah
Tarikh: 7 November 2013



GAMBAR 2.9
Pintu Dan Dinding Di Luar Bilik Pensyarah Lembap Dan Berkulat



Lokasi: Blok 10, Bilik Pensyarah Aras 2
Tarikh: 9 Oktober 2013



Lokasi: Blok 7, Bilik Pensyarah Aras 2
Tarikh: 12 November 2013

Pada pendapat Audit, pihak perunding telah gagal memberi khidmat nasihat yang sewajarnya kepada kontraktor terhadap keperluan pengawalan suhu sehingga menyebabkan kondensasi berlaku dan merosakkan dinding bangunan.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa reka bentuk asal adalah bagi memenuhi keperluan BOMBA untuk diadakan pengudaraan semulajadi dan moisture resistance drywall dipasang. Kontraktor akan menukar bahan dinding moisture resistance drywall asal kepada normal gypsum drywall yang boleh menampung perbezaan suhu dan dijangka siap pada 28 Februari 2014. Kerja mengganti frame dinding drywall dan kerja mengecat semula dinding dijangka siap pada 11 Mac 2014.

b. Resapan Air Di Plaster Ceiling

Lawatan Audit pada 11 November 2013 di Masjid KSAS mendapati siling di bahagian tepi bangunan masjid telah jatuh kerana mengalami resapan air. **Penggunaan bahan plaster ceiling didapati tidak sesuai** di bahagian tepi bangunan yang terdedah kepada hujan. Air yang meresap pada *plaster ceiling* adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.10
Air Yang Meresap Pada Plaster Ceiling Di Koridor Masjid



Lokasi: Koridor Masjid
Tarikh: 11 November 2013

Pada pendapat Audit, kontraktor telah memilih bahan binaan yang tidak sesuai. Perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku kerana perunding dan JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi bertanggungjawab memastikan bahan binaan adalah sesuai, tempoh hayatnya munasabah dan *cost effective* sebelum penggantian semula.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa skop kerja terlibat adalah berhubungkait dengan fascia board. Pembinaan adalah menepati reka bentuk asal iaitu menggunakan cemboard untuk fascia luaran dan moisture resistance ceiling board untuk intermediate fascia. Kerosakan telah diambil tindakan dan siap pada 28 Januari 2014.


c. Water Proofing Tidak Berfungsi

Mengikut perenggan 23.3 *Need Statement for architectural work requirements* dalam Dokumen Kontrak, dek bumbung yang rata dan curam serta terdedah kepada hujan hendaklah disediakan dengan *water proofing membranes* yang diluluskan oleh JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi.

- i. Semakan Audit terhadap aduan kerosakan oleh pihak UPSI mendapati sebahagian besar kecacatan adalah disebabkan **air meresap ke dalam bangunan kerana water proofing yang digunakan tidak berfungsi**.

Lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 ke *Plant House 1* mendapati terdapat kesan resapan air di bahagian dalam bangunan. Resapan air tersebut adalah dari bumbung *Plant House 1* yang menempatkan tangki air dan *cooling tower*. Resapan air yang berterusan ke dalam bangunan telah menyebabkan pembentukan stalaktit pada bahagian dalam *Plant House 1* seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.11
Resapan Air Menitis Ke Bawah Menjadi Stalaktit



Lokasi: Bahagian Dalam Bumbung *Plant House 1*
Tarikh: 9 Oktober 2013

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan tindakan penambahbaikan yang dibuat oleh kontraktor di *Plant House 1* yang dijangka siap pada 30 Januari 2014 adalah seperti berikut:

- i. Kerja meratakan tapak konkrit mengikut gradient ke scupper drain sedia ada.
 - ii. Menyapu 2 lapisan water proofing jenis acrylic coating Pentens T-200 yang tahan UV di atas lapisan lepa.
 - iii. Membuat PU Grouting Injection menggunakan Pentens PU-300 pada bahagian bawah papak bumbung konkrit.
- ii. Lawatan Audit pada 11 November 2013 ke Blok 3, Aras 3, Makmal 8 juga mendapati air meresap dari bumbung yang menempatkan tangki air. Air meresap masuk melalui *expansion joint* kerana pemasangan sealant tidak sempurna. Resapan air dari bumbung tersebut merosakkan siling dibawahnya seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.12
Resapan Air Melalui *Expansion Joint* Merosakkan Lantai dan Siling



Lokasi: Atas Bumbung, Blok 3 Aras 3 Makmal 8
Tarikh: 11 November 2013


Lokasi: Blok 3 Aras 3 Makmal 8
Tarikh: 11 November 2013

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan kaedah pemasangan sealant asal menggunakan Thioflex 600 Foros telah dijalankan sebagaimana diluluskan. Air meresap masuk kerana terdapat latent defect pada kerja water proofing.

- iii. Selain itu, lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 ke Blok 10, Aras Tanah mendapati air hujan meresap melalui *expansion joint* hingga menyebabkan kerosakan pada siling seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.13
Resapan Air Melalui *Expansion Joint* Merosakkan Siling



Lokasi: Blok 10 Aras Tanah

Tarikh: 9 Oktober 2013

Pada pendapat Audit, kesempurnaan *water proofing* dan penggunaan *sealant* bagi *expansion joint* tidak diperiksa dengan teliti oleh pihak perunding sehingga menyebabkan kecacatan bangunan.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.


JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan tindakan penambahbaikan untuk membaik pulih *expansion joint* yang melibatkan pemasangan semula *sealant* dengan *capping* oleh pihak kontraktor dijangka siap pada 3 Mac 2014 dan mengganti siling yang rosak dijangka siap pada 10 Mac 2014.

d. Spesifikasi JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi Tidak Dipatuhi

Pengarah Projek dan perunding bertanggungjawab memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi. Lawatan Audit pada 11 November 2013 mendapati beberapa ketidakpatuhan seperti berikut:

- i. Spesifikasi JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi L-S1, Seksyen 9.6 dan *Personal Protection Equipment (PPE) 1994* Peraturan 34(1) menetapkan bahawa setiap sambungan antara *trunking* perlu dibumikan dengan berkesan bagi tujuan keselamatan. Semakan Audit mendapati **copper bridge** tidak dipasang pada setiap sambungan antara *trunking* di Bilik Chiller, *Plant House 1* seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.14
Copper Bridge Tidak Dipasang Pada Setiap Sambungan Antara Trunking



Lokasi: Dewan Besar Berdekatan Pentas
 Tarikh: 11 November 2013


Lokasi: Bilik Chiller, *Plant House 1*
 Tarikh: 12 Februari 2014

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa trunking di plant house telah siap dipasang pada 9 Januari 2014 oleh kontraktor.

- ii. PPE 1994 Peraturan 34(1) menetapkan keperluan pemasangan kabel bumi ke pintu papan agihan adalah bagi tujuan keselamatan. Spesifikasi JKR L-S1 (April 1999) Seksyen 3.0 dan PPE 1994, Peraturan 19(1b) menetapkan lukisan litar skematik perlu dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan. Semakan Audit mendapati lukisan litar skematik di Bilik Utiliti 1, Dewan Besar tidak dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan untuk rujukan bagi memudahkan kerja penyenggaraan. Penemuan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.15
Lukisan Litar Skematik Tidak Dilekatkan Di Bahagian Dalam Pintu Papan Agihan



Lokasi: Dewan Besar, Bilik Utiliti 1
 Tarikh: 11 November 2013


Lokasi: Dewan Besar, Bilik Utiliti 1
 Tarikh: 12 Februari 2014

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa tindakan telah diambil iaitu lukisan litar skematik yang tertanggal telah selesai dipasang semula pada 9 Januari 2014.

- iii. Spesifikasi JKR L-S1 (April 1999) Seksyen 9.6 menetapkan keperluan pemasangan *fire barrier* untuk mengelakkan kebakaran daripada merebak ke bahagian lain. Semakan Audit mendapati **tiada pemasangan *fire barrier*** pada laluan *trunking* di Bilik Utiliti 1, Dewan Besar seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.16
Fire Barrier Pada Laluan Trunking Tidak Dipasang



Lokasi: Dewan Besar, Bilik Utiliti 1
Tarikh: 11 November 2013

Lokasi: Dewan Besar, Bilik Utiliti 1
Tarikh: 12 Februari 2014

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa pemasangan *fire barrier* seperti mana spesifikasi JKR telah siap pada 2 Januari 2014.

- iv. Spesifikasi JKR L-S1 (April 1999) Seksyen 15.0 dan PPE 1994 Peraturan 19, 37(a), 38, 39 dan 40 menetapkan bahawa Notis DILARANG MASUK, BAHAYA dan DILARANG MEROKOK perlu dilekatkan pada setiap pintu bilik suis. Semakan Audit ke Bilik Suis di Blok 4 mendapati notis yang dipamerkan tidak lengkap seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.17
Tiada Notis DILARANG MASUK Dan DILARANG MEROKOK



Lokasi: Blok 4, Bilik Suis Aras Tanah
 Tarikh: 11 November 2013


Lokasi: Blok 4, Bilik Suis Aras Tanah
 Tarikh: 12 Februari 2014

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan notis DILARANG MASUK dan DILARANG MEROKOK telah siap dipasang pada 9 Januari 2014.

- v. Spesifikasi JKR L-S1 – Section 13 Earthing menetapkan pemasangan Air Terminal adalah untuk memastikan arus daripada penebat petir dibumikan terus ke bumi melalui pengalir copper tape dan down conductor. Semakan Audit mendapati **Air Terminal tidak dipasang** pada bumbung bangunan di *Plant House 1* dan bumbung masjid seperti di gambar berikut:


GAMBAR 2.18
Air Terminal Tidak Dipasang Di Bumbung Plant House 1



Lokasi: *Plant House 1*
 Tarikh: 11 November 2013


Lokasi: *Plant House 1*
 Tarikh: 11 November 2013

GAMBAR 2.19
Air Terminal Tidak Dipasang
Di Bumbung Masjid



Lokasi: Bumbung Masjid
 Tarikh: 11 November 2013

GAMBAR 2.20
Kedudukan Air Terminal Yang Sepatutnya
Dipasang Mengikut Lukisan Teknikal



Sumber: Lukisan Teknikal
 Tarikh: 11 November 2013

Pada pendapat Audit, kontraktor gagal mematuhi spesifikasi JKR berkaitan keselamatan bangunan. Perunding dan Pengarah Projek pula tidak menjalankan pemantauan dengan berkesan dan ini boleh menjelaskan keselamatan pengguna. Memandangkan kerja pemasangan *air terminal* tidak dibuat oleh kontraktor, maka harga muktamad kontrak perlu dilaras.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa reka bentuk sistem perlindungan kilat adalah jenis 'structural earthing' di mana 'air termination network' terdiri daripada metal roof dan semua struktur logam disambung kepada down conductor. Lukisan tidak wajibkan air terminal dipasang.

2.4.3 Sistem Mekanikal Yang Diserahkan Tidak Lengkap Dan Tanpa *Operating Manual*

2.4.3.1 *Building Automation System*

- Bangunan KSAS dilengkapi dengan *Building Automation System* (BAS) bernilai RM2.93 juta yang ditempatkan di Bilik Kawalan ICT. Sistem ini adalah untuk memantau dan mengawal sistem mekanikal. Semakan Audit mendapati pihak UPSI **tidak dapat menggunakan sistem BAS sepenuhnya** kerana kontraktor hanya membekalkan *Operating Manual* pada 13 Januari 2014 walaupun sistem ini telah diserahkan kepada UPSI pada 31 Januari 2012 iaitu pada tarikh CPC. Lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 mendapati **monitor kawalan bagi sistem BAS tidak berfungsi (offline)** bagi modul berikut:

- i. *Fire alarm* di setiap blok
- ii. *Chiller* di *Plant House 7*
- iii. Sistem hawa dingin jenis VRF di bangunan Pusat Pelajar
- iv. *Air Handling Unit* (AHU) di Panggung Percubaan
- v. *Air Handling Unit* (AHU)/*Fan Coil Unit* (FCU) di Dewan Besar
- vi. *Air Handling Unit* (AHU) di Dewan Kuliah Pusat

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa:

- i. *BAS telah beroperasi dan digunakan oleh UPSI selepas tarikh CPC dengan menggunakan maklumat asas semasa latihan pada 15 November 2011.*
 - ii. *Latihan kepada kakitangan teknikal UPSI telah dijalankan pada 15 November 2011 adalah mencukupi untuk UPSI mengguna pakai sistem BAS.*
 - iii. *Kesemua modul monitor kawalan bagi modul sistem BAS telah berfungsi kecuali fire alarm di setiap blok masih offline kerana kerja pendawaian pada fire alarm panel belum disambungkan ke sistem BAS. Kerja pendawaian kepada communication port pada fire alarm panel dijangka siap pada 31 Januari 2014.*
- b. Semakan Audit juga mendapati paparan di skrin *monitor* bilik kawalan BAS berwarna merah (*trip*) yang menunjukkan indikator 2 daripada 6 pam air rosak. Bagaimanapun, pengesahan di lokasi *Plant House 1* menunjukkan semua 6 pam air beroperasi dengan baik seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.21
Modul Sistem BAS Yang Tidak Berfungsi Sepenuhnya



Lokasi: Bilik Kawalan ICT
Tarikh: 9 Oktober 2013

Lokasi: Bilik Kawalan ICT
Tarikh: 9 Oktober 2013

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan keadaan ini berlaku kerana terdapat komponen sistem BAS yang rosak sedang dibaiki dan setup semula dan jangka siap pada 28 Februari 2014.

- c. Selain itu, *fire alarm* sentiasa berbunyi di setiap blok sejak dipasang secara berperingkat mengikut bangunan bermula dari April 2010 sehingga kini. Minit Mesyuarat DLP No. 7 bertarikh 30 Mei 2012 ada merekodkan masalah *fire alarm* yang sentiasa berbunyi. Semasa lawatan Audit bunyi daripada *fire alarm* di setiap blok masih tidak dapat dimatikan oleh kontraktor. *Fire alarm* yang sentiasa berbunyi di setiap blok semasa lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.22
Fire Alarm Yang Sentiasa Berbunyi di Fire Alarm Control Panel



Lokasi : Blok ICT
Tarikh : 9 Oktober 2013

Lokasi : Blok ICT
Tarikh : 9 Oktober 2013

GAMBAR 2.23
Fire Alarm Yang Sentiasa Berbunyi di Fire Alarm Control Panel



Lokasi : Pusat Islam
Tarikh : 11 November 2013

Lokasi: Blok 3
Tarikh :11 November 2013

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa sistem BAS hanya menunjukkan notifikasi sahaja pada panel pemantauan dan tiada kaitan dengan bunyi buzzer. Bunyi buzzer berpunca daripada fire alarm panel yang dapat mengesan sesuatu trigger factor atau fault. Oleh kerana kesemua fire alarm panel diletakkan dalam networking yang sama, apa-apa juga masalah akan menyebabkan bunyi buzzer pada semua fire alarm panel. Kerja mengenalpasti fault detector oleh kontraktor dijangka selesai pada 28 Februari 2014.

2.4.3.2 Supervisory Control And Data Acquisition

- a. KSAS mempunyai satu sistem *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA) bernilai RM0.68 juta yang terletak di Bilik Kawalan Pusat ICT. Tujuan SCADA adalah untuk memantau dan mengawal sistem elektrikal yang terdapat di sesebuah bangunan supaya berfungsi dengan baik.
- b. Lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 mendapati **sistem SCADA tidak berfungsi sepenuhnya** kerana tidak dapat mengawal sistem elektrik di beberapa lokasi seperti lampu koridor di bangunan Panggung Percubaan dan Pusat Pelajar dari Bilik Kawalan Pusat ICT.

Pada pendapat Audit, perolehan sistem BAS dan SCADA bernilai RM3.61 juta tidak dapat dimanfaatkan secara menyeluruh kerana sistem tidak berfungsi sepenuhnya.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa sistem SCADA telah berfungsi sepenuhnya dan testing and commissioning (T&C) telah dilaksanakan sebelum CPC dikeluarkan.

Terdapat masalah networking pada sistem ICT yang menghubungkan Pusat Pelajar menyebabkan sistem SCADA tidak berfungsi bagi kawalan lampu koridor blok tersebut. JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan kerja membaikpulih sambungan ICT antara bilik kawalan dan Pusat Pelajar telah selesai dilaksanakan pada 10 Januari 2014.

2.4.4 Sijil Layak Menduduki Belum Diperolehi

Mengikut klausa 42.0 dokumen kontrak Pakej Bangunan, menetapkan “*The contractor shall be responsible to apply and obtain the Certificate of Fitness for the*

whole project before the Project Director decides the whole of the works is practically completed". Semakan Audit mendapati Pakej Bangunan telah mendapat *Certificate of Practical Completion (CPC)* daripada Pengarah Projek pada 31 Januari 2012. Pihak Audit mendapati setakat **31 Disember 2013 Certificate of Fitness** masih belum dikeluarkan walaupun bangunan KSAS telah diduduki mulai bulan **Februari 2012**. Kelewatan ini adalah disebabkan kelulusan belum diperoleh daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Ini kerana pihak perunding tidak menyediakan laluan kecemasan di Bangunan Pusat Pelajar.

Pada pendapat Audit, pihak kontraktor dan perunding gagal mematuhi kriteria seperti yang dikehendaki oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan ini boleh membahayakan keselamatan pengguna.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa pada 21 Januari 2014 pihak bomba telah mengadakan lawatan pemeriksaan mengikut zon dan dijangka selesai pada 31 Mei 2014 sebelum tempoh akhir Certificate Making Good Defect (CMGD) dikeluarkan.

2.4.5 Kecacatan Yang Belum Dibaiki Oleh Kontraktor

2.4.5.1 Mengikut laporan bertarikh 22 November 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan Harta Benda, UPSI sebanyak 140 kecacatan pembinaan bangunan masih belum dibaiki oleh kontraktor walaupun tempoh tanggungan kecacatan berakhir pada 31 Januari 2014. Antara kecacatan yang masih belum dibaiki adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 2.24
Siling Meresap Air**




Lokasi: Makmal Komputer 6, Blok 9
Tarikh: 12 November 2013

**GAMBAR 2.25
Cat Bangunan Yang Tertanggal**



Lokasi: Blok 10, Koridor Aras 2
Tarikh: 9 Oktober 2013


GAMBAR 2.26
Resapan Air Menjadi Stalaktit Dan Stalagmit



Lokasi: *Plant House 1*
Tarikh: 9 Oktober 2013

Lokasi: *Plant House 1*
Tarikh: 9 Oktober 2013

GAMBAR 2.27
Retak Di Dinding Bangunan



Lokasi: *Blok 10*
Tarikh: 9 Oktober 2013

Lokasi: *Blok 5*
Tarikh: 18 November 2013

GAMBAR 2.28
Meja Reput Disebabkan Titisan Air Dari Siling



Lokasi: *Makmal 18, Blok 4*
Tarikh: 18 November 2013

Lokasi: *Bilik Perbincangan, Blok 6, Tingkat 1*
Tarikh: 12 November 2013



GAMBAR 2.29
Railing Tangga Berkarat Kerana Titisan Air Dari Papak Bumbung Bocor

Lokasi : Aras 2, Blok 4
 Tarikh : 18 November 2013

2.4.5.2 Semakan Audit mendapati kontraktor lewat mengambil tindakan terhadap aduan kerosakan oleh UPSI. UPSI telah membelanjakan sejumlah RM9,770 bagi membaiki siling roboh akibat tempias hujan, cat rosak akibat air masuk melalui retakan dinding, plaster siling jatuh dan rosak, siling berkulat dan kebocoran papak serta bumbung. Kelewatan melaksanakan kerja membaikan oleh kontraktor boleh membahayakan pengguna kerana ia mengakibatkan siling roboh dan dinding retak. Analisis Audit mendapati tarikh aduan seawal bulan Ogos 2012 sehingga bulan Mei 2013 belum diambil tindakan oleh kontraktor menyebabkan UPSI terpaksa bertindak membaiki kerosakan kerana keperluan segera pihak pengguna seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
PEMBAIKAN YANG TELAH DILAKUKAN OLEH UPSI
KERANA KELEWATAN PIHAK KONTRAKTOR

| BIL. | ADUAN | TARIKH ADUAN | KERJA YANG DILAKUKAN | TARIKH KERJA | KOS (RM) | SEBAB-SEBAB KERJA DILAKUKAN |
|---------------|--|--|---|------------------------------|--------------|---|
| 1. | Air masuk melalui retak pada dinding menyebabkan cat rosak di masjid | 10.08.2012 | Membaiki cat pudar pada <i>parapet wall</i> | 12.09.2013 hingga 14.09.2013 | 2,232 | |
| 2. | Kebocoran <i>slab</i> dan bumbung Lokasi : Masjid | 18.10.2012 | Membaik pulih kebocoran <i>concrete slab/scupper drain</i> dan memasang <i>aluminium gutter</i> | 20.09.2013 hingga 04.10.2013 | 3,432 | Kerja perlu dibuat segera. |
| 3. | Siling jatuh Lokasi : Masjid | 28.05.2013 | Membaiki kerosakan plaster siling termasuk kerja-kerja mengecat | 15.09.2013 hingga 17.09.2013 | 984 | |
| 4. | Plaster siling rosak disebabkan <i>slab</i> bocor Lokasi : Masjid | 18.10.2012 | Menampal dan membaik pulih kerosakan plaster siling | 14.03.2013 | 377 | Kerja perlu dibuat segera. |
| 5. | Plaster siling jatuh dan rosak; Siling berkulat dan papak bocor; Papak bocor merosakkan plaster siling Lokasi : Dewan Besar | 18.10.2012 13.01.2013 15.02.2013 | Membaiik pulih kerosakan plaster siling dan mengganti siling gantung | 03.09.2013 hingga 05.09.2013 | 2,745 | Kerja-kerja perlu dibuat dengan segera kerana Majlis Konvoesyen ke 15 diadakan pada 10 hingga 13 September 2013 |
| JUMLAH | | | | | 9,770 | |

Sumber: Laporan Kerja Penyenggaraan Oleh UPSI

Pada pendapat Audit, kelewatan pemberian tahu oleh kontraktor terhadap aduan kerosakan adalah tidak wajar kerana membahayakan pengguna. UPSI telah menanggung kos untuk pemberian tahu kerana keperluan segera pihak pengguna.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan pemeriksaan bertarikh 9 Januari 2014 menunjukkan baki 58 kecacatan masih dalam tindakan pemberian tahu oleh kontraktor. Kesemua kerja pemberian tahu kecacatan akan disiapkan sepenuhnya oleh kontraktor dalam masa 3 bulan 28 hari selepas tamat tempoh Defect Liability Period pada 31 Mei 2014.


2.4.6 Penilaian Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan Kampus

2.4.6.1 Pihak Audit telah mengeluarkan sebanyak 150 soal selidik kepada pegawai, pensyarah dan pelajar kampus berkaitan kepuasan pengguna terhadap kampus yang dibina. Kepuasan ini meliputi aspek kemudahan asas, peralatan keselamatan serta peralatan mekanikal dan elektrik. Sebanyak 135 atau 90% soal selidik telah dijawab dan dikembalikan.

a. Kemudahan Asas Kampus

Antara kemudahan asas kampus yang dinilai adalah dewan besar, pusat pelajar, pusat komputer, dewan kuliah pusat, kafeteria dan masjid. Analisis Audit terhadap tahap kepuasan pengguna mengenai kemudahan asas kampus yang disediakan di KSAS, mendapati seramai 57.2% responden berpendapat kemudahan yang disediakan adalah pada tahap baik, 32.5% pada tahap sederhana dan 10.3% pada tahap tidak memuaskan. Bagaimanapun, kemudahan asas di semua kafeteria pusat pelajar adalah tidak memuaskan kerana jauh dari asrama dan tidak digunakan. Ia dapat dirumuskan dalam carta berikut:

CARTA 2.1
TAHAP KEPUASAN BAGI KEMUDAHAN ASAS




Sumber : Borang Soal Selidik

b. Peralatan Keselamatan

Antara peralatan keselamatan yang dinilai adalah CCTV, *fire alarm*, Access card, sistem BAS dan SCADA. Analisis Audit terhadap tahap kepuasan pengguna mengenai peralatan keselamatan yang disediakan di KSAS mendapat seramai 40.5% responden berpendapat kemudahan yang disediakan adalah pada tahap baik, 45.8% pada tahap sederhana dan 13.7% pada tahap tidak memuaskan. Semakan Audit mendapat ketidakpuasan pengguna adalah berdasarkan sistem *fire alarm* kerana sentiasa berbunyi walaupun tiada kebakaran. Ia dapat dirumuskan dalam carta berikut:

CARTA 2.2
TAHAP KEPUASAN BAGI PERALATAN KESELAMATAN




Sumber : Borang Soal Selidik

c. Peralatan Mekanikal dan Elektrikal

Antara peralatan mekanikal dan elektrikal yang dinilai adalah sistem penghawa dingin, sistem lampu, lif, *audio visual equipment* dan *standby generator sets*. Analisis Audit terhadap tahap kepuasan pengguna mengenai peralatan mekanikal dan elektrik yang disediakan di KSAS mendapat 53.5% responden berpendapat kemudahan yang disediakan adalah pada tahap baik, 39.6% pada tahap sederhana dan 6.9% pada tahap tidak memuaskan. Ia dapat dirumuskan dalam carta berikut:

**CARTA 2.3
TAHAP KEPUASAN BAGI PERALATAN
MEKANIKAL DAN ELEKTRIK**



Sumber : Borang Soal Selidik

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan kampus yang disediakan adalah memuaskan.

2.4.7 Pemantauan

2.4.7.1 Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Mesyuarat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) perlu diadakan setiap bulan selepas serahan bangunan kepada UPSI iaitu mulai 1 Februari 2012 dan tamat pada 31 Januari 2014.

2.4.7.2 Semakan Audit mendapat pemantauan terhadap pembinaan projek pembinaan KSAS adalah **tidak memuaskan**. Peranan JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi sebagai Pengarah Projek untuk memantau projek adalah tidak memuaskan. Perunding pula tidak memainkan peranan yang sepatutnya sehingga berlaku ketidakpatuhan kepada spesifikasi kontrak dan JKR. Kekerapan mesyuarat DLP mulai tahun 2013 hanya dibuat 3 bulan sekali.

Sehingga 31 Disember 2013, masih terdapat 58 kecakatan yang belum dibaiki walaupun tempoh DLP akan tamat pada 31 Januari 2014.

Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.

JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi memaklumkan mesyuarat berkala telah diadakan setiap bulan. Mesyuarat Pemantauan DLP No. 30 telah diadakan pada 14 Mac 2013.

2.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan UPSI dan JKR Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1 JKR hendaklah membuat kajian menyeluruh terhadap reka bentuk dan pemasangan *cooling tower* yang besar supaya ia berfungsi dengan sempurna. JKR juga hendaklah memastikan semua *cooling tower* boleh digunakan dengan berkesan dan optimum.

2.5.2 JKR dan UPSI hendaklah memastikan sistem BAS dan SCADA yang dibekalkan dapat berfungsi dengan baik atau menuntut balik bayaran daripada kontraktor untuk kedua-dua sistem tersebut.

2.5.3 JKR sebagai Pengarah Projek hendaklah membuat pemeriksaan menyeluruh terhadap bangunan dan peralatan serta memastikan semua kecakatan dan kerja pembinaan yang belum disiapkan, dibaiki dengan segera oleh kontraktor sebelum tempoh tanggungan kecakatan tamat.

2.5.4 JKR dan UPSI perlu melaksanakan pemantauan yang berterusan untuk memastikan kerja pembinaan adalah berkualiti.

2.5.5 JKR perlu mengambil tindakan melaporkan ketidakcekapan kontraktor dan perunding kepada badan profesional berkenaan supaya tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

3. PENGURUSAN SISTEM PINJAMAN/PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) dan mula beroperasi pada 1 November 1997. Misi PTPTN adalah untuk mengurus sumber kewangan bagi pembiayaan pendidikan pelajar di institusi pengajian tinggi dan visi PTPTN adalah menjadi institusi peneraju dalam pengurusan pembiayaan pengajian tinggi menjelang tahun 2015.

3.1.2 Objektif penubuhan PTPTN adalah untuk memastikan pembiayaan yang efisien disediakan kepada pelajar yang layak mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selaras dengan hasrat Kerajaan bahawa tidak ada pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab-sebab kewangan. Penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan PTPTN adalah terbuka kepada pelajar yang mengikuti program pengajian pada peringkat Diploma, Ijazah Pertama, Sarjana, Doktor Falsafah dan Kursus Profesional di IPT yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Institut Teknologi MARA 1976, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Akta Pendidikan 1996.

3.1.3 Sehingga bulan November 2013, PTPTN telah meluluskan pembiayaan pendidikan berjumlah RM53.23 bilion kepada 2.3 juta peminjam. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.1
STATISTIK PINJAMAN/PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
BAGI TAHUN 1997 SEHINGGA BULAN NOVEMBER 2013

| TAHUN | PEMINJAM (Bil.) | JUMLAH (RM Bilion) |
|---------------|--------------------|-----------------------|
| 1997 - 2010 | 1,698,845 | 37.44 |
| 2011 | 227,209 | 5.52 |
| 2012 | 209,963 | 5.13 |
| 2013 | 201,958 | 5.14 |
| JUMLAH | 2,337,975 | 53.23 |

Sumber: Jabatan Penyelidikan Dasar Dan Pembangunan Produk

3.1.4 PTPTN telah menggunakan *Education Loan Management System* (ELMAS) yang mula dibangunkan pada tahun 2000 dengan modul pertanyaan Fastrac bagi menguruskan pinjaman dan pembiayaan pendidikan pelajar. Penambahbaikan sistem dibuat dari semasa ke semasa oleh syarikat Paradigm Systems Berhad sejak tahun 2003 bagi memenuhi dasar kerajaan dan polisi semasa PTPTN.

3.1.5 Pada tahun 2010, *Islamic Education Loan Management System* (ELMAS-i) telah dibangunkan menggunakan konsep *Islamic Ujrah* selaras dengan Pekeliling PTPTN Bilangan 2 Tahun 2008 iaitu Pelaksanaan Pembentukan Dengan Pengenaan Ujrah Atau Upah 1% Setahun Atas Kadar Rata. Modul yang dibangunkan adalah sama seperti ELMAS dengan tambahan Modul Tukar Cawangan, Modul Tukar Kursus, Modul Insurans, Modul Statistik, Modul FPX dan Modul Kutipan Balik Dan Penguatkuasaan. Kronologi pembangunan kedua-dua sistem ini adalah seperti berikut:

**JADUAL 3.2
KRONOLOGI PELAKSANAAN SISTEM ELMAS DAN ELMAS-i**

| TARIKH | BUTIRAN |
|------------------------------|--|
| September 2000 | ELMAS mula dibangunkan dengan Modul Pertanyaan Fastrac dengan kos RM100,000. |
| 05.12.2001 | <ul style="list-style-type: none"> MAMPU telah meluluskan perolehan ELMAS. Paradigm Systems Berhad merupakan sub-kontraktor yang dilantik oleh Syarikat Century Software Sdn. Bhd. untuk membangunkan Sistem ELMAS. Kos pembangunan berjumlah RM1.70 juta merangkumi 3 modul iaitu Wang Pendahuluan Diri, Permohonan dan Pinjaman. |
| 12.12.2006 | Perolehan aktiviti penyenggaraan ELMAS dan pembangunan modul baru dijalankan secara rundingan terus dengan kos RM1.79 juta. |
| 23.10.2009 | PTPTN menandatangani perjanjian <i>End to End Financing System</i> (ETEFS) dengan Prokhas Sdn. Berhad. dengan kos RM31.97 juta berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2011. Aktiviti menaik taraf ELMAS sebelum ini terpaksa dihentikan bagi mengelakkan pertindihan fungsi. |
| 29.04.2010 | Kegagalan pembangunan ETEFS yang tidak mencapai sasaran tempoh pembangunan yang ditetapkan menyebabkan operasi PTPTN kepada pelanggan terjejas. Mesyuarat Lembaga Pengurusan PTPTN Bilangan 2 Tahun 2010 memutuskan supaya Sistem ELMAS dinaik taraf semula bagi membolehkan aktiviti tertunggak di dalam ETEFS dilaksanakan. |
| 20.10.2010 | Perolehan secara rundingan terus bagi projek peningkatan ELMAS dengan Paradigm Systems Berhad telah dilaksanakan dengan kos RM2.90 juta dan skop kerja menggunakan konsep <i>islamic ujrah</i> dan dikenali sebagai ELMAS-i. |
| 01.07.2010 hingga 31.12.2010 | Penambahbaikan ELMAS-i dibuat. Perkasan di <i>Disaster Recovery Centre</i> PTPTN turut diguna pakai bagi menyokong proses ELMAS-i yang baru. |
| 16.05.2011 | Perolehan Projek Peningkatan Sistem ELMAS-i dengan Paradigm Systems Berhad dilaksanakan bermula 16 Mei 2011 sehingga 15 Mei 2013 dengan kos berjumlah RM16 juta. |
| 08.08.2011 | Pihak pengurusan mendapat pembekal kurang kepakaran untuk membangunkan Modul Kutipan Balik dan Penguatkuasaan serta bersetuju melantik sub pembekal iaitu Profitera. |
| Mei 2013 | Pembangunan ELMAS-i berada pada fasa akhir. |

Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat

3.1.6 Kos keseluruhan sistem ini yang dibangunkan sejak tahun 2003 adalah berjumlah RM22.70 juta. Butiran lanjut adalah seperti dijadual berikut:

JADUAL 3.3
KOS PEMBANGUNAN DAN PENYENGGARAAN ELMAS DAN ELMAS-*i*

| SISTEM | TARIKH KUAT KUASA KONTRAK | TARIKH TAMAT KONTRAK | TARIKH PERJANJIAN | KOS (RM Juta) |
|---|---------------------------|----------------------|-------------------|---------------|
| ELMAS | | | | |
| Perolehan ELMAS | 21.03.2003 | 20.02.2004 | 10.10.2003 | 1.72 |
| Pembangunan modul baru dan penyenggaraan | 03.01.2005 | 02.01.2007 | 12.12.2006 | 1.79 |
| Perlanjutan 1 (Pembangunan dan penyenggaraan) | 03.01.2009 | 02.01.2010 | 19.02.2009 | 0.29 |
| JUMLAH | | | | 3.80 |
| ELMAS-<i>i</i> | | | | |
| Peningkatan ELMAS* (Fasa 1) | 02.07.2010 | 01.01.2011 | 20.10.2010 | 2.90 |
| Peningkatan ELMAS- <i>i</i> (Fasa 2-5) | 16.5.2011 | 15.5.2013 | 13.12.2011 | 16.00 |
| JUMLAH | | | | 18.90 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | 22.70 |

Sumber: Dokumen Perjanjian

*Nota: *Skop kerja menggunakan pakai konsep Islamic Ujrah menyebabkan pangkalan data diasingkan dari ELMAS konvensional dan dikenali sebagai ELMAS-*i**

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan dan pelaksanaan Sistem Pinjaman/Pembentangan Pendidikan di PTPTN telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Sistem Pinjaman/Pembentangan Pendidikan bagi tahun 2010 sehingga 2013. Semakan telah dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod yang berkaitan sistem. Analisis data pinjaman/pembentangan pendidikan menggunakan perisian audit dan *walkthrough* terhadap ELMAS dan ELMAS-*i* telah dilaksanakan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai PTPTN yang terlibat telah diadakan. Selain itu, lawatan ke 6 cawangan PTPTN Negeri iaitu Pahang, Sarawak, Perak (2 pejabat), Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur serta pusat pemuliharan bencana dan pusat data telah dijalankan.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Sistem Pinjaman/Pembentangan Pendidikan adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:


- i. Prestasi pelaksanaan Sistem ELMAS tidak menyeluruh di mana bahagian penyenggaraan pinjaman seperti permohonan lanjutan tempoh pembayaran, penangguhan pembayaran dan pengecualian bayaran balik adalah dilaksanakan di luar ELMAS dan ELMAS-*i* iaitu melalui Sistem Pengurusan Kutipan Balik (e-UPKB) yang tidak berintegrasi dengan ELMAS dan ELMAS-*i*.
- ii. Kawalan capaian logikal bagi ELMAS dan ELMAS-*i* adalah lemah kerana tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti kelemahan dalam kawalan capaian logikal dan perisian sistem perwujudan Pengenalan Pengguna (ID).
- iii. Perjanjian bagi penyewaan komputer peribadi dan komputer riba tidak mengambil kira penjadualan semula tempoh pinjaman dan pemulangan perkakasan jika tidak diperlukan lagi. Ini menyebabkan lebih sebanyak 104 unit komputer peribadi yang telah diagihkan tidak digunakan dan disimpan di dalam stor.
- iv. Tiada Perjanjian Tahap Perkhidmatan atau *Service Level Agreement* disediakan bagi menjamin tahap perkhidmatan rangkaian WAN yang diperoleh daripada pembekal perkhidmatan.
- v. Tiada Perjanjian Jaminan Perkhidmatan atau *Service Level Guarantee* disediakan bagi menjamin pembayaran balik atau pengiraan denda dengan terperinci jika berlakunya ketidakpuasan perkhidmatan.
- vi. Analisis data ELMAS dan ELMAS-*i* mendapati *data cleansing* belum dilaksanakan sepenuhnya.
- vii. Latihan simulasi pemulihan bencana tidak pernah dilaksanakan oleh PTPTN.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

3.4.1 Prestasi Pelaksanaan ELMAS Dan ELMAS-*i*

3.4.1.1 Secara keseluruhannya, ELMAS dan ELMAS-*i* berintegrasi dengan *Online Receipting*, Permohonan *Online* dan *Century Financials* seperti di carta berikut:

**CARTA 3.1
ENTITY RELATIONSHIP DIAGRAM SISTEM UTAMA DI PTPTN**



Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat

3.4.1.2 PTPTN juga membangunkan sistem berasingan iaitu Sistem e-UPKB (Pengurusan Kutipan Balik) secara dalaman untuk memenuhi proses yang berkaitan dengan pinjaman. Sistem ini telah digunakan sejak tahun 2003 untuk menguruskan penguatkuasaan dan kutipan balik pinjaman. Antara proses pinjaman yang dilaksanakan melalui e-UPKB adalah meliputi pemantauan kutipan baki, pemantauan peminjam senarai hitam, pengecualian bayaran balik dan penangguhan bayaran balik pinjaman. Bagaimanapun, sistem ini tidak berintegrasi dengan sistem utama iaitu ELMAS dan ELMAS-*i* dan tidak mempunyai sokongan penyenggaraan.

3.4.1.3 PTPTN telah mengambil kira fungsi e-UPKB dalam pembangunan ELMAS-*i* bagi mengatasi masalah tersebut. Bagaimanapun, modul tersebut masih belum selesai dibangunkan dan Sistem e-UPKB masih digunakan sehingga kini.

Pada pendapat Audit, pembangunan fungsi Sistem e-UPKB dalam ELMAS-*i* adalah baik dan perlu dipercepatkan bagi memastikan kelancaran proses pinjaman pendidikan dan pembiayaan PTPTN.

Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.

PTPTN memaklumkan Sistem e-UPKB masih diguna pakai oleh PTPTN untuk memantau bayaran balik pinjaman/pembiayaan peminjam sementara modul penguatkuasaan ditambah baik dalam ELMAS-*i* sepenuhnya. Pembangunan

ELMAS-i telah siap berdasarkan skop asal merangkumi Modul Penstrukturran Bayaran Balik Pembiayaan dan Modul Penjadualan Bayaran Balik Pembiayaan. PTPTN sedang menambahbaik 5 modul yang dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2014 berikutan penstrukturran semula operasinya. Sistem e-UPKB tidak akan diguna pakai lagi apabila kesemua modul-modul penambahbaikan siap dibangunkan.

3.4.2 Kawalan Capaian Logikal


3.4.2.1 Kawalan capaian logikal adalah perlu bagi memastikan akses kepada data, program, sistem, aplikasi dan terminal adalah terhad kepada kakitangan yang dibenarkan. Proses pewujudan Pengenalan Pengguna (ID) dan Katalaluan hendaklah mengambil kira had capaian berdasarkan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada setiap individu. Begitu juga sistem yang dibangunkan bagi pewujudan ID Pengguna dan Katalaluan hendaklah meminimumkan risiko pengubahsuaian yang dilakukan terhadap Katalaluan serta status tanpa kebenaran terhadap program/aplikasi atau fail.

3.4.2.2 Semakan Audit mendapati modul pewujudan Pengenalan Pengguna dan Katalaluan yang dibangunkan sendiri oleh PTPTN adalah terlalu ringkas dan tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sepatutnya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- a. Skrin tidak mempunyai tempoh masa capaian dibenarkan, tarikh ID diwujudkan dan tarikh tamat. Tanpa ciri tersebut, had tempoh capaian bagi pembekal yang membangunkan sistem, pihak ketiga yang menyenggara sistem, kakitangan kontrak dan kakitangan sambilan tidak dapat ditetapkan dan dihadkan tempoh capaian mereka.

GAMBAR RAJAH 3.1

Skrin Pewuiudan ID Pengguna Dan Katalaluan




Sumber : Sistem ELMAS

- b. Katalaluan perlu di input sendiri secara manual oleh pengguna di hadapan pegawai IT yang dipertanggungjawabkan mewujudkan ID pengguna tersebut. Sistem tidak menyediakan katalaluan am secara automatik bagi kemasukan kali pertama.
 - c. Sistem yang dibangunkan juga tidak membenarkan pengguna menukar katalaluannya sendiri pada kali pertama masuk ke sistem dan kemas kini katalaluan dari semasa ke semasa.
 - d. Pengguna yang terlupa katalaluan hendaklah memberi katalaluan baru kepada pegawai di Jabatan Teknologi Maklumat untuk dikemas kini ke dalam sistem. Katalaluan baru ini dikemukakan sama ada melalui telefon ataupun emel. Oleh itu, tiada jaminan kerahsiaan katalaluan.
 - e. Status bagi pengguna yang telah berhenti diletakkan sebagai Hapus dan maklumat mereka tidak disimpan dalam Arkib untuk rujukan pada masa akan datang terutamanya jika berlaku insiden salah guna kuasa.
 - f. Tiada Borang Permohonan Akses/Capaian ke sistem yang mempunyai ciri kawalan dalaman seperti Kumpulan Pengguna, skrin yang hendak diberi akses, Tandatangan Pengesahan dan Kelulusan sebelum ID Pengguna disediakan.

3.4.2.3 Selain itu, hasil *walkthrough* menunjukkan kelayakan bagi pengguna telah disediakan secara berkumpulan seperti di gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 3.2

Skrin Pewujudan ID Pengguna Dan Katalaluan



Sumber : Sistem ELMAS

3.4.2.4 Pembahagian kumpulan pengguna dalam sistem adalah terlalu am dan tidak mengambil kira tugas dan tanggungjawab pegawai. Lawatan ke pejabat cawangan menunjukkan kesemua pengguna dapat masuk ke skrin yang sama dan tugas dalam skrin input juga adalah sama. Pengguna dibezakan

dengan tugas kerja dan tanggungjawab yang ditetapkan secara manual dan tiada kawalan dalam melalui sistem.

3.4.2.5 Dasar Keselamatan ICT PTPTN telah menyatakan panjang katalaluan mestilah sekurang-kurangnya 12 aksara dengan gabungan aksara, angka dan aksara khusus. Semakan Audit juga mendapati saiz katalaluan yang ditetapkan adalah tidak mencapai 12 aksara dan tidak mempunyai gabungan aksara, angka dan aksara khusus.

Pada pendapat Audit, sistem yang dibangunkan bagi pewujudan Pengenalan Pengguna adalah lemah dan tiada elemen keselamatan.

Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.

PTPTN mengambil maklum teguran Audit Negara berkenaan kriteria yang perlu ada dalam modul Pengenalan Pengguna dan Katalaluan yang lebih baik dan terjamin keselamatannya. PTPTN sedang mengkaji penambahbaikan Modul Pewujudan Pengenalan Pengguna dan Katalaluan sama ada boleh dilaksanakan secara in-house. Sekiranya berlaku kekangan terhadap kepakaran sedia ada, PTPTN akan menggunakan khidmat vendor untuk penambahbaikan tersebut. Kajian dan penambahbaikan modul ini dijangka selesai pada bulan Disember 2014. Di samping itu juga, PTPTN telah menyediakan Borang Permohonan Akses/Capaian Sistem Aplikasi selaras dengan syor audit.

3.4.3 Pengurusan Perjanjian ICT

3.4.3.1 Perjanjian Penyewaan Komputer Peribadi Dan Komputer Riba

- a. Setiap pembayaran yang ditanggung oleh Kerajaan hendaklah memberi manfaat dan keuntungan ataupun nilai tambah kepada agensi. Sesbuah agensi hendaklah memastikan terdapat klausa di dalam perjanjian yang membolehkan agensi membuat penambahan atau pengurangan terhadap perkakasan yang disewa bagi mengelak daripada berlakunya pembaziran.
- b. PTPTN telah menandatangani perjanjian dengan MSTi Corporation Sdn. Berhad dan Innovative Swift Sdn. Berhad melalui tender terbuka pada bulan April 2012 dan Januari 2013 bagi penyewaan 520 unit komputer peribadi dan 2,000 unit komputer riba bernilai RM5.94 juta. Berdasarkan perjanjian, penghantaran komputer peribadi perlu dibekalkan pada tahun 2012 manakala penghantaran komputer riba perlu diagih mengikut 4 fasa antara bulan November 2012 sehingga bulan September 2013. Butiran lanjut mengenai perjanjian sewaan adalah seperti berikut:

**JADUAL 3.4
PERJANJIAN SEWAAN KOMPUTER**

| BIL. | PERJANJIAN | TEMPOH PERJANJIAN | BILANGAN KOMPUTER (Unit) | KOS SEWAAN KOMPUTER (RM Juta) |
|---------------|--|---------------------------------|--------------------------|-------------------------------|
| 1. | Penyewaan komputer peribadi daripada MSTi Corporation Sdn. Berhad untuk tahun 2012 – 2015 di Ibu Pejabat. | 19.4.2012 - 18.4.2015 (3 Tahun) | 520 | 1.40 |
| 2. | Penyewaan komputer riba daripada Innovative Swift Sdn. Berhad untuk tahun 2012 – 2015 bagi penubuhan cawangan. | 1.1.2013 – 30.9.2016 (3 Tahun) | 2,000 | 4.54 |
| JUMLAH | | | | 5.94 |

Sumber: Dokumen Perjanjian

- c. Pada bulan Mei dan Jun 2012, PTPTN telah menerima sebanyak 520 unit komputer peribadi sewaan dan 1,400 unit komputer riba sewaan pada bulan Disember 2012 dan Jun 2013 masing-masing. Selain itu, baki 600 unit komputer riba masih belum dibekalkan. Setakat bulan Oktober 2013, sebanyak 520 unit komputer peribadi dan 1,159 unit komputer riba telah diagihkan ke Ibu Pejabat dan 15 PPN. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - i. Senarai Semak Peralatan ICT bagi Pejabat PTPTN menunjukkan sebanyak 104 unit komputer peribadi sewaan yang diterima disimpan dalam stor. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.5
KOMPUTER PERIBADI SEWAAN YANG TIDAK DIGUNA**

| BIL. | CAWANGAN PTPTN | DIAGIH (Unit) | DIGUNA (Unit) | TIDAK DIGUNA = A (Unit) | KOS SEWAAN* (AxRM75x13 bulan) (RM) |
|---------------|----------------------------|---------------|---------------|-------------------------|------------------------------------|
| 1. | PPN Kedah | 24 | 4 | 20 | 19,500 |
| 2. | PPN Kelantan | 21 | 3 | 18 | 17,550 |
| 3. | PPN Pahang | 19 | 3 | 16 | 15,600 |
| 4. | PPN Negeri Sembilan | 16 | 6 | 10 | 9,750 |
| 5. | PPN Terengganu | 12 | 3 | 9 | 8,775 |
| 6. | PPN Perak | 16 | 8 | 8 | 7,800 |
| 7. | PPN Sarawak | 10 | 3 | 7 | 6,825 |
| 8. | UTC Pudu | 6 | 2 | 4 | 3,900 |
| 9. | PPN Melaka | 9 | 5 | 4 | 3,900 |
| 10. | Ibu Pejabat | 332 | 329 | 3** | 2,925 |
| 11. | PPN Pulau Pinang | 7 | 5 | 2 | 1,950 |
| 12. | PPN Selangor | 14 | 12 | 2 | 1,950 |
| 13. | PPC Putrajaya | 1 | 0 | 1 | 975 |
| 14. | PPN Kuala Lumpur | 24 | 24 | 0 | 0 |
| 15. | PPN Sabah | 5 | 5 | 0 | 0 |
| 16. | Lembaga Hasil Dalam Negeri | 4 | 4 | 0 | 0 |
| JUMLAH | | 520 | 416 | 104 | 101,400 |

Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat

Nota: *Kos sewaan seunit adalah RM75/bulan dan kiraan setakat bulan Disember 2013

**PPN Johor beroperasi di Ibu Pejabat

- ii. Lawatan Audit pada bulan April dan Mei 2013 di 4 cawangan PTPTN iaitu di Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Perak, PPN Pahang, PPN Negeri Sembilan dan PPN Sarawak juga mendapati pegawai hanya menggunakan komputer riba sewaan untuk menjalankan tugas harian. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 49 unit komputer peribadi dan komputer riba yang baru disewa tidak diguna dan disimpan dalam stor kerana mengikut Mesyuarat Pengurusan Aset ICT pada 13 Mac 2013, setiap pegawai di cawangan PTPTN dibekalkan dengan sebuah komputer peribadi untuk kegunaan di pejabat dan komputer riba untuk kegunaan *mobile*. Selain itu, terdapat 7 unit komputer peribadi milik PTPTN di PPN Negeri Sembilan yang masih boleh dipakai juga disimpan dalam stor. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 3.6
KOMPUTER DI CAWANGAN PTPTN YANG TIDAK DIGUNA/DISIMPAN DALAM STOR

| BIL. | CAWANGAN PTPTN | TARIKH LAWATAN AUDIT | BILANGAN (Unit) | | | JUMLAH |
|---------------|---------------------|----------------------|----------------------|--------------------------|-------------------------------|-----------|
| | | | KOMPUTER RIBA DISEWA | KOMPUTER PERIBADI DISEWA | KOMPUTER PERIBADI MILIK PTPTN | |
| 1. | PPN Pahang | 26.04.2013 | 1 | 16 | - | 17 |
| 2. | PPN Sarawak | 13.05.2013 | 4 | 8 | - | 12 |
| 3. | PPN Perak | 22.05.2013 | - | 8 | - | 8 |
| 4. | PPN Negeri Sembilan | 23.05.2013 | 2 | 10 | 7 | 19 |
| JUMLAH | | | 7 | 42 | 7 | 56 |

Sumber: PPN Negeri

GAMBAR 3.1
Komputer Tidak Digunakan Disimpan Dalam Bilik Tidak Berkunci



Lokasi: PPN Pahang
Tarikh: 26 April 2013

GAMBAR 3.2
Komputer Tidak Digunakan Diletak Berasingan Di Tingkat Bawah Premis



Lokasi: PPN Pahang
Tarikh: 26 April 2013

GAMBAR 3.3
Komputer Baru Tidak Digunakan Tidak Disimpan Dengan Selamat



Lokasi: PPN Sarawak
Tarikh: 13 Mei 2013

GAMBAR 3.4
Komputer Baru Tidak Digunakan Disimpan Dalam Stor Bawah Tangga Yang Berhabuk



Lokasi: PPN Perak
Tarikh: 22 Mei 2013



GAMBAR 3.5
Komputer Tidak Digunakan Disimpan Dalam Bilik Tidak Berkunci

Lokasi: PPN Negeri Sembilan
Tarikh: 23 Mei 2013

- iii. Perjanjian sewaan komputer peribadi tidak menetapkan klausu berkaitan pemulangan dan pengiraan semula penyewaan komputer. Perjanjian tersebut tidak mengambil kira penjadualan semula tempoh pinjaman dan pemulangan perkakasan sekiranya tidak diperlukan. Ini telah menyukarkan PTPTN untuk memulangkan komputer peribadi yang tidak digunakan. Analisis Audit mendapati **sekiranya lebihan komputer peribadi yang tidak digunakan dipulangkan kepada pembekal, PTPTN dapat menjimatkan sejumlah RM101,400 kos sewaan bagi tempoh sewaan selama 13 bulan daripada tarikh terimaan komputer riba iaitu pada 18 Disember 2012 sehingga 31 Disember 2013.**

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan komputer adalah kurang memuaskan kerana PTPTN tidak mempunyai perancangan teliti bagi perolehan komputer. PTPTN perlu mengkaji semula sama ada pengagihan 2 komputer (komputer peribadi dan komputer riba) kepada seorang pegawai adalah munasabah dan praktikal. Seorang pegawai sepatutnya

diagihkan dengan sebuah komputer riba sahaja yang boleh digunakan semasa berada di pejabat dan tugas luar pejabat. Ini dapat menjimatkan kos sewaan komputer peribadi sejumlah RM1.40 juta bagi tempoh 3 tahun.

Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.

Sebanyak 104 unit komputer peribadi sewaan tersebut juga telah dipasang semula secara berperingkat-peringkat iaitu 87 unit komputer peribadi dipasang untuk kegunaan Back-office Batch Processing di Pejabat Cawangan PTPTN (PPN/PPC) dan 17 unit sebagai komputer bagi tujuan cetakan Kad Pendeposit SSPN di semua kaunter PTPTN (Ibu Pejabat dan PPN).

PTPTN telah mengadakan perbincangan dengan pembekal Innovative Swift Sdn. Bhd. pada 27 Disember 2013 dan bersetuju untuk menangguhkan sewaan komputer riba sebanyak 600 unit bagi Fasa 3 dan Fasa 4 bermula bulan April 2015 hingga April 2018 seperti dalam Perjanjian Tambahan tersebut. PTPTN juga telah mengambil kira syor audit dalam perjanjian tambahan tersebut di mana klausula pindaan di Para 7 Perjanjian Tambahan membolehkan PTPTN membuat pindaan, tambahan atau perubahan sewaan komputer mengikut keperluan PTPTN secara bertulis kepada pihak pembekal. Perjanjian Tambahan tersebut telah dimuktamadkan pada 23 Januari 2014.

3.4.3.2 Tiada Perjanjian Tahap Perkhidmatan

- a. Perjanjian Tahap Perkhidmatan atau *Service Level Agreement (SLA)* perlu disediakan bagi setiap kontrak perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pihak ketiga. Ini adalah untuk memastikan kepentingan agensi terpelihara dan penggunaan wang Kerajaan mempunyai nilai tambah. Antara perkara yang perlu diambil kira dalam penyediaan SLA adalah definisi dan deskripsi perkhidmatan, waktu bekerja yang dipersetujui, *service availability*, *percentage availability*, jumlah insiden atau *failures* yang dibenarkan serta masa *downtime* bagi setiap insiden yang dibenarkan. Selain itu, melalui perjanjian ini juga masa yang dibenarkan diambil oleh pihak ketiga untuk menyelesaikan sesuatu masalah berdasarkan kategori keutamaan dapat ditetapkan. Dengan cara ini, agensi tidak perlu khawatir akan perhubungan dalam talian dengan pengguna.
- b. Semakan Audit mendapati PTPTN tidak menyediakan perjanjian SLA bagi menjamin tahap perkhidmatan rangkaian *Wide Area Network (WAN)* yang diperoleh daripada Telekom Malaysia Berhad dan TMNet Sdn. Berhad.

3.4.3.3 Tiada Perjanjian Jaminan Perkhidmatan

- a. Agensi hendaklah menyedia Perjanjian Jaminan Perkhidmatan atau *Service Level Guarantee (SLG)* untuk menetapkan pengiraan penalti bagi setiap insiden atau perkhidmatan yang tidak mencapai tahap perkhidmatan seperti yang dipersetujui dan pembekal tidak dapat mempertikaikan penalti/tuntutan yang dikenakan. Dengan cara ini, wang dan kepentingan Kerajaan dapat dijamin.
- b. Semakan Audit mendapati PTPTN tidak menyediakan SLG bagi perolehan perkhidmatan daripada Telekom Malaysia Berhad dan TMNet Sdn. Berhad bagi menjamin pembayaran balik atau pengiraan denda dengan terperinci jika berlaku ketidakpuasan perkhidmatan.

Pada pendapat Audit, Perjanjian Tahap Perkhidmatan Dan Jaminan Perkhidmatan perlu diberi keutamaan supaya kepentingan PTPTN dan Kerajaan sentiasa dilindungi.

Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.

PTPTN memaklumkan pihaknya dan Telekom Malaysia Berhad telah bersetuju untuk menamatkan Perjanjian Perkhidmatan Rangkaian Talian (Leased Line) bersama Telekom Malaysia Berhad dan Perjanjian Direct Access TM Net Sdn. Berhad untuk digantikan dengan produk Metro-Ethernet Telekom Malaysia yang mempunyai Service Level Guarantee (SLG). PTPTN telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Telekom Malaysia Berhad bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014. Pihak Telekom Malaysia Berhad memaklumkan bahawa tiada Service Level Agreement (SLA) di dalam Perjanjian Metro-Ethernet kerana SLG digunakan untuk memberi jaminan mutu perkhidmatan kepada PTPTN seperti yang disyorkan oleh Jabatan Audit Negara. Perjanjian Metro-E Telekom Malaysia Berhad (PTPTN/TELEKOM BIL.1/2014) telah dimuktamadkan pada 28 Januari 2014 untuk tempoh perkhidmatan selama 1 Tahun (Januari 2014 – Disember 2014).

3.4.4 Analisis Data

Pihak Audit telah menjalankan analisis menggunakan perisian Audit terhadap data ELMAS dan ELMAS-i sehingga bulan Mac 2013 untuk menentukan integriti data masterfile pinjaman. Analisis tersebut mendapati perkara seperti berikut:

3.4.4.1 Rekod Bertindan

Mengikut amalan PTPTN, bagi setiap pinjaman yang diberi hanya satu perjanjian akan dimeterai dan diberi satu sahaja nombor perjanjian. Oleh itu,

setiap satu nombor perjanjian akan mempunyai hanya satu nombor pinjaman. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati sebanyak 921 rekod di dalam jadual pinjaman menunjukkan terdapat lebih daripada satu nombor pinjaman bagi setiap nombor perjanjian iaitu antara 2 hingga 7 rekod seperti contoh di jadual berikut:

**JADUAL 3.7
DATA PINJAMAN BERTINDAN**

| BIL. | NO. KAD PENGENALAN | NO. PERJANJIAN | NO. PINJAMAN | JUMLAH PINJAMAN SETAHUN (RM) | STATUS |
|------|--------------------|----------------|--------------|------------------------------|--|
| 1. | 941226035017 | 03252557 | 865599 | 5,000 | - |
| | 941226035017 | 03252557 | 865606 | 5,000 | - |
| | 941226035017 | 03252557 | 865648 | 5,000 | - |
| | 941226035017 | 03252557 | 865668 | 5,000 | - |
| | 941226035017 | 03252557 | 865671 | 5,000 | - |
| | 941226035017 | 03252557 | 865679 | 5,000 | - |
| | 941226035017 | 03252557 | 865683 | 5,000 | Aktif Bayar |
| 2. | 941116035681 | 03272100 | 865246 | 5,000 | Aktif Bayar |
| | 941116035681 | 03272100 | 865258 | 5,000 | - |
| | 941116035681 | 03272100 | 865267 | 5,000 | - |
| | 941116035681 | 03272100 | 865392 | 5,000 | - |
| | 941116035681 | 03272100 | 865603 | 5,000 | - |
| | 941116035681 | 03272100 | 866721 | 5,000 | - |
| 3. | 940924035749 | 03272628 | 865248 | 5,000 | Aktif Bayar |
| | 940924035749 | 03272628 | 865261 | 5,000 | - |
| | 940924035749 | 03272628 | 865269 | 5,000 | - |
| | 940924035749 | 03272628 | 865400 | 5,000 | - |
| | 940924035749 | 03272628 | 865605 | 5,000 | - |
| | 940924035749 | 03272628 | 866723 | 5,000 | - |
| | 940926125385 | 03256365 | 865591 | 8,000 | - |
| | 940926125385 | 03256365 | 865595 | 8,000 | - |
| | 940926125385 | 03256365 | 865596 | 8,000 | - |
| | 940926125385 | 03256365 | 865597 | 8,000 | - |
| | 940926125385 | 03256365 | 875884 | 8,000 | Berhenti |
| 5. | 940714145966 | 03878180 | 916981 | 8,000 | - |
| | 940714145966 | 03878180 | 917026 | 8,000 | - |
| | 940714145966 | 03878180 | 917155 | 8,000 | Aktif Bayar |
| 6. | 940622085548 | 03878153 | 916952 | 8,000 | - |
| | 940622085548 | 03878153 | 917025 | 8,000 | - |
| | 940622085548 | 03878153 | 917150 | 8,000 | Aktif Bayar |
| 7. | 941227105347 | 03343292 | 967057 | 8,000 | - |
| | 941227105347 | 03343292 | 967077 | 8,000 | - |
| | 941227105347 | 03343292 | 967391 | 8,000 | Aktif Bayar Pelajar Baru |
| 8. | 941203075657 | 03311356 | 926135 | 8,000 | - |
| | 941203075657 | 03311356 | 926150 | 8,000 | Tahan Bayar Tunggu Pengesahan Universiti |
| 9. | 941118025495 | 03877676 | 911819 | 8,000 | - |
| | 941118025495 | 03877676 | 913888 | 8,000 | Tahan Bayar Tunggu Pengesahan Universiti |
| 10. | 940906035921 | 03877686 | 911832 | 8,000 | - |
| | 940906035921 | 03877686 | 913889 | 8,000 | Tahan Bayar Tunggu Pengesahan Universiti |

Sumber: Data ELMAS-i

Pada pendapat Audit, sistem sepatutnya mengesan dan menghalang input bagi nombor perjanjian yang bertindih. Memandangkan Nombor Perjanjian adalah nombor yang sah dari segi perundangan dan tidak berubah, maka PTPTN hendaklah mengekalkan hanya nombor perjanjian yang aktif sahaja dalam *Masterfile* manakala maklumat yang berkaitan nombor perjanjian yang berstatus tidak aktif hendaklah disimpan dalam arkib. Sehubungan itu, PTPTN hendaklah melaksanakan *data cleansing* bagi rekod yang bertindan untuk meningkatkan integriti data.

Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.

PTPTN memaklumkan bahawa satu Nombor Kad Pengenalan (No. K/P) atau seorang peminjam PTPTN boleh mempunyai banyak data pinjaman/pembentukan kerana sistem ELMAS/ELMAS-i menjana nombor pinjaman/pembentukan baru bagi peminjam PTPTN yang berkenaan berdasarkan kes-kes peminjam.

Bagaimanapun, hanya satu Nombor Perjanjian dan satu Nombor Pinjaman yang aktif pada satu-satu masa diguna pakai oleh PTPTN. Berdasarkan sampel audit di Jadual 3.7 juga dapat dilihat bahawa hanya terdapat satu Nombor Pinjaman yang berstatus aktif bagi satu Nombor Perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat pinjaman, satu Nombor Pinjaman baru akan dijana tetapi Nombor Perjanjian tidak akan berubah. PTPTN menggunakan kaedah ini bagi tujuan merekodkan history sistem di mana Nombor Pinjaman lama disimpan sebagai audit trail dan hanya satu Nombor Pinjaman aktif sahaja akan dirujuk bagi tujuan pemantauan rekod pinjaman/pembentukan pelajar.

3.4.4.2 Rekod Tidak Munasabah

- a. Maklumat pendapatan ibu bapa/penjaga adalah penting bagi menentukan kelayakan kadar setiap pinjaman/pembentukan pendidikan. Analisis lanjut mendapati sebanyak 384 rekod pendapatan yang diisi adalah tidak munasabah berbanding jenis pekerjaan yang dinyatakan antaranya seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
PENDAPATAN TIDAK MUNASABAH BERBANDING
JENIS PEKERJAAN

| BIL. | NO. KAD PENGENALAN | PENDAPATAN (RM) | PEKERJAAN |
|------|--------------------|-----------------|-------------------------------|
| 1. | 681120035539 | 343,383 | Pensyarah |
| 2. | 721110125796 | 435,877 | Jururawat U32 |
| 3. | 821013115703 | 287,444 | Pembantu Antidadah S22 |
| 4. | 840312095056 | 24,785 | Jururawat Klinikal |
| 5. | 860621335680 | 41,773 | - |
| 6. | 870109065553 | 1,987,067 | Polis |
| 7. | 871015115665 | 3,112,189 | - |
| 8. | 880412025270 | 27,462,748 | <i>Registered Nurse</i> |
| 9. | 810410015702 | 1 | Pengajar Klinikal |
| 10. | 860517595538 | 30 | Penolong Penyelidik Sementara |
| 11. | 861104025486 | 33 | - |
| 12. | 910708065356 | 90 | <i>Learning Facilitator</i> |
| 13. | 920208086221 | 34 | Kerani |
| 14. | 920307145610 | 6 | Kerja Sambilan |
| 15. | 940315065133 | 2 | Peneroka |

Sumber: Data ELMAS-i

- b. Maklumat bandar adalah penting untuk pengesahan alamat surat-menjurut peminjam manakala maklumat pekerjaan bertujuan mengesahkan pendapatan ibu bapa/penjaga. Semakan Audit mendapati tiada kawalan input dalam mengisi medan ‘bandar’ dan ‘pekerjaan’ kerana sistem tidak dapat menapis maklumat berkaitan dan pengguna bebas memasukkan sebarang butiran walaupun tidak munasabah. Antara contoh butiran bandar dan pekerjaan yang dikemas kini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.9
MAKLUMAT BANDAR YANG TIDAK MUNASABAH

| BIL. | BANDAR | BIL. DATA |
|------|-----------------|-----------|
| 1. | Penganggur | 1 |
| 2. | Perai | 1 |
| 3. | Perak | 1 |
| 4. | TIADA | 176 |
| 5. | TIADA BERKAITAN | 1 |
| 6. | TIADA BERKENAAN | 1 |
| 7. | TIADA MAJIKAN | 1 |
| 8. | TIDAK | 3 |
| 9. | TIDAK ADA | 1 |
| 10. | BELUM BEKERJA | 2 |
| 11. | TIDAK BERKAITAN | 1 |
| 12. | TIDAK BERKENAAN | 2 |
| 13. | OFF JALAN IPOH | 1 |
| 14. | NULL | 8 |

| BIL. | BANDAR | BIL. DATA |
|------|---------------------|-----------|
| 15. | NIL | 3 |
| 16. | NA | 1 |
| 17. | KWL | 1 |
| 18. | Johor Bahru | 1 |
| 19. | TIDAK BEKERJA | 3 |
| 20. | WILAYAH PERSEKUTUAN | 1 |

Sumber: Data ELMAS

**JADUAL 3.10
MAKLUMAT PEKERJAAN YANG TIDAK
MUNASABAH**

| BIL. | PEKERJAAN | BIL. DATA |
|------|--------------------------------|-----------|
| 1. | K | 6 |
| 2. | KELANI | 1 |
| 3. | KLERK | 1 |
| 4. | SEMENTARA | 2 |
| 5. | STESEN MINYAK ESSO TK BALI | 1 |
| 6. | TAK ADA | 2 |
| 7. | TETAP | 4 |
| 8. | TIDAK BERKENAAN | 1 |
| 9. | TIDAK TETAP | 1 |
| 10. | ZZ | 1 |
| 11. | TAM | 1 |
| 12. | TEKNIKER | 1 |
| 13. | BKUP | 1 |
| 14. | BUYER | 3 |
| 15. | C;INICAL INSTRUCTOR | 1 |
| 16. | GURU SANDARAN????????????????? | 1 |
| 17. | HO SENG LE | 1 |
| 18. | KETUA KELUARGA | 1 |

Sumber: Data ELMAS

Pada pendapat Audit, PTPTN perlu meningkatkan kawalan input dengan mewujudkan medan dengan pilihan input (*dropdown*) bagi maklumat bandar dan pekerjaan di dalam sistem bagi memastikan maklumat yang diisi adalah tepat dan berkaitan.

Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.

Bagi menambahbaik Permohonan Pembiayaan PTPTN agar input peminjam yang tepat diperoleh, PTPTN telah berbincang dengan agensi Kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN),

Jabatan Imigresen, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya untuk bekerjasama dalam perkongsian maklumat untuk Permohonan Pembiayaan PTPTN melalui penggunaan data MyIdentity. Dengan data MyIdentity, PTPTN mampu memperoleh data semasa pelajar mula memohon pembiayaan PTPTN.

PTPTN akan melakukan data cleansing maklumat pinjaman dalam Master File agar data-data yang tidak diguna pakai disimpan di arkib (archive). Aktiviti Data cleansing tersebut dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2014.

3.4.5 Latihan Simulasi Pemulihan Bencana

3.4.5.1 Garis Panduan Pengurusan Keselamatan ICT Sektor Awam Malaysia (MyMIS) telah menggariskan langkah pemulihan bencana yang perlu diambil kira oleh setiap agensi di dalam penyediaan pelan yang komprehensif. Agensi juga perlu memastikan pelan pemulihan bencana diuji dan latihan simulasi pemulihan bencana dilaksanakan secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun.

3.4.5.2 Semakan Audit mendapati PTPTN telah mempunyai sebuah pelan dan pusat pemulihan bencana yang lengkap. Bagaimanapun, latihan simulasi pemulihan bencana tidak pernah dilaksanakan sejak PTPTN ditubuhkan.

Pada pendapat Audit, latihan simulasi pemulihan bencana secara berkala adalah penting bagi memastikan pegawai dan kakitangan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan ancaman bencana.

Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.

PTPTN mengambil maklum dan akan melakukan simulasi pemulihan bencana seperti yang disyorkan audit. Simulasi Pemulihan Bencana dijangka akan dilakukan pada Mac 2014.

3.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan PTPTN mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

3.5.1 PTPTN perlu membangunkan semula Modul Pewujudan Pengenalan Pengguna yang mematuhi dan memenuhi ciri-ciri keselamatan umum dan Arahan Teknologi Maklumat 2007. Antaranya, mewujudkan Matriks Kawalan Capaian supaya capaian pengguna yang lebih terperinci dapat ditetapkan dan dapat membezakan capaian berdasarkan tugas kerja individu dan mewujudkan Borang Permohonan Akses/Capaian.

3.5.2 PTPTN perlu memastikan *data cleansing* dilaksanakan secara terkawal untuk memastikan integriti data ELMAS dan ELMAS-*i* tidak dipertikai.

3.5.3 PTPTN hendaklah melaksanakan latihan simulasi pemulihan bencana secara berkala iaitu sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan pelan pemulihan bencana yang dibangunkan adalah berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

4. PENGURUSAN BEKALAN MAKANAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN DAN PERLINDUNGAN

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1974 melalui Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor dan diperbadankan pada bulan Julai 1993 melalui Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). MAIWP berperanan menasihati Yang Dipertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Agama Islam di bawah Seksyen 4 Akta 505 dan juga sebagai penggubal dasar serta badan induk yang mengawasi pembangunan dan perkembangan Agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

4.1.2 Tanggungjawab MAIWP antaranya adalah melaksanakan pembangunan modal insan dengan menyediakan tempat tinggal dan kemudahan pembelajaran kepada pelajar Islam yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan dan kemahiran. Setakat 31 Disember 2013, MAIWP menguruskan sebanyak 4 Institusi Pendidikan dan Perlindungan iaitu Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA), Dar Assakinah, Kompleks Darul Kifayah dan Kompleks Dar Assaadah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan bilangan penghuni seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.1
INSTITUSI PENDIDIKAN DAN PERLINDUNGAN MAIWP

| BUTIRAN | INSTITUSI | PENGHUNI (Bil.) |
|------------------------|------------------------|-----------------|
| Institusi Pendidikan | SMISTA | 166 |
| | Dar Assakinah | 18 |
| Institusi Perlindungan | Kompleks Darul Kifayah | 302 |
| | Kompleks Dar Assaadah | 27 |
| JUMLAH | | 513 |

Sumber: Unit Perolehan, Bahagian Kewangan MAIWP

4.1.3 Perkhidmatan di institusi MAIWP meliputi keperluan asas seperti makanan dan minuman, pakaian dan tempat tinggal bagi menjamin keselesaan hidup penghuni. Hidangan makanan harian adalah berdasarkan kepada skilimbangan makanan yang diperakui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Makanan disediakan 5 kali sehari mengikut menu yang disediakan oleh Pengetua dan diluluskan oleh MAIWP.

4.1.4 Unit Perolehan, Bahagian Kewangan MAIWP adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan kontrak perolehan bekalan makanan bagi semua Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP sama ada melalui kaedah masak sendiri atau bermasak (katering). MAIWP telah membelanjakan sejumlah RM5.83 juta atau 89.7% daripada RM6.50 juta yang diperuntukkan untuk bekalan makanan bagi tahun 2010 sehingga 2013 seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.2
JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI BEKALAN MAKANAN MAIWP

| TAHUN | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN | |
|---------------|-------------------------|--------------|-------------|
| | | (RM Juta) | (%) |
| 2010 | 1.90 | 1.52 | 80.0 |
| 2011 | 1.56 | 1.62 | 103.8 |
| 2012 | 1.37 | 1.32 | 96.4 |
| 2013 | 1.67 | 1.38 | 82.2 |
| JUMLAH | 6.50 | 5.84 | 89.8 |

Sumber: Bajet dan Prestasi Belanja MAIWP

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan bagi menilai sama ada pengurusan bekalan makanan di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan bekalan makanan di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP bagi tahun 2011 sehingga 2013. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan bekalan makanan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai MAIWP, pelajar dan penghuni asrama serta pembekal juga telah dilakukan. Selain itu, soal selidik telah diedarkan kepada pelajar dan penghuni asrama untuk mendapatkan maklum balas terhadap penyediaan bekalan makanan.

Lawatan Audit telah dijalankan di SMISTA, Dar Assakinah, Kompleks Darul Kifayah dan Kompleks Dar Assaadah.

4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos sehingga Oktober 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan bekalan makanan di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui dalam pengurusan bekalan makanan adalah seperti berikut:

- i. Bekalan bahan mentah bermasak tidak mengikut spesifikasi perjanjian dan penyediaan bekalan makanan bermasak kurang memuaskan di Kompleks Darul Kifayah dan SMISTA. Denda sebanyak 10% tidak dikenakan terhadap kontraktor yang telah membekal makanan yang kurang berkualiti mengikut spesifikasi.
- ii. Perbezaan sebanyak 113,978 pesanan sajian berjumlah RM189,512 berbanding bilangan sebenar penghuni asrama di Kompleks Darul Kifayah.
- iii. Perjanjian tambahan tidak disediakan antara Kembara Cekal Enterprise dengan MAIWP bagi penyediaan bekalan makanan kepada pelajar SMISTA.
- iv. Tiada pemantauan secara berkala terhadap penyediaan makanan bermasak di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP bagi menjamin kualiti penyediaan makanan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

4.4.1 Bekalan Bahan Mentah Bermasak Tidak Mengikut Spesifikasi Perjanjian

4.4.1.1 Klausula 3.1 Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Makanan antara Kembara Cekal Enterprise dengan MAIWP bagi Kompleks Darul Kifayah menetapkan pembekal bertanggungjawab membekalkan bahan mentah bermasak mengikut spesifikasi. Antaranya adalah ikan yang dibekalkan mestilah dalam keadaan segar iaitu tidak pecah perut, tidak mendak dan tidak berbau busuk. Sayur-sayuran dan buah-buahan pula hendaklah baru dari pasar, muda, bersih dan segar.

4.4.1.2 Lawatan Audit di Kompleks Darul Kifayah mendapati **bekalan bahan mentah bermasak tidak mengikut spesifikasi dalam perjanjian**. Sebagai contoh, ikan yang dibekalkan adalah kurang segar serta buah-buahan yang

dibekalkan dalam keadaan layu dan kurang segar namun tetap disajikan kepada pelajar sekolah. Selain itu, lawatan Audit ke SMISTA mendapati keadaan yang sama juga berlaku dan tidak ada perjanjian pembekalan makanan disediakan untuk menetapkan spesifikasi bekalan makanan.

4.4.1.3 Syarat perjanjian juga menetapkan jika bekalan makanan tidak mengikut spesifikasi, denda 10% hendaklah dikenakan. Bagaimanapun, **MAIWP tidak mengambil tindakan denda terhadap kontraktor yang membekalkan makanan yang kurang berkualiti.**

Pada pendapat Audit, pemantauan berkala terhadap bekalan bahan mentah adalah penting untuk memastikan bekalan bahan mentah yang diterima dalam keadaan segar, berkualiti dan mengikut spesifikasi supaya tidak memudaratkan kesihatan.

Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.

MAIWP memaklumkan pemeriksaan mengejut akan dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh Pengetua bagi memastikan Pegawai Penyelia membuat pemeriksaan kualiti bekalan makanan agar makanan yang dibekalkan oleh pembekal bersih dan berkhasiat. MAIWP akan mengkaji semula kualiti bekalan makanan dan sekiranya masih tidak mengikut spesifikasi perjanjian, penalti akan dikenakan dan kontrak perkhidmatan boleh ditamatkan.

4.4.1 Perbezaan Pesanan Sajian Berbanding Bilangan Sebenar Penghuni Asrama

4.4.2.1 Mengikut perjanjian bekalan makanan di Darul Kifayah, pesanan dan pembayaran bekalan makanan bermasak adalah tertakluk kepada bilangan penghuni semasa, bilangan hidangan dan jumlah hari dalam sebulan hidangan itu disediakan dengan kadar harga RM11.40 sehari. Penyelia Asrama bertanggungjawab membuat pesanan bekalan makanan bermasak mengikut bilangan penghuni asrama pada setiap hari.

4.4.2.2 Semakan Audit mendapati MAIWP telah membuat bayaran berjumlah RM2.84 juta kepada Kembara Cekal Enterprise bagi 1.26 juta pesanan sajian sejak tahun 2011 sehingga bulan Ogos 2013 di Kompleks Darul Kifayah. Bagaimanapun, mengikut perkiraan Audit, **jumlah sebenar pesanan yang sepatutnya dibuat berdasarkan bilangan sebenar penghuni asrama** adalah 1.15 juta sajian berjumlah RM2.65 juta dengan **perbezaan sebanyak 113,978 berjumlah RM0.19 juta**. Pihak Audit dimaklumkan jumlah pesanan bekalan

makanan ditambah melebihi bilangan penghuni asrama supaya mereka mendapat bekalan makanan yang mencukupi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.3
LEBIHAN PESANAN SAJIAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK BERBANDING
BILANGAN SEBENAR PENGHUNI ASRAMA DARI
TAHUN 2011 SEHINGGA BULAN OGOS 2013

| TAHUN | PESANAN SAJIAN (Bil.) | SAJIAN SEPATUTNYA (Bil.) | PERBEZAAN SAJIAN (Bil.) | BAYARAN SEBENAR (RM) | BAYARAN SEPATUTNYA (RM) | PERBEZAAN (RM) |
|--------------------|-----------------------|--------------------------|-------------------------|----------------------|-------------------------|----------------|
| 2011 | 539,891 | 504,516 | 35,375 | 1,238,370 | 1,152,778 | 85,592 |
| 2012 | 447,798 | 425,734 | 22,064 | 1,041,892 | 988,471 | 53,421 |
| Sehingga Ogos 2013 | 276,401 | 219,862 | 56,539 | 559,981 | 509,482 | 50,499 |
| JUMLAH | 1,264,090 | 1,150,112 | 113,978 | 2,840,243 | 2,650,731 | 189,512 |

Sumber: Baucar Bayaran Dan Borang Pesanan Bekalan Makanan MAIWP

Pada pendapat Audit, MAIWP perlu memastikan penyediaan sajian bekalan makanan bermasak adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan pelajar dan penghuni asrama.

Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.

MAIWP memaklumkan Kompleks Darul Kifayah sering mendapat aduan bekalan makanan tidak mencukupi. Oleh itu, pengurusan Kompleks Darul Kifayah memutuskan agar jumlah pesanan bekalan makanan ditambah melebihi bilangan penghuni asrama supaya mereka mendapat bekalan makanan yang mencukupi.

4.4.3 Tiada Perjanjian Tambahan Bekalan Makanan Antara Pembekal Dengan MAIWP

4.4.3.1 MAIWP telah melantik Kembara Cekal Enterprise untuk membekalkan makanan kepada pelajar SMISTA yang ditempatkan bersama pelajar Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMA MAIWP) di Bangunan Asrama Kompleks SMA MAIWP. Pembekalan makanan ke SMISTA bermula pada 1 September 2013. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2013, **MAIWP masih belum menyediakan dokumen perjanjian tambahan dengan pembekal.**

4.4.3.2 Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus menetapkan setiap perolehan yang dilaksanakan tanpa tender perlu mendapatkan kelulusan dari Lembaga Perolehan MAIWP. Semakan lanjut mendapati pelantikan Kembara Cekal Enterprise sebagai pembekal makanan bermasak bagi pelajar SMISTA tidak mematuhi Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus kerana dibuat tanpa kelulusan Lembaga Perolehan MAIWP. Pelantikan ini telah dibuat melalui Mesyuarat Penyelarasan Perpindahan SMISTA ke Bangunan SMA MAIWP pada 31 Mei 2013. Ini menyebabkan tiada rundingan harga dibincangkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga bagi mendapat *best value for money*.

Pada pendapat Audit, kegagalan MAIWP menyediakan dokumen perjanjian tambahan dengan pembekal menyebabkan kepentingan MAIWP tidak dilindungi dari segi perundangan sekiranya berlaku ketidakpatuhan perkhidmatan bekalan makanan. Selain itu, perolehan bekalan makanan yang tidak mengikut garis panduan perolehan menyebabkan MAIWP tidak mendapat *best value for money*.

Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.

MAIWP memaklumkan melalui Mesyuarat MAIWP pada 17 Disember 2013 telah meluluskan pelantikan Kembara Cekal Enterprise bagi pembekalan makanan SMISTA bagi tahun 2014.

4.4.4 Soal Selidik Perkhidmatan Bekalan Makanan Pada Tahap Sederhana

4.4.4.1 Soal selidik telah diedarkan kepada pelajar dan penghuni asrama di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP bagi mengumpul data mengenai mutu dan kualiti perkhidmatan bekalan makanan yang telah dilaksanakan.

4.4.4.2 Semakan Audit mendapati kepuasan pelajar dan penghuni asrama terhadap prestasi perkhidmatan pembekal makanan bermasak di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP menunjukkan 71 atau **54.6%** daripada 130 soal selidik **pada tahap sederhana dan ke bawah**. Antara perkara yang tidak memuaskan hati pelajar dan penghuni asrama adalah makanan yang disajikan kurang menyelerakan, persekitaran dewan makan yang kurang bersih dan tidak ceria. Peratusan kepuasan pelajar dan penghuni asrama adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.4
PERATUSAN KEPUASAN PELAJAR DAN PENGHUNI ASRAMA
DI INSTITUSI PENDIDIKAN DAN PERLINDUNGAN MAIWP

| INSTITUSI | PEMBEKAL | SKALA | | | | | JUMLAH |
|---|--------------------------|------------|--------------------------|----------------|-----------|----------------|------------|
| | | 1 Lemah | 2 Kurang Memuaskan | 3 Sederhana | 4 Baik | 5 Cemerlang | |
| Kompleks Darul Kifayah | Kembara Cekal Enterprise | 3 | 12 | 35 | 27 | 10 | 87 |
| Kompleks Dar Assaadah | RG Suria Enterprise | 0 | 3 | 2 | 14 | 0 | 19 |
| SMISTA | Kembara Cekal Enterprise | 3 | 4 | 9 | 5 | 3 | 24 |
| JUMLAH KEPUASAN PENGHUNI | | 6 | 19 | 46 | 46 | 13 | 130 |
| JUMLAH PERATUS KEPUASAN PENGHUNI (%) | | 5 | 15 | 35 | 35 | 10 | 100 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, penilaian berkala terhadap perkhidmatan penyediaan bekalan makanan dapat menjamin kualiti makanan, berkhasiat dan sihat serta memenuhi kepuasan pelajar dan penghuni asrama.

Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.

MAIWP memaklumkan edaran soal selidik akan dilaksanakan setiap 6 bulan kepada pelajar dan penghuni asrama untuk menilai sama ada kualiti bekalan makanan yang disediakan oleh pembekal mengikut spesifikasi perjanjian.

4.4.5 Pemantauan

4.4.5.1 Pemantauan yang berkesan perlu dilakukan terhadap pengurusan bekalan makanan oleh MAIWP bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai. Oleh itu, pemantauan perlu dilaksanakan bermula daripada proses tawaran tender sehingga kontrak bekalan tamat. Unit Perolehan, Bahagian Kewangan MAIWP dan pihak pengurusan di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP bertanggungjawab memantau pengurusan bekalan makanan.

4.4.5.2 Semakan Audit mendapati mekanisme pemantauan tidak dilaksanakan oleh MAIWP. Laporan Prestasi Pembekal tidak disediakan di Kompleks Darul Kifayah, Dar Assaadah dan Dar Assakinah. Ini menyebabkan berlakunya kelemahan prestasi pembekalan makanan seperti bekalan bahan mentah yang tidak berkualiti dan penyajian makanan yang kurang memuaskan.

4.4.5.3 Semakan lanjut mendapati Penyelia Asrama di Kompleks Darul Kifayah, SMISTA dan Dar Assakinah **tidak menjalankan pemantauan secara berkala** terhadap penyediaan makanan bermasak. Ini menyebabkan bekalan makanan tidak menepati spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Penyelia Asrama juga tidak diberi latihan secara khusus berkaitan pengurusan bekalan makanan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang lebih berkesan terhadap pengurusan bekalan makanan bermasak hendaklah dibuat oleh MAIWP bagi menjamin kualiti penyediaan makanan.

Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.

MAIWP memaklumkan pemantauan terhadap pengurusan bekalan makanan bermasak di Institusi Pendidikan Dan Perlindungan MAIWP akan dibuat dengan lebih berkesan. Antaranya penyeliaan secara berkala oleh penyelia yang dilantik dan pelaksanaan garis panduan pengurusan bekalan makanan di semua institusi secara komprehensif.

4.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan supaya MAIWP mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1 MAIWP perlu menjalankan penyeliaan dan pemantauan secara berkala terhadap pengurusan bekalan makanan bagi memastikan pelaksanaan pengurusan bekalan makanan dibuat dengan lebih cekap serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

4.5.2 MAIWP perlu memastikan penyediaan sajian bekalan makanan bermasak adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan pelajar dan penghuni asrama.

4.5.3 MAIWP hendaklah menyediakan dokumen perjanjian tambahan dengan pembekal bagi menjaga kepentingan MAIWP supaya dilindungi dari segi perundangan sekiranya berlaku ketidakpatuhan perkhidmatan bekalan makanan.

4.5.4 MAIWP hendaklah memastikan Penyelia Asrama membuat pemeriksaan dan pengesahan terhadap kuantiti dan kualiti bahan mentah yang diterima selaras dengan spesifikasi dalam perjanjian. Selain itu, pengetua hendaklah membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan perkhidmatan bekalan makanan diselia dengan baik.

4.5.5 Laporan Prestasi Pembekalan Makanan perlu disediakan dan disemak setiap bulan sebelum bayaran dibuat. Sekiranya pembekalan yang dibuat tidak memuaskan, MAIWP perlu mengenakan penalti sebanyak 10% daripada jumlah keseluruhan bayaran perkhidmatan atau menamatkan perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

5. PENGURUSAN HARTA INTELEK

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM) telah diperbadankan pada tahun 2003 di bawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617) dan merupakan agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK). PHIM telah melaksanakan penjenamaan semula apabila singkatan PHIM ditukar kepada MyIPO (Intellectual Property Corporation of Malaysia) pada tahun 2005. Perkhidmatan utama yang disediakan oleh MyIPO adalah pendaftaran harta intelek iaitu cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi dan reka bentuk susun atur litar bersepadu.

5.1.2 Cap dagangan adalah apa-apa tanda yang dapat membezakan barang dan perkhidmatan daripada seseorang peniaga dengan peniaga-peniaga lain. Cap dagangan terdiri daripada perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi daripada unsur-unsur tersebut. Perundangan yang mentadbir cap dagangan adalah Akta Cap Dagangan 1976 (Akta 175) dan Peraturan-peraturan Cap Dagangan 1997.

5.1.3 Paten adalah satu hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu reka cipta sama ada satu produk ataupun proses untuk menghasilkan cara baru bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Paten dilindungi di bawah Akta Paten 1983 (Akta 291).

5.1.4 Reka bentuk perindustrian adalah rupa bentuk luaran secara keseluruhan sesuatu barang atau produk. Akta yang berkuatkuasa terhadap reka bentuk perindustrian adalah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (Akta 552).

5.1.5 Hak cipta pula adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan hak cipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hakcipta 1987 (Akta 332).

5.1.6 Petunjuk geografi adalah merupakan sesuatu barang yang dihasilkan di sesuatu kawasan atau tempat tertentu dan mempunyai ciri tersendiri yang berkait rapat dengan tempat pengeluaran atau geografinya. Akta yang berkuatkuasa adalah Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602).

5.1.7 Reka bentuk susun atur litar bersepadu adalah susunan 3 dimensi (3D) dan unsur-unsur sesuatu litar bersepadu untuk dikilangkan. Akta yang berkuatkuasa terhadap susun atur litar bersepadu adalah Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 (Akta 601).

5.1.8 Antara fungsi MyIPO adalah untuk:

- a. Memantau pelaksanaan segala perkara serta undang-undang berkaitan harta intelek.
- b. Memberikan perkhidmatan pengurusan, memungut dan menguatkuasakan fi bayaran atau apa-apa caj yang diperuntukkan di bawah perundangan harta intelek.
- c. Menjaga kepentingan negara dalam apa-apa perjanjian atau konvensyen antarabangsa yang mana Malaysia menjadi ahli.

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan harta intelek bagi cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian dan hak cipta di MyIPO telah diuruskan dengan cekap, teratur dan dipantau selaras dengan objektif yang ditetapkan.

5.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian dan hak cipta bagi tahun 2011 sehingga 2013. Semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen, fail dan rekod pendaftaran harta intelek di MyIPO. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai MyIPO yang terlibat telah diadakan.

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan paten telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006 dan didapati pengurusannya adalah kurang memuaskan. Sehubungan itu, pengauditan susulan terhadap pengurusan paten telah dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan dalam tahun 2006 telah diambil tindakan. Di samping itu pengauditan juga dijalankan terhadap pengurusan cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hak cipta. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos sehingga Oktober 2013 mendapat secara keseluruhannya, pengurusan harta intelek di MyIPO adalah baik. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

5.4.1 Prestasi Pengurusan Harta Intelek

Harta intelek merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara di mana penghasilan harta intelek baru secara berterusan akan menggalakkan pengkomersialan dan pemindahan teknologi serta meningkatkan perdagangan antarabangsa. Semakan Audit terhadap prestasi pengurusan harta intelek merangkumi prestasi permohonan, pendaftaran dan pendapatan harta intelek serta ranking Malaysia di peringkat antarabangsa.

5.4.1.1 Prestasi Permohonan Harta Intelek

- a. Permohonan untuk pendaftaran harta intelek adalah digalakkan bagi memberi hak eksklusif kepada pemiliknya untuk mengawal dan mengeksplorasi harta intelek mereka. MyIPO menerima permohonan pendaftaran harta intelek daripada orang perseorangan dan syarikat dari dalam dan luar negara. MyIPO akan memproses permohonan tersebut mengikut prosedur yang ditetapkan dan hanya permohonan yang disokong dengan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses.
- b. Semakan Audit mendapati permohonan untuk pendaftaran cap dagangan dan paten telah meningkat setiap tahun. Permohonan untuk pendaftaran reka bentuk perindustrian meningkat pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 sebelum menurun pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Permohonan untuk pendaftaran hak cipta hanya bermula pada bulan Jun 2012. Statistik permohonan untuk pendaftaran harta intelek bagi tahun 2011 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.1
STATISTIK PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN HARTA INTELEK
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013

| JENIS HARTA INTELEK | BILANGAN PERMOHONAN | | |
|---------------------------|---------------------|--------|--------|
| | 2011 | 2012 | 2013 |
| Cap Dagangan | 28,833 | 31,876 | 32,225 |
| Paten | 6,559 | 7,027 | 7,350 |
| Reka Bentuk Perindustrian | 1,871 | 2,082 | 2,053 |
| Hak cipta | - | *402 | 1,211 |

Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat

Nota: *Dari Bulan Jun Sehingga Disember 2012

- c. Semakan Audit mendapati peningkatan permohonan yang ditunjukkan setiap tahun adalah disebabkan oleh aktiviti pemasaran yang dijalankan. Antara aktiviti pemasaran yang dijalankan adalah program kesedaran harta intelek, program Bual Bicara Islam Harta Intelek, liputan mengenai MyIPO melalui media massa dan lain-lain. Selain itu, MyIPO juga turut mengadakan Hari

Harta Intelek Negara Malaysia setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan harta intelek di kalangan orang awam.

5.4.1.2 Prestasi Pendaftaran Harta Intelek

- Pendaftaran cap dagangan dan paten terbahagi kepada proses biasa dan dipercepatkan selaras dengan pindaan akta berkenaan pada tahun 2011. Sekiranya pemohon hendak mempercepatkan proses pendaftaran, mereka dikenakan fi bayaran lebih daripada proses biasa dan tempoh pendaftaran akan menjadi singkat. Tempoh pendaftaran harta intelek berserta fi bayaran adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.2
TEMPOH PENDAFTARAN DAN FI BAYARAN HARTA INTELEK**

| JENIS HARTA INTELEK | JENIS PROSES | TEMPOH PENDAFTARAN | *FI BAYARAN | |
|---------------------------|--|--------------------|--|----------------------------|
| | | | JENIS | (RM) |
| Cap Dagangan | Biasa | 12 bulan | Permohonan (Borang CD5) Pewartaan (Borang CD31) | 370 650 |
| | Dipercepatkan | 6 bulan 3 minggu | Permohonan (Borang TM5) Pemeriksaan (Borang TM5A) Pemeriksaan (Borang TM5B) Pewartaan (Borang TM31) | 370 250 1,200 650 |
| Paten | Biasa | 26 bulan | Permohonan (Borang 1) Permohonan (Borang 14) Pemeriksaan (Borang 5) Pemeriksaan (Borang 5A) | 290 140 1,100 640 |
| | Dipercepatkan | 20 bulan | Pemeriksaan (Borang 5H) Pemeriksaan (Borang 5I) | 250 2,200 |
| Reka Bentuk Perindustrian | Biasa | 8 bulan | Fi berbilang utama dan tunggal Fi berbilang berikutnya Fi pewartaan setiap sudut pandangan | 500 500 200 |
| Hak Cipta | Dilindungi secara automatik sebaik sahaja menepati syarat. | | Fi bayaran bergantung kepada karya hak cipta sama ada melalui CD, DVD, dokumen dan lain-lain. Antara fi bayaran adalah seperti berikut: Pemberitahuan karya Pengemukaan karya (CD) Pengemukaan karya (DVD) Sijil pemberitahuan hak cipta | 15 30 50 50 |

Sumber: Akta Harta Intelek Berkenaan

Nota: *Fi Bayaran Tertakluk Kepada Permohonan Yang Menepati Syarat Sahaja. Sekiranya Tidak Menepati Syarat Atau Permohonan Hendak Dipinda Maka Bayaran Lain Akan Dikenakan

- Semakan Audit mendapati hanya permohonan bersih sahaja akan diproses lebih lanjut untuk urusan pendaftaran. Permohonan bersih adalah terdiri daripada permohonan yang tidak mengambil kira permohonan yang digugurkan oleh pemohon sendiri, permohonan yang ditolak oleh MyIPO kerana tidak menepati syarat, pemohon tidak memperbarui pendaftaran, pendaftaran telah tamat tempoh dan lain-lain. Memandangkan tempoh memproses permohonan untuk pendaftaran harta intelek boleh mencapai

sehingga 26 bulan, maka prestasi pendaftaran bagi permohonan tahun 2011 sehingga 2013 tidak dapat diukur kerana masih dalam proses semakan. Semakan lanjut mendapati prestasi pendaftaran harta intelek berbanding permohonan bersih bagi tahun 2011 sehingga 2013 untuk cap dagangan adalah sebanyak 29.1%, paten sebanyak 0.6% dan reka bentuk perindustrian sebanyak 69.6%. Prestasi harta intelek yang telah didaftarkan bagi tahun terkini adalah seperti dijadual berikut:

JADUAL 5.3
PRESTASI PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN HARTA INTELEK
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013

| TAHUN | JUMLAH PERMOHONAN (a) | *JUMLAH PERMOHONAN DITOLAK (b) | JUMLAH PERMOHONAN BERSIH (c) = (a) – (b) | JUMLAH PERMOHONAN DALAM PROSES PENDAFTARAN (d) | JUMLAH PERMOHONAN TELAH DIDAFTARKAN (e) = (c) – (d) | PERATUS PENDAFTARAN (%) (f) = (e) / (c) x 100 |
|----------------------------------|--------------------------|-----------------------------------|---|---|--|--|
| Cap Dagangan | | | | | | |
| 2011 | 28,833 | 689 | 28,144 | 12,420 | 15,724 | 55.9 |
| 2012 | 31,876 | 249 | 31,627 | 20,824 | 10,803 | 34.2 |
| 2013 | 32,225 | 212 | 32,013 | 31,800 | 213 | 0.7 |
| Jumlah | 92,934 | 1,150 | 91,784 | 65,044 | 26,740 | 29.1 |
| Paten | | | | | | |
| 2011 | 6,559 | 68 | 6,491 | 6,379 | 112 | 1.7 |
| 2012 | 7,027 | 24 | 7,003 | 6,990 | 13 | 0.2 |
| 2013 | 7,350 | 34 | 7,316 | 7,316 | - | 0 |
| Jumlah | 20,936 | 126 | 20,810 | 20,685 | 125 | 0.6 |
| Reka Bentuk Perindustrian | | | | | | |
| 2011 | 1,871 | 111 | 1,760 | 13 | 1,747 | 99.3 |
| 2012 | 2,082 | 191 | 1,891 | 139 | 1,752 | 92.6 |
| 2013 | 2,053 | 4 | 2,049 | 1,578 | 471 | 23.0 |
| Jumlah | 6,006 | 306 | 5,700 | 1,730 | 3,970 | 69.6 |
| JUMLAH BESAR | 119,876 | 1,582 | 118,294 | 87,459 | 30,835 | 26.1 |

Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat

Nota: *Permohonan Yang Ditolak Oleh MyIPO Kerana Tidak Menepati Syarat, Permohonan Yang Digugurkan Oleh Pemohon Sendiri Dan Lain-lain

- c. Semakan Audit terhadap 100 sampel bagi setiap jenis permohonan untuk pendaftaran harta intelek iaitu cap dagangan, paten dan reka bentuk perindustrian mendapati keseluruhan permohonan tersebut tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta. Antara syarat yang tidak ditepiti adalah seperti berikut:
 - i. Cap dagangan menggunakan perkataan, gabungan perkataan, gambar, simbol atau nombor yang boleh dikaitkan dengan sifat atau mutu

barangan/perkhidmatan. Ini adalah tidak selaras dengan kehendak Seksyen 10(1)(d) Akta Cap Dagangan 1976.

- ii. Pemohon paten tidak mengemukakan borang permohonan pemeriksaan substantif.
- iii. Gambar rajah yang dikemukakan tidak jelas bagi reka bentuk perindustrian.
- d. Semakan lanjut terhadap prestasi pendaftaran harta intelek sebelum tahun 2011 mendapati pendaftaran harta intelek berbanding permohonan bersih bagi cap dagangan adalah sebanyak 98.8%, paten sebanyak 80.6% dan reka bentuk perindustrian sebanyak 100%. **Sehingga tahun 2010 sebanyak 15,989 permohonan masih dalam proses pendaftaran.** Permohonan yang masih dalam proses pendaftaran adalah kerana permohonan cap dagangan sedang dalam proses perbicaraan manakala pemohon bagi permohonan paten mohon penangguhan proses pendaftaran atas faktor-faktor strategik seperti penyelidikan lanjutan, defensif, pemasaran, pemeriksaan substantif dan lain-lain. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.4
PRESTASI PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN HARTA INTELEK SEHINGGA TAHUN 2010**

| TAHUN | JUMLAH PERMOHONAN (a) | *JUMLAH PERMOHONAN DITOLAK (b) | JUMLAH PERMOHONAN BERSIH (c) = (a) – (b) | JUMLAH PERMOHONAN DALAM PROSES PENDAFTARAN (d) | JUMLAH PERMOHONAN TELAH DIDAFTARKAN (e) = (c) – (d) | PERATUS PENDAFTARAN (%) (f) = (e) / (c) x 100 |
|----------------------------------|-----------------------------|---|---|--|---|--|
| Cap Dagangan | | | | | | |
| 1990 ke bawah | 194,300 | 67,128 | 127,172 | 67 | 127,105 | 99.9 |
| 1991 – 1995 | 54,338 | 26,690 | 27,648 | 86 | 27,562 | 99.7 |
| 1996 – 2000 | 85,453 | 37,441 | 48,012 | 239 | 47,773 | 99.5 |
| 2001 – 2005 | 93,709 | 31,619 | 62,090 | 1,097 | 60,993 | 98.2 |
| 2006 – 2010 | 126,443 | 45,448 | 80,995 | 2,507 | 78,488 | 96.9 |
| Jumlah | 554,243 | 208,326 | 345,917 | 3,996 | 341,921 | 98.8 |
| Paten | | | | | | |
| 1990 ke bawah | 9,340 | 2,365 | 6,975 | - | 6,975 | 100.0 |
| 1991 – 1995 | 15,483 | 6,459 | 9,024 | - | 9,024 | 100.0 |
| 1996 – 2000 | 30,060 | 15,302 | 14,758 | - | 14,758 | 100.0 |
| 2001 – 2005 | 27,666 | 12,752 | 14,914 | 1,847 | 13,067 | 87.6 |
| 2006 – 2010 | 24,773 | 8,663 | 16,110 | 10,146 | 5,964 | 37.0 |
| Jumlah | 107,322 | 45,541 | 61,781 | 11,993 | 49,788 | 80.6 |
| Reka Bentuk Perindustrian | | | | | | |
| 1996 – 2000 | 1,241 | 962 | 279 | - | 279 | 100.0 |
| 2001 – 2005 | 6,537 | 4,132 | 2,405 | - | 2,405 | 100.0 |
| 2006 – 2010 | 8,325 | 2,596 | 5,729 | - | 5,729 | 100.0 |
| Jumlah | 16,103 | 7,690 | 8,413 | - | 8,413 | 100.0 |
| JUMLAH BESAR | 677,668 | 261,557 | 416,111 | 15,989 | 400,122 | 96.2 |

Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat

Nota: *Permohonan Yang Ditolak Oleh MyIPO Kerana Tidak Menepati Syarat, Permohonan Yang Digugurkan Oleh Pemohon Sendiri Dan Lain-lain

- e. Semakan lanjut mendapati MyIPO telah menambahbaik proses kerja dengan menggunakan sistem baru iaitu sistem ITMS (cap dagangan), sistem SOPRANO (paten), sistem IDesign (reka bentuk perindustrian) dan sistem Voluntary Notification (hak cipta). Sistem ITMS telah digunakan pada tahun 2010, SOPRANO pada tahun 2009 dan Voluntary Notification pada tahun 2012 dengan kos perolehan berjumlah RM9.89 juta, RM3.10 juta dan RM2.29 juta masing-masing manakala sistem IDesign adalah sistem yang dibangunkan secara *in-house*. Semua sistem ini berperanan sebagai pangkalan utama data harta intelek. Selain itu, proses pendaftaran harta intelek juga menjadi lebih cekap dan teratur selepas pindaan terhadap Akta berkaitan tempoh proses pendaftaran dan fi bayaran dan pematuhan terhadap MS ISO 9001:2008 pada tahun 2011 berbanding sebelum ini.

Pada pendapat Audit, prestasi pendaftaran harta intelek adalah baik. Bagaimanapun, MyIPO hendaklah memastikan permohonan yang masih dalam proses perbicaraan dan penangguhan permohonan oleh pemohon diselesaikan secepat mungkin.

Maklum Balas Daripada MyIPO Diterima Pada 12 Februari 2014.

MyIPO memaklumkan proses pendaftaran adalah tertakluk kepada undang-undang yang telah ditetapkan dan perlu dipatuhi. Selain itu, terdapat juga permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pemohon. Tindakan sewajarnya sedang diambil oleh MyIPO iaitu:

- a. *Menambah pegawai yang mempunyai latar belakang undang-undang.*
- b. *Menghadkan bilangan permohonan Extension of Time oleh pemohon.*
- c. *Menyediakan rangka kerja penyelesaian bagi permohonan cap dagangan yang melibatkan proses perbicaraan dan dijangka dapat diselesaikan pada penghujung tahun 2014.*
- d. *Data-data bagi permohonan yang sedang dalam tindakan data cleansing akan selesai dikemaskini selewat-lewatnya pada 15 Mac 2014.*

5.4.1.3 Prestasi Pendapatan Harta Intelek

Pendapatan utama MyIPO adalah melalui fi bayaran atau apa-apa caj yang diperuntukkan di bawah perundangan harta intelek. Pengurusan pendaftaran cap dagangan mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM121.52 juta, diikuti dengan pengurusan pendaftaran paten berjumlah RM61.41 juta manakala pengurusan pendaftaran reka bentuk perindustrian berjumlah RM11.48 juta dari tahun 2011 sehingga 2013. Pengurusan pendaftaran hak cipta pula telah mencatatkan pendapatan berjumlah RM0.14 juta dari bulan Jun 2012 sehingga 2013. Peningkatan pendapatan MyIPO ini disebabkan oleh peningkatan

permohonan harta intelek dan fi bayaran baru mulai tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan carta berikut:


**JADUAL 5.5
PENDAPATAN HARTA INTELEK BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

| TAHUN | CAP DAGANGAN (RM Juta) | PATEN (RM Juta) | REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (RM Juta) | HAK CIPTA (RM Juta) |
|---------------|---------------------------|--------------------|---|------------------------|
| 2011 | 36.46 | 18.50 | 2.21 | - |
| 2012 | 41.40 | 20.72 | 4.30 | *0.03 |
| 2013 | 43.66 | 22.19 | 4.97 | 0.11 |
| JUMLAH | 121.52 | 61.41 | 11.48 | 0.14 |

Sumber: Penyata Kewangan Dan Laporan Pendapatan

Nota: *Dari pada Bulan Jun Sehingga Disember 2012

**CARTA 5.1
PENDAPATAN HARTA INTELEK BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**



5.4.1.4 Ranking Harta Intelek Malaysia Di Peringkat Antarabangsa

- World Intellectual Property Organization (WIPO)* ditubuhkan pada 1967 di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai forum antarabangsa bagi perkhidmatan, polisi dan kerjasama harta intelek. Misi WIPO adalah untuk membangunkan sistem harta intelek antarabangsa yang seimbang dan berkesan. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menganggotai WIPO di kalangan 186 buah negara sejak 1 Januari 1989. Selain itu, MyIPO juga menganggotai pelbagai pertubuhan antarabangsa bagi mempertingkatkan kerjasama dan menepati standard antarabangsa harta intelek. Antara pertubuhan yang dianggotai adalah seperti Konvensyen Paris 1883, Konvensyen Berne 1886, Perjanjian Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights 1994, Patent Cooperation Treaty (PCT) 1970, Perjanjian Nice 1957 dan Perjanjian Vienna 1973.
- Ranking* harta intelek di peringkat antarabangsa ditentukan berdasarkan statistik permohonan dan pendaftaran harta intelek yang dikendalikan oleh

WIPO. Kedudukan *ranking* harta intelek yang diterbitkan di laman sesawang WIPO adalah setakat tahun 2011 sahaja memandangkan pengumpulan maklumat ini mengambil masa yang lama. *Ranking* ini terbahagi kepada permohonan dan pendaftaran harta intelek bagi pemohon Malaysia dan luar negara serta berdasarkan jenis harta intelek. Harta intelek yang diberi *ranking* adalah cap dagangan, paten dan reka bentuk perindustrian. Semakan Audit melalui laman sesawang WIPO mendapati *ranking* Malaysia bagi pemohon Malaysia adalah di antara kedudukan 25 sehingga 36 manakala bagi pemohon luar negara adalah di antara kedudukan 14 sehingga 20 tertakluk kepada jenis harta intelek di kalangan 186 negara anggota. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.6
RANKING MALAYSIA BAGI HARTA INTELEK
DI PERINGKAT ANTARABANGSA PADA TAHUN 2011**

| JENIS HARTA INTELEK | | RANKING | |
|---------------------------|-------------|------------------|---------------------|
| | | PEMOHON MALAYSIA | PEMOHON LUAR NEGARA |
| Cap Dagangan | Permohonan | 27 | 14 |
| | Pendaftaran | 25 | 14 |
| Paten | Permohonan | 33 | 18 |
| | Pendaftaran | 36 | 20 |
| Reka Bentuk Perindustrian | Permohonan | 31 | 17 |
| | Pendaftaran | 26 | 16 |

Sumber: Laman Sesawang WIPO

5.4.2 Pemantauan

Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan MyIPO mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaiannya. Semakan Audit mendapati pengurusan aktiviti MyIPO mempunyai mekanisme pemantauan di peringkat Kementerian, Lembaga Pengarah dan Pengurusan MyIPO melalui mesyuarat, laporan bulanan dan statistik permohonan serta pendaftaran harta intelek selain turut melaporkan di WIPO.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat adalah baik. Bagaimanapun, MyIPO hendaklah memantau permohonan yang masih dalam proses pendaftaran bagi meningkatkan prestasi pengurusan pendaftaran harta intelek.

Maklum Balas Daripada MyIPO Diterima Pada 12 Februari 2014.

MyIPO akan memastikan tempoh masa pemprosesan pendaftaran harta intelek menepati kehendak perundangan dan piagam pelanggan serta mematuhi pengurusan kualiti MS ISO 9001:2008.

5.5 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pengurusan harta intelek telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur dengan penggunaan sistem teknologi berbanding tahun 2006 di mana MyIPO tidak menetapkan tempoh masa proses pendaftaran harta intelek pada ketika itu. Setakat bulan Disember 2013, secara keseluruhannya prestasi pendaftaran harta intelek berbanding permohonan bersih sehingga tahun 2010 adalah 96.2%.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

6. PENGURUSAN PELABURAN HARTANAH LUAR NEGARA


6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan di bawah Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1951 sebagai skim persaraan wajib dan dikawal selia oleh Kementerian Kewangan. Mulai 1 Jun 1991, Ordinan ini telah dipinda dan diganti dengan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452). Fungsi KWSP adalah untuk menerima caruman, memproses pengeluaran kepada ahli atau waris yang layak serta melaburkan wang untuk kepentingan ahli.

6.1.2 Seksyen 3, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 membenarkan KWSP untuk memperoleh, memindah, melupus dan mengurus kepentingan harta alih dan tak alih tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan terma yang ditetapkan. Seksyen 26(2)(e) pula membenarkan KWSP untuk melabur di luar Malaysia dengan kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan. Sehubungan ini, KWSP telah memilih pelaburan harta tanah sebagai salah satu komponen Alokasi Aset Strategik tahunannya untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan bagi tujuan pembayaran dividen tahunan.

6.1.3 Alokasi Aset Strategik (SAA) adalah strategi pengurusan aset pelaburan yang digunakan oleh KWSP bagi mencapai pulangan yang konsisten untuk tempoh jangka panjang dalam julat risiko yang dibenarkan seperti di rajah berikut:

**RAJAH 6.1
ALOKASI ASET STRATEGIK**




Sumber: Jabatan Kuantitatif Dan Analisa Prestasi

6.1.4 KWSP telah membuat pelaburan berjumlah RM586.66 bilion pada tahun 2013 berbanding RM526.75 bilion pada tahun 2012. Dana KWSP pula adalah berjumlah RM593.45 bilion pada tahun 2013 berbanding RM532.27 bilion pada 2012.

6.1.5 Pelaburan harta tanah KWSP terdiri daripada pelaburan harta tanah domestik, luar negara dan infrastruktur. Pelaburan harta tanah luar negara diurus oleh Seksyen Hartanah Global dan Seksyen Hartanah Serantau Dan Domestik di Jabatan Pasaran Persendirian. Seksyen ini bertanggungjawab merancang portfolio harta tanah dan pengurusan sumber, menjalankan *due diligence* dan melaksanakan transaksi berkaitan harta tanah.

6.1.6 KWSP telah membuat pelaburan harta tanah luar negara iaitu di United Kingdom, Australia, Singapura dan Eropah dengan pelaburan berjumlah RM6.46 bilion seperti di rajah berikut:

**RAJAH 6.2
PELABURAN HARTANAH LUAR NEGARA TAHUN 2013**



Sumber: Jabatan Kewangan dan Jabatan Pematuhan Pelaburan

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pelaburan harta tanah luar negara KWSP di Australia telah diurus dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

6.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pelaburan harta tanah KWSP di Australia bagi tahun 2011 sehingga 2013 iaitu pelaburan melalui pengurus dana dan pelaburan usaha sama Projek Joist. Semakan telah dibuat terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan pengurusan pelaburan harta tanah di Ibu Pejabat KWSP, Pejabat Pengurus Pelaburan dan Pengurus

Perakaunan di Sydney, Australia. Temu bual dengan pegawai berkenaan dan lawatan dilakukan ke Sydney dan Melbourne, Australia.


6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2013 mendapati pengurusan pelaburan harta tanah luar negara KWSP di Australia telah diuruskan dengan baik. Penjelasan lanjut mengenai pengurusan harta tanah adalah seperti berikut:

6.4.1 Prestasi Pelaburan

6.4.1.1 Pelaburan KWSP tahun 2013 adalah berjumlah RM586.66 bilion dan sejumlah RM14.36 bilion adalah merupakan pelaburan harta tanah dan infrastruktur. Maklumat lanjut pelaburan adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 6.1
PELABURAN KWSP BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**




Sumber: Jabatan Kewangan

6.4.1.2 Pelaburan harta tanah dan infrastruktur telah meningkat sejumlah RM1.31 bilion dari tahun 2012 kepada RM14.36 bilion pada tahun 2013. Peningkatan ini disumbang oleh pertambahan pelaburan harta tanah luar negara di United Kingdom, Australia, Singapura dan Eropah. Pelaburan harta tanah dan infrastruktur tahun 2013 adalah merangkumi RM4.92 bilion bagi pelaburan harta tanah domestik, RM6.46 bilion bagi pelaburan harta tanah luar negara dan RM2.98 bilion bagi pelaburan infrastruktur.

6.4.1.3 KWSP telah memperoleh pendapatan pelaburan kasar berjumlah RM35 bilion pada tahun 2013 berbanding RM31.02 bilion pada tahun 2012 dan RM27.23 bilion pada tahun 2011. Maklumat lanjut pendapatan pelaburan kasar adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 6.2
PENDAPATAN PELABURAN KASAR KWSP
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**



Sumber: Jabatan Kewangan

6.4.1.4 Selaras dengan peningkatan dalam pelaburan harta tanah dan infrastruktur, KWSP telah menerima sejumlah RM1,139 juta pendapatan pelaburan kasar bagi harta tanah dan infrastruktur pada tahun 2013 berbanding sasaran tahunan berjumlah RM930 juta iaitu pencapaian sebanyak 122.5%. Selain itu, pencapaian pendapatan pelaburan kasar bagi tahun 2012 adalah 115.7% berbanding 98.4% pada tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual berikut:

**JADUAL 6.1
PRESTASI PENDAPATAN PELABURAN KASAR HARTANAH DAN INFRASTRUKTUR BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

| TAHUN | SASARAN (RM Juta) | SEBENAR (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|-------|-------------------|-------------------|----------------|
| 2011 | 315 | 310 | 98.4 |
| 2012 | 515 | 596 | 115.7 |
| 2013 | 930 | 1,139 | 122.5 |

Sumber: Jabatan Kewangan Dan Minit Mesyuarat Panel Pelaburan

6.4.1.5 Analisis pendapatan pelaburan kasar hartanah dan infrastruktur yang diterima tahun 2013 menunjukkan KWSP telah menerima pendapatan berjumlah RM1.14 bilion atau 7.9% berbanding pelaburan berjumlah RM14.36 bilion. Peratusan ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu 4.6% pada tahun 2012 dan 3.1% pada tahun 2011 yang disebabkan peningkatan dalam pendapatan pelaburan infrastruktur seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.2
PELABURAN DAN PENDAPATAN PELABURAN KASAR HARTANAH DAN INFRASTRUKTUR
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013

| PELABURAN | TAHUN 2011 | | | TAHUN 2012 | | | TAHUN 2013 | | |
|----------------------|------------------------|-------------------------|------------|------------------------|-------------------------|------------|------------------------|-------------------------|------------|
| | PELABURAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | % | PELABURAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | % | PELABURAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | % |
| Hartanah Domestik | 2,189 | 174 | 7.9 | 4,903 | 196 | 4.0 | 4,924 | 257 | 5.2 |
| Hartanah Luar Negara | 5,548 | 82 | 1.5 | 5,279 | 206 | 3.9 | 6,455 | 256 | 4.0 |
| Infrastruktur | 2,136 | 54 | 2.5 | 2,871 | 194 | 6.8 | 2,978 | 626 | 21.0 |
| JUMLAH | 9,873 | 310 | 3.1 | 13,053 | 596 | 4.6 | 14,357 | 1,139 | 7.9 |

Sumber: Jabatan Kewangan

6.4.1.6 Analisis lanjut mendapati KWSP telah menerima sejumlah RM66.28 juta bagi pendapatan pelaburan di Australia pada tahun 2013 iaitu 4.3% daripada pelaburan berjumlah RM1,545.31 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.3
PENDAPATAN PELABURAN KASAR HARTANAH LUAR NEGARA
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013

| PELABURAN | TAHUN 2011 | | | TAHUN 2012 | | | TAHUN 2013 | | |
|----------------|------------------------|-------------------------|------------|------------------------|-------------------------|------------|------------------------|-------------------------|------------|
| | PELABURAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | % | PELABURAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | % | PELABURAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | % |
| United Kingdom | 5,098.58 | 82.18 | 1.6 | 3,897.47 | 174.30 | 4.5 | 4,056.89 | 177.30 | 4.4 |
| Australia | 147.60 | - | - | 1,042.39 | 15.77 | 1.5 | 1,545.31 | 66.28 | 4.3 |
| Singapura | 301.39 | - | - | 338.99 | 15.70 | 4.6 | 546.40 | 12.55 | 2.3 |
| Eropah | - | - | - | - | - | - | 306.47 | - | - |
| JUMLAH | 5,547.57 | 82.18 | 1.5 | 5,278.85 | 205.77 | 3.9 | 6,455.07 | 256.13 | 4.0 |

Sumber: Jabatan Kewangan

Pada pendapat Audit, prestasi pelaburan hartanah KWSP tahun 2013 adalah baik kerana telah memperoleh pendapatan pelaburan melebihi sasaran.

6.4.2 Kelulusan Dan Alokasi Aset Strategik Pelaburan

6.4.2.1 KWSP telah mendapat kelulusan Panel Pelaburan KWSP dan Kementerian Kewangan pada tahun 2010 bagi pelaburan luar negara sehingga USD3 bilion/RM11.67 bilion untuk tempoh 3 tahun secara terus atau secara usaha sama dengan pelabur lain dari Malaysia atau luar negara. KWSP juga telah mendapat kelulusan Menteri Kewangan bagi meningkatkan SAA pelaburan luar negara daripada 20% kepada 23% dari jumlah pelaburan keseluruhan pada tahun 2011.

6.4.2.2 Prestasi pelaburan harta tanah dan infrastruktur tahun 2013 telah mencapai 3% berbanding 5 % SAA yang ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi tersebut masih dalam peratusan julat yang telah diluluskan. Prestasi keseluruhan pelaburan KWSP adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.4
PELABURAN KWSP BERBANDING ALOKASI ASET STRATEGIK
BAGI TAHUN 2013**

| PELABURAN | Jumlah | | SAA % |
|-------------------------------|---------------|------------|------------|
| | RM Bilion | % | |
| Ekuiti | 252.14 | 43 | 37 |
| Instrumen Berpendapatan Tetap | 307.10 | 52 | 55 |
| Hartanah Dan Infrastruktur | 14.36 | 3 | 5 |
| Instrumen Pasaran Wang | 13.06 | 2 | 3 |
| JUMLAH | 586.66 | 100 | 100 |

Sumber: Jabatan Kewangan, Jabatan Kuantitatif Dan Analisa Prestasi

Pada pendapat Audit, pelaburan harta tanah KWSP telah dilaksanakan dalam peratusan julat Alokasi Aset Strategik yang diluluskan.

6.4.3 Pelaburan Hartanah di Australia


6.4.3.1 KWSP telah melabur di Australia sejak tahun 2010 dan antara faktor pemilihan pelaburan tersebut adalah seperti berikut:

- a. Kedudukan ekonomi yang kukuh dan fleksibel dengan purata pertumbuhan *Gross Domestic Product* (GDP) sebanyak 3.2% untuk 30 tahun yang lepas.
- b. Penarafan AAA oleh *Standard & Poors Ratings Services* dengan 28.8% Debt/GDP dan Bajet Defisit sebanyak -5.89%.
- c. Industri harta tanah dan logistik Australia mempunyai risiko dan volatiliti yang lebih rendah.

6.4.3.2 Pelaburan hartaanah KWSP di Australia telah dilaksanakan melalui struktur *Managed Investment Trust (MIT)* iaitu pegangan pengagihan pendapatan sewaan bersih dan keuntungan modal akan dikenakan kadar cukai 15% berbanding 30% yang sepatutnya dikenakan.

6.4.3.3 Panel Pelaburan KWSP telah meluluskan pelaburan berjumlah AUD630 juta/RM2.02 bilion bagi pelaburan hartaanah di Australia. Sehingga tahun 2013, pelaburan hartaanah di Australia adalah berjumlah AUD446.29 juta/RM1.54 bilion. Semakan Audit mendapati KWSP telah melaksanakan 3 jenis pelaburan iaitu pelaburan melalui pengurus dana, pelaburan secara *co-investment* dan pelaburan secara usaha sama. Maklumat lanjut adalah seperti di rajah berikut:

**RAJAH 6.3
PELABURAN HARTANAH DI AUSTRALIA BAGI TAHUN 2013**



Sumber: Jabatan Kewangan Dan Minit Mesyuarat Panel Pelaburan

6.4.4 Pelaburan Melalui Pengurus Dana

6.4.4.1 Pengurus Dana telah membuat pelaburan terhadap 4 hartaanah di Melbourne, Brisbane dan Canberra, Australia. Semakan Audit mendapati daripada 4 hartaanah tersebut, hartaanah Marcus Clarke di Canberra merupakan pelaburan KWSP melalui pengurus dana dan *co-investment*. Lawatan Audit terhadap 2 hartaanah di Melbourne telah dilaksanakan pada bulan September 2013 dan butiran adalah seperti berikut:

GAMBAR 6.1
MAKLUMAT HARTANAH 469 LA TROBE STREET, MELBOURNE



| | |
|--------------------------|----------------------|
| Jenis Bangunan | Bangunan pejabat |
| Tarikh Perolehan | Bulan Mei 2011 |
| <i>Net Lettable Area</i> | 19,824 meter persegi |
| Ruang Disewakan | 93% |
| Jenis Hartanah | Pegangan Bebas |

Sumber: Jabatan Pasaran Persendirian

GAMBAR 6.2
MAKLUMAT HARTANAH 850 COLLINS STREET, MELBOURNE



| | |
|--------------------------|----------------------|
| Jenis Bangunan | Bangunan pejabat |
| Tarikh Perolehan | Bulan November 2011 |
| <i>Net Lettable Area</i> | 17,369 meter persegi |
| Ruang Disewakan | 60% |
| Jenis Hartanah | Pegangan Bebas |

Sumber: Jabatan Pasaran Persendirian

GAMBAR 6.3
MAKLUMAT HARTANAH 150 CHARLOTTE STREET, BRISBANE



| | |
|--------------------------|----------------------|
| Jenis Bangunan | Bangunan pejabat |
| Tarikh Perolehan | Bulan Jun 2012 |
| <i>Net Lettable Area</i> | 11,046 meter persegi |
| Ruang Disewakan | 97% |
| Jenis Hartanah | Pegangan Bebas |

Sumber: Jabatan Pasaran Persendirian

6.4.4.2 Semakan Audit mendapati kekosongan ruang penyewaan adalah sebanyak 40% bagi hartaanah di 850 Collins Street iaitu sebahagian *Lower* dan *Upper Ground* serta aras 1 hingga 3, sebanyak 7% bagi 469 La Trobe Street iaitu sebahagian aras 8 dan 15 serta dan sebanyak 3% bagi 150 Charlotte

Street. Pihak Audit dimaklumkan tindakan pro-aktif untuk menyewakan ruang kosong sedang diambil. Sehingga kini, perbincangan sedang diadakan dengan 3 pihak yang berminat untuk menyewa ruang kosong di 850 Collins Street.

6.4.5 Pelaburan Secara *Co-Investment*

KWSP telah melabur melalui syarikat KWASA Australia Trust bagi hartanah di 50 Marcus Clarke di Canberra seperti berikut:

**GAMBAR 6.4
HARTANAH – 50 MARCUS CLARKE, CANBERRA**



| | |
|--------------------------|----------------------|
| Jenis Bangunan | Bangunan pejabat |
| Tarikh Perolehan | Bulan Mac 2012 |
| <i>Net Lettable Area</i> | 40,826 meter persegi |
| Ruang Disewakan | 100% |
| Jenis Hartanah | Tanah Pajakan |

Sumber: Minit Mesyuarat Panel Pelaburan dan Laporan Suku Kedua Tahun 2013 Jabatan Pasaran Persendirian

6.4.6 Pelaburan Secara Usaha Sama

6.4.6.1 KWSP secara usaha sama dengan Goodman Group (GMG) telah membuat pelaburan hartanah dalam KWASA-Goodman Industrial Trust (KGIT). Pembahagian ekuiti yang dipersetujui adalah 60% oleh KWSP dan GMG sebanyak 40% yang merangkumi 2 projek iaitu Projek Goodie dan Projek Joist. KGIT juga telah menandatangani perjanjian pembiayaan kewangan untuk tempoh 4 tahun bagi projek tersebut.

6.4.6.2 Perolehan 6 hartaanah bagi Projek Goodie yang bernilai AUD378.60 juta/RM1.20 bilion telah dibuat pada bulan Jun 2012. Hartanah tersebut merupakan bangunan gudang yang berstatuskan pegangan bebas. Maklumat hartaanah dan gambar bagi Projek Goodie adalah seperti berikut:

GAMBAR 6.5



Hartanah: Greystanes Park West
Lokasi: Sydney, Australia

GAMBAR 6.6



Hartanah: Greystanes Park East
Lokasi: Sydney, Australia

GAMBAR 6.7



Hartanah: Prestons Distribution Centre
Lokasi: Sydney, Australia

GAMBAR 6.8



Hartanah: Northgate Distribution Centre
Lokasi: Melbourne, Australia

GAMBAR 6.9



Hartanah: Campbellfield Distribution Centre
Lokasi: Melbourne, Australia

GAMBAR 6.10



Hartanah: Hampton Distribution Centre
Lokasi: Melbourne, Australia

6.4.6.3 Perolehan 5 hartaanah bagi Projek Joist yang bernilai AUD300.30 juta/RM950.15 juta telah dibuat pada bulan Januari 2013. Maklumat hartaanah dan gambar bagi Projek Joist adalah seperti berikut:

GAMBAR 6.11



Hartanah: MFive Industry Park
Lokasi: Sydney, Australia

GAMBAR 6.12



Hartanah: Robert Distribution Centre
Lokasi: Sydney, Australia

GAMBAR 6.13



Hartanah: Westhub Industrial Estate - A
Lokasi: Melbourne, Australia

GAMBAR 6.14



Hartanah: Westhub Industrial Estate - B
Lokasi: Melbourne, Australia



GAMBAR 6.15

Hartanah: Westhub Industrial Estate - C
Lokasi: Melbourne, Australia

6.4.7 Penyewaan Hartanah Projek Joist

6.4.7.1 Projek Joist mempunyai 5 hartaanah yang terdiri daripada penyewa tunggal dan pelbagai yang mempunyai tempoh penyewaan antara 3 hingga 20 tahun. Perjanjian Penyewaan menetapkan semakan kadar sewa hendaklah dibuat pada setiap tahun berdasarkan kadar tetap atau harga pasaran. Semakan Audit mendapat sebanyak 5 penyewa telah dibuat semakan kadar sewa pada

tahun 2013. Bagaimanapun, hanya satu penyewa tiada mengalami perubahan kadar sewa disebabkan kadar sewa semasa lebih tinggi daripada harga pasaran.

6.4.7.2 Semakan Audit mendapati KWSP telah dimaklumkan berkenaan MFive Industry Park yang akan tamat tempoh penyewaan pada tahun 2014 melalui Laporan *Due Diligence* yang dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Pelaburan KWSP pada bulan Disember 2012. Semakan lanjut mendapati 3 penyewa akan tamat tempoh penyewaannya pada tahun 2014. Bagaimanapun, KWSP telah mengambil tindakan dengan menandatangani perjanjian bagi memastikan pendapatan sewa adalah terjamin.

6.4.8 Pelantikan Pengurus Pelaburan Dan Perunding Lain

KWASA-Goodman Industrial Trust (KGIT) telah melantik Goodman Property Services (Aust.) Pty. Ltd. sebagai Pengurus Pelaburan bagi Projek Goodie dan Joist mulai bulan Jun 2012. Selain itu, perunding lain juga turut dilantik bagi mengurus harta tanah tersebut. Antara tanggungjawab Pengurus Pelaburan dan perunding adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.5
TANGGUNGJAWAB PENGURUS PELABURAN DAN PERUNDING LAIN**

| PERUNDING | TANGGUNGJAWAB |
|---|---|
| Goodman Property Service (Aust) Pty. Ltd. (Pengurus Pelaburan) | <ul style="list-style-type: none"> Menasihati dan mencadangkan kepada trustee pelaburan, kepelbagaian pelaburan, polisi pengagihan, kewangan, pembangunan harta tanah dan perundungan. Menyediakan bajet dan pelan perniagaan. Membantu dan menyelaras aktiviti pengurusan modal termasuk pinjaman dan lindung nilai. Membantu dan menyelaras dokumentasi berkaitan cukai kepada pihak berkenaan. |
| Goodman Property Service (Aust) Pty. Ltd. (Pengurus Hartanah) | <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan Kewangan termasuklah penyediaan bajet bagi setiap bangunan dan menguruskan bayaran berkaitan perbelanjaan bangunan mengikut lingkungan bajet yang diluluskan. Menguruskan pembaikan dan penyelenggaraan bangunan. Memastikan bangunan dilindungi insurans seperti yang ditetapkan oleh undang-undang. Menyediakan laporan bulanan iaitu Laporan Operasi dan Laporan Kewangan. |
| Citco (Australia) Pty. Ltd. (Pengurus Perakaunan) | <ul style="list-style-type: none"> Penyelenggaraan rekod berkanun. Menguruskan rekod perakaunan syarikat amanah dan syarikat pemegang amanah. Menyediakan penyata kewangan setiap suku tahun dan tahunan. Menyediakan dan memproses dokumen yang berkaitan dengan akaun kena bayar dan akaun belum terima. |
| Citco (Australia) Pty. Ltd. (Perkhidmatan Setiausaha Korporat dan Pentadbiran) | <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan minit mesyuarat pengarah dan pemegang saham. Penyelenggaraan daftar minit mesyuarat pengarah dan pemegang saham. Pengurusan dokumen perundungan. Berurusan dengan pihak ketiga berkaitan dengan hal ehwal Syarikat. |
| Maddocks (Peguam Syarikat) | <ul style="list-style-type: none"> Menyemak dan memberi nasihat dalam isu berkaitan undang-undang yang timbul daripada laporan <i>due diligence</i> dan kontrak jual beli. |
| KPMG (Juruaudit) | <ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan pengauditan penyata kewangan syarikat. |

| PERUNDING | TANGGUNGJAWAB |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Jones Lang Lasalle • CBRE Valuations Pty. Ltd. • Savills Valuations Pty. Ltd. <p>(Juru Nilai)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Membuat penilaian harga harta tanah berdasarkan harga pasaran semasa pembelian harta tanah dan penilaian semula harga setelah genap setahun daripada tarikh pembelian. |

Sumber: *Perjanjian Perunding*

Pada pendapat Audit, pengurus pelaburan dan perunding lain yang dilantik telah menjalankan tanggungjawab seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.

6.4.9 Pemantauan

Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal supaya tindakan segera dapat diambil untuk menyelesaiannya. Antara pemantauan yang dijalankan oleh KWSP adalah seperti berikut:

- a. Lawatan fizikal terhadap harta tanah untuk tujuan peluang pelaburan baru.
- b. Mesyuarat Pelaburan antara KWSP dengan KGIT dilaksanakan setiap suku tahun.
- c. Laporan Disatukan Jabatan Pasaran Persendirian dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan setiap suku tahun.
- d. Kelulusan pelaburan oleh Panel Pelaburan dan pembentangan prestasi pelaburan pada mesyuarat berkenaan setiap bulan.
- e. Laporan oleh Pengurus Dana/Penasihat Pelaburan bagi setiap suku tahun.

6.5 RUMUSAN

Pelaburan harta tanah dan infrastruktur KWSP pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 10% kepada RM14.36 bilion berbanding RM13.05 bilion pada tahun 2012. Manakala pendapatan pelaburan kasarnya telah meningkat sebanyak 91.1% daripada RM596 juta pada tahun 2012 kepada RM1.14 bilion pada tahun 2013. Secara keseluruhannya, pengurusan pelaburan harta tanah luar negara KWSP di Australia adalah baik dan memberi pulangan yang menguntungkan serta mencapai objektif pelaburan yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbadanan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

7. PENGURUSAN PEROLEHAN

7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ditubuhkan pada 1 September 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta 642) dan dikawal selia oleh Kementerian Kewangan. Mulai 31 Disember 2010, Akta 642 digantikan dengan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720). Fungsi utama PIDM adalah untuk menginsurans pendeposit dan melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli sehingga had yang ditetapkan oleh Akta PIDM. Perbadanan juga diberi mandat untuk menyediakan incentif bagi pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan, serta menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

7.1.2 Selaras dengan fungsinya, PIDM telah membuat perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan secara sebut harga, tender dan rundingan terus bagi tujuan pembangunan, operasi serta menyediakan perkhidmatan kepada pendeposit. Pengurusan perolehan PIDM diuruskan oleh pemilik projek manakala pembayaran dibuat oleh Unit Kewangan. Antara perolehan yang dibuat oleh PIDM bagi tahun 2010 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.1
PEROLEHAN PIDM BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012**

| BIL. | PROJEK | PEMBEKAL | PEMILIK PROJEK | TEMPOH KONTRAK | KAEDAH PEROLEHAN | JUMLAH (RM Juta) |
|------|---|---|-------------------------------|---|------------------|------------------|
| 1. | Projek Mereka dan Membina Pejabat PIDM | PLM Interiors Sdn. Berhad | Kewangan Dan Pentadbiran | 12.7.2010 sehingga 23.9.2010 | Tender | 7.55 |
| 2. | Kontrak <i>Turnkey</i> bagi Sistem Pembayaran | Codegen Solution Sdn. Berhad <hr/> Alfacom Technologies (M) Sdn. Berhad (Novasi) | Kewangan Dan Pentadbiran (IT) | 8.12.2009 sehingga 3.12.2010 <hr/> 15.12.2010 sehingga 20.5.2011 | Tender | 4.25 |
| 3. | Kontrak <i>Turnkey</i> untuk Pembinaan Pusat Data dan Peralatan | Heitech Padu Berhad | Kewangan Dan Pentadbiran (IT) | 22.7.2010 sehingga 30.9.2010 | Tender | 1.10 |
| 4. | Projek Mencetak Laporan Tahunan | Long's Creative Sdn. Berhad | Komunikasi Dan Hal Ehwal Awam | 2011 sehingga 2013 | Tender | 2.34 |

| BIL. | PROJEK | PEMBEKAL | PEMILIK PROJEK | TEMPOH KONTRAK | KAEDAH PEROLEHAN | JUMLAH (RM Juta) |
|---------------|--|--|-----------------------------------|-------------------------------|------------------|------------------|
| 5. | Projek Program Pendidikan | Paluan Sejati Sdn. Berhad | Komunikasi Dan Hal Ehwal Awam | 2011 sehingga 2013 | Tender | 5.01 |
| 6. | Projek Eveready 2 | Ernst & Young | Intervensi Dan Resolusi Kegagalan | 17.6.2011 sehingga 30.4.2012 | Rundingan Terus | 4.67 |
| 7. | Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kewangan | Dynamic Business Solutions Sdn. Berhad | Kewangan Dan Pentadbiran | 16.4.2012 sehingga 22.11.2013 | Tender | 1.40 |
| 8. | Pembangunan Sistem Maklumat Sumber Manusia | Boss Solutions Sdn. Berhad | Sumber Manusia | 14.5.2012 sehingga 6.8.2014 | Tender | 1.25 |
| 9. | Perkhidmatan Perundingan Profesional | Design Pac Sdn. Berhad | Kewangan Dan Pentadbiran | 16.8.2012 sehingga siap | Tender | 1.12 |
| JUMLAH | | | | | | 28.69 |

Sumber: Bahagian Audit & Khidmat Perundingan (ACS)

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan PIDM telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut objektif yang ditetapkan.

7.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan PIDM secara tender dan rundingan terus bagi tahun 2010 sehingga 2012. Semakan dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen yang berkaitan. Temu bual diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab dan terlibat secara langsung dengan pengurusan perolehan ini.

7.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei sehingga Ogos 2013 mendapati pengurusan perolehan di PIDM memerlukan beberapa penambahbaikan terhadap proses perolehan dan juga penyelenggaraan rekod. Antara penemuan Audit adalah seperti berikut:

- i. Empat *Supplemental Letters* dikeluarkan untuk meminda skop kerja dan juga melanjutkan tempoh masa siap kerja. Pindaan dan tambahan kerja telah menyebabkan kos asal projek meningkat 99.6% daripada kontrak asal yang berjumlah RM2.34 juta. Peningkatan sejumlah RM2.33 juta menjadikan kos projek berjumlah RM4.67 juta dan tarikh siap projek dilanjutkan dari 30 April 2012 kepada 31 Mac 2014 iaitu selama 700 hari. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan ini masih di dalam bajet yang diluluskan.

- ii. Projek lewat disiapkan antara 28 hingga 85 hari daripada tarikh yang telah ditetapkan dalam perjanjian disebabkan PIDM mengubah spesifikasi dan skop kerja kontrak. Tiada kelulusan secara rasmi bagi lanjutan tempoh masa tersebut.
- iii. Ketidakseragaman dalam proses tender terhadap pengurusan perolehan di mana 3 atau 43% Perjanjian Kerahsiaan daripada 7 yang dipilih sebagai sampel Audit tidak dimatikan setem.
- iv. Senarai semak proses tender tidak diwujudkan sebagai rujukan dan panduan untuk semua bahagian. Selain itu, pengemaskinian semua fail projek bagi perolehan tender tidak dilakukan secara seragam.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

7.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

7.4.1.1 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia menggunakan pakai peraturan dalaman bagi urusan perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan. Garis panduan yang diguna pakai oleh PIDM antaranya adalah Prosedur Tender, Polisi Perolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar, Prosedur Perolehan dan Prosedur Perolehan dan Proses. Selain itu, perolehan dibuat mengikut kaedah yang ditetapkan iaitu sama ada secara sebut harga, tender atau rundingan terus.

7.4.1.2 Permohonan perolehan kerja atau perkhidmatan dan urusan pemilihan petender diuruskan oleh pemilik projek atau bahagian yang terlibat manakala urusan pembayaran dibuat oleh Unit Kewangan. Perolehan yang dibuat oleh PIDM adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.2
PEROLEHAN BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012**

| TAHUN | KAEDAH PEROLEHAN | NILAI (RM Juta) |
|---------------|------------------|-----------------|
| 2010 | Tender | 12.90 |
| 2011 | Rundingan Terus | 4.67 |
| | Tender | 7.35 |
| 2012 | Tender | 3.77 |
| JUMLAH | | 28.69 |

Sumber : Bahagian Audit & Khidmat Perundungan (ACS)

7.4.1.3 Semua projek bagi projek tahun 2010 dan 2011 telah selesai dijalankan kecuali projek mencetak laporan tahunan bagi tahun 2013 manakala projek tahun 2012 masih dalam pelaksanaan.

7.4.2 Supplemental Letter

7.4.2.1 *Supplemental Letter* bertujuan menambah atau meminda skop kerja yang telah dipersetujui daripada perjanjian asal. Semakan Audit terhadap Projek

Eveready 2 mengenai penyediaan garis panduan, polisi dan prosedur bagi menangani intervensi dan kegagalan institusi kewangan mendapati 4 *Supplemental Letter* dikeluarkan untuk meminda skop kerja dan juga melanjutkan tempoh masa kerja. **Pindaan dan tambahan kerja terhadap kontrak tersebut telah menyebabkan kos asal projek meningkat 99.6% daripada kontrak asal yang berjumlah RM2.34 juta.** Peningkatan sejumlah RM2.33 juta menjadikan kos projek berjumlah RM4.67 juta dan tarikh siap projek dilanjutkan dari 30 April 2012 kepada 31 Mac 2014 iaitu selama 700 hari. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan ini masih di dalam bajet yang diluluskan.

7.4.2.2 Surat tersebut dikeluarkan dalam tempoh 1 tahun 7 bulan dari tarikh surat lantikan ditandatangani pada 17 Jun 2011 dan pindaan skop kerja dan tarikh lanjutan masa adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.3
KEKERAPAN MENGELOUARKAN SUPPLEMENTAL LETTER**

| SUPPLEMENTAL LETTER | TARIKH PINDAAN | TUJUAN PINDAAN |
|---------------------|----------------|--|
| Pindaan Pertama | 17.2.2012 | Membuat kerja tambahan dan perubahan kepada item tertentu di dalam surat pelantikan. Tempoh penyiapan projek dilanjutkan kepada 31 Disember 2012 |
| Pindaan Kedua | 25.4.2012 | Semak semula tarikh penyiapan kerja bagi 3 skop kerja seperti di dalam surat pelantikan |
| Pindaan Ketiga | 17.8.2012 | Tarikh penyiapan projek dilanjutkan daripada 31 Disember 2012 kepada 28 Februari 2013 |
| Pindaan Keempat | 22.1.2013 | Kerja tambahan kedua dan perubahan kepada item tertentu. Tarikh penyiapan projek dilanjutkan kepada 31 Mac 2014 |

Sumber : Fail Projek

Pada pendapat Audit, sesuatu projek yang dirancang dengan teliti dapat meminimakan kos dan projek boleh siap dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Daripada PIDM Diterima Pada 5 Februari 2014.

PIDM memaklumkan skop kerja dan cara kerja ini dibangunkan perlu mengambil kira kerumitannya dan juga atas sebab kekurangan pengetahuan serta pengalaman sedia ada dalam menangani resolusi kegagalan. Skop perjanjian, bajet-bajet dan masa untuk menyempurnakan projek sebegini memerlukan pindaan dan penyesuaian yang berterusan, semasa kerja-kerja dijalankan. Supplemental Letters yang dinyatakan oleh pihak Audit telah dikeluarkan bagi mendokumen perjalanan pelaksanaan kerja semasa projek dijalankan dan oleh itu pantauan dan kawalan yang wajar telah dibuat. Oleh sebab sifat projek tersebut, kos keseluruhan projek hanya akan dapat ditentukan selepas kerja perintisan jalan yang terperinci telah diselesaikan di antara pihak konsultan dan pasukan intervensi dan resolusi kegagalan PIDM mengenai skop kerja terperinci yang perlu bagi pembangunan polisi dan prosedur intervensi dan resolusi kegagalan. Amalan ini serta pengeluaran

Supplemental Letters adalah sebahagian daripada mekanisme kawalan yang telah kami laksanakan bagi mengurus hasil dan kesediaan sumber bagi projek ini.

7.4.3 Projek Lewat Disiapkan

7.4.3.1 Perjanjian menetapkan projek hendaklah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan sekiranya gagal PIDM boleh mengambil tindakan ganti rugi terhadap kontraktor. Perjanjian Projek Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kewangan menetapkan kontraktor perlu membayar ganti rugi sekiranya gagal mencapai setiap tarikh di *Major Milestones* dalam tempoh 14 hari daripada tarikh yang telah ditetapkan. Perjanjian Projek Kontrak *Turnkey* Bagi Sistem Pembayaran pula menetapkan PIDM akan mengenakan ganti rugi sebanyak 1% daripada harga projek bagi setiap minggu lewat dan pro rata mengikut hari bagi seminggu tertakluk kepada maksimum 10 minggu sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

7.4.3.2 Semakan Audit mendapati kedua-dua projek ini telah lewat disiapkan antara 28 hingga 85 hari daripada tarikh yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Ini disebabkan PIDM mengubah spesifikasi dan skop kerja kontrak. Semakan lanjut mendapati kelulusan secara rasmi bagi lanjutan tempoh masa kedua-dua projek ini tidak disediakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.4
PROJEK LEWAT DISIAPKAN DAN TIDAK DIKENAKAN BAYARAN GANTI RUGI**

| PROJEK | MAJOR MILESTONES | TARIKH SEPATUT SIAP | TARIKH SEBENAR SIAP | LEWAT (Hari) | BAYARAN GANTI RUGI SEPATUTNYA DIKENAKAN (RM) |
|---|--|---|---|--------------|--|
| Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kewangan | Fasa 1 - Project Kick-Off Meeting | 16.4.2012 | 14.5.2012 | 28 | 8,141 |
| | Fasa 1 - Pre Implementation Activities - User Requirement Study | 12.6.2012 | 16.7.2012 | 34 | 9,886 |
| | Fasa 1 - Pre Implementation Activities - User Requirement Study - Document Acceptance | 12.6.2012 | 16.7.2012 | 34 | 9,886 |
| | Fasa 1 - System Modifications - Development 1 - Prototype | 24.7.2012 | 19.9.2012 | 57 | 15,964 |
| | Fasa 1 - System Modifications - User Review | 31.7.2012 | 26.9.2012 | 57 | 15,964 |
| | Fasa 1 - System Modifications - Development 2 - Final Modification | 12.9.2012 | 23.10.2012 | 41 | 11,211 |
| JUMLAH | | | | | 71,052 |
| Kontrak <i>Turnkey</i> Bagi Sistem Pembayaran | Tidak Berkenaan | 8.12.2009 sehingga 3.12.2010 (259 hari) | 26.1.2010 sehingga 20.5.2011 (344 hari) | 85 | 59,984 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | | 131,036 |

Sumber: Unit Teknologi Maklumat sehingga bulan Ogos 2013

Pada pendapat Audit, amalan baik mengenai prosedur pengurusan perolehan seperti mendapat kelulusan secara rasmi bagi setiap lanjutan masa perlu dipatuhi untuk menjaga kepentingan PIDM.

Maklum Balas Daripada PIDM Diterima Pada 5 Februari 2014.

PIDM menyatakan lanjutan tempoh masa bagi projek-projek berkenaan adalah akibat keputusan pihak pengurusan PIDM dan ini telah diluluskan dan diminti di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek bagi projek-projek berkenaan. Pengerusi bagi projek-projek ini adalah seorang pegawai berkuasa (Ketua Pegawai Operasi) yang bertindak menurut had kuasa perolehan yang diluluskan. Oleh yang demikian, kelulusan lanjutan tempoh masa telah diberi.

7.4.4 Perolehan Secara Tender

Semakan Audit terhadap 7 projek mendapati proses mengenai pengurusan perolehan secara tender adalah tidak seragam seperti berikut:

7.4.4.1 Salinan Perjanjian Kerahsiaan

Perjanjian Kerahsiaan adalah kontrak perundangan yang menggariskan kerahsiaan bahan, pengetahuan atau maklumat untuk menjaga kepentingan dan kerahsiaan maklumat. Perjanjian Kerahsiaan tersebut ditandatangani semasa pengambilan dokumen tender. Setiap Perjanjian Kerahsiaan yang disediakan perlu dimatikan setem bagi mengesahkan perjanjian tersebut boleh diterima pakai mengikut kehendak undang-undang. Semakan Audit mendapati 3 atau 43% daripada 7 Perjanjian Kerahsiaan yang dipilih sebagai sampel Audit tidak dimatikan setem seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.5
PERJANJIAN KERAHSIAAN TIDAK DIMATIKAN SETEM**

| PROJEK | PEMILIK PROJEK | TEMPOH KONTRAK | KAEDAH PEROLEHAN |
|--|-------------------------------|------------------------------|------------------|
| Projek Mereka dan Membina Pejabat PIDM | Kewangan Dan Pentadbiran | 12.7.2010 sehingga 23.9.2010 | Tender |
| Projek Program Pendidikan | Komunikasi Dan Hal Ehwal Awam | 2011 sehingga 2013 | Tender |
| Perkhidmatan Perundingan Profesional | Kewangan Dan Pentadbiran | 16.8.2012 sehingga siap | Tender |

Sumber: Fail Projek

Pada pendapat Audit, Perjanjian Kerahsiaan hendaklah disedia dan dimatikan setem bagi mengesahkan perjanjian tersebut disediakan mengikut undang-undang. Ianya bertujuan memastikan maklumat sulit PIDM adalah dilindungi dan tidak disebarluaskan kepada pihak luar.

Maklum Balas Daripada PIDM Diterima Pada 5 Februari 2014.

PIDM menyatakan bahawa 3 Perjanjian Kerahsiaan yang dipersoalkan adalah berkaitan dengan proses pengambilan dokumen tender oleh prospek pembida dan bukan berkenaan kontrak sebenar yang dimuktamadkan. Klausu kerahsiaan dimasukkan di dalam setiap kontrak yang dimeterai dengan pembida yang berjaya, dan kesemua kontrak tersebut dimatikan setem. Perjanjian-perjanjian Kerahsiaan yang dipersoalkan ini tidak mempunyai nilai kontrak pada masa pengeluaran dokumen tender kepada prospek pembida. Jika dokumen-dokumen tersebut dimatikan setem, PIDM perlu membayar suatu fi nominal berjumlah RM30 (RM10 bagi setiap perjanjian).

7.4.5 Pemantauan

7.4.5.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk memperbaiki atau menyelesaiannya.

7.4.5.2 Semakan Audit mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek, Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pemilihan telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Minit mesyuarat yang disediakan adalah memuaskan. Bagaimanapun, senarai semak proses tender didapati tidak diwujudkan sebagai rujukan dan panduan semua bahagian. Pengemaskinian semua fail projek bagi perolehan tender tidak dilakukan secara seragam. Penyelenggaraan fail projek masih kurang memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi.

Pada pendapat Audit, PIDM perlu memantau prosedur perolehan tender dan memastikan proses perolehan tender dilakukan secara seragam.

Maklum Balas Daripada PIDM Diterima Pada 5 Februari 2014.

PIDM memantau pematuhan terhadap prosedurnya berkenaan perolehan secara tender dan ini boleh dipastikan dengan sebab tiada wujudnya kelemahan ketara atau material yang dilaporkan di dalam Laporan ini. PIDM telah melaksanakan suatu prosedur formal bagi proses tender pada Ogos 2012, sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mempertingkatkan serta

mendokumentasikan amalan kami berkenaan perolehan secara tender. Namun demikian, prosedur ini tidak wujud pada masa proses pengendalian tender bagi 7 kontrak yang dipersoalkan di dalam laporan ini.

7.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan PIDM mengambil tindakan berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

7.5.1 PIDM hendaklah menyediakan perancangan perolehan dengan teliti bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

7.5.2 PIDM perlu mematuhi proses tender yang telah berkuatkuasa bagi tujuan penyeragaman dan penyelarasan.

7.5.3 PIDM perlu mewujudkan senarai semak prosedur tender sebagai rujukan dan panduan semua bahagian. Selain itu, pengemaskinian semua fail projek perolehan tender perlu dilakukan secara seragam.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

8. PENDAHULUAN

8.1 Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d) memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50 peratus modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan sekiranya mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah diwartakan pada 30 Oktober 2013 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan. Sehingga kini, 305 syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diwartakan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara.

8.2 Objektif penubuhan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perniagaan, pelaburan dan sosio ekonomi. Pelaksanaan penubuhannya adalah bagi mendapat keuntungan dan pulangan yang munasabah serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada orang awam.

8.3 Penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan diaudit oleh juruaudit yang dilantik selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965. Sebanyak 3 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit untuk sesi pembentangan pertama tahun 2014 di Parlimen. Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian berkenaan juga dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diambil kira dalam Laporan ini.

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

9. PENGURUSAN RISDA FLEET SDN. BERHAD

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 RISDA Fleet Sdn. Berhad (RISDA Fleet) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 September 1996 dengan nama SHDC Wood Sdn. Berhad dan ditukar namanya kepada RISDA Fleet pada 2 Januari 2002. RISDA Fleet merupakan sebuah syarikat subsidiari Smallholders Development Corporation Sdn. Berhad (SHDC) di mana SHDC memiliki 70% kepentingan manakala 30% lagi dimiliki oleh Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO). Modal dibenarkan RISDA Fleet berjumlah RM0.50 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.30 juta. Aktiviti utama RISDA Fleet adalah menyediakan pengurusan dan perkhidmatan pengangkutan untuk tanah, benih, baja, minyak sawit mentah, mengendalikan bengkel servis kenderaan dan bertindak sebagai ejen untuk syarikat pengangkutan perkapalan, keretapi dan feri. Objektif utama penubuhan RISDA Fleet adalah sebagai pelengkap kepada tanggungjawab RISDA untuk membekal input pertanian kepada pekebun kecil dengan cekap dan menepati piagam pelanggan.

9.1.2 RISDA Fleet mempunyai 7 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2 wakil RISDA, 2 wakil NARSCO dan 2 wakil profesional. Pengurusan RISDA Fleet diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 129 kakitangan. RISDA Fleet mempunyai 4 jabatan yang berfungsi seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.1
FUNGSI JABATAN RISDA FLEET**

| JABATAN | FUNGSI |
|--------------------------------------|--|
| Pengurusan Sumber Manusia & Korporat | i. Merancang, menyedia dan melaksanakan pelan tindakan pentadbiran dan pembangunan sumber manusia termasuk tenaga buruh serta program tanggungjawab sosial korporat dan program imej korporat syarikat; ii. Bertanggungjawab kepada semua urusan perjawatan, pentadbiran am dan perkhidmatan; iii. Menjadi setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan, Tata tertib, Pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah; dan iv. Membantu dan menguruskan program kebijakan dan imej korporat syarikat. |
| Kejuruteraan & Sokongan | i. Memastikan penggunaan kenderaan/lori pada tahap maksimum; ii. Memantau dan memastikan kos penyenggaraan kenderaan/lori terkawal; iii. Memastikan pendapatan setiap lori mengikut sasaran yang telah ditetapkan; iv. Menyediakan khidmat sokongan yang diperlukan bagi memastikan semua kenderaan/lori syarikat sentiasa bersiap sedia untuk digunakan pada setiap waktu dan keadaan; dan v. Menyediakan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang keperluan lori/kenderaan. |
| Operasi & Pemasaran | i. Merancang, menyedia dan melaksanakan pelan tindakan aktiviti perniagaan syarikat bagi semua cawangan; ii. Membantu menyediakan dasar dan polisi syarikat dan pematuhan standard operasi; iii. Menganalisis semua laporan bulanan aktiviti teras syarikat, mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan; dan iv. Mendapatkan projek dan aktiviti baru perniagaan syarikat. |

| JABATAN | FUNGSI |
|---------------------------|---|
| Kewangan & Kawalan Kredit | i. Bertanggungjawab terus kepada sistem perakaunan syarikat; ii. Memastikan polisi dan prosedur kewangan syarikat diikuti dan dipatuhi di semua peringkat; iii. Memastikan Laporan Kewangan Bulanan Dan Tahunan Syarikat boleh diaudit; iv. Membantu menyediakan bajet tahunan syarikat, pengawalan dan pematuhan; dan v. Memastikan semua dokumen kewangan disimpan secara sistematik dan selamat. |

Sumber: Carta Organisasi Syarikat

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan RISDA Fleet telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

9.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga bulan Mac 2013. Semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen, fail dan laporan serta temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan perkhidmatan pengangkutan. Lawatan Audit juga dibuat ke RISDA Fleet Cawangan Negeri Johor.

9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac 2013 mendapati tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan RISDA Fleet adalah baik manakala pengurusan aktiviti adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasi kewangan RISDA Fleet bagi tahun 2010 dan 2011 adalah kurang memuaskan di mana syarikat mengalami kerugian terutamanya kerugian yang ketara pada tahun 2011 sejumlah RM3.38 juta. Kerugian terkumpul RISDA Fleet bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan 2012 melebihi modal saham yang berjumlah RM0.30 juta. Bagaimanapun, prestasi kewangan RISDA Fleet meningkat pada tahun 2012 dengan mencatatkan keuntungan dan berjaya mengurangkan kerugian terkumpul daripada RM1.45 juta kepada RM0.81 juta. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Lesen Pengendali bagi 47 lori atas nama SHDC belum diperolehi daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) walaupun perkhidmatan pengangkutan telah dijalankan dan tempoh yang ditetapkan oleh SPAD untuk penukaran lesen sedia ada kepada Lesen Pengendali telah tamat pada 30 September 2012.
- ii. Bilangan lori sedia ada tidak mencukupi antaranya disebabkan oleh keadaan lori telah uzur dan tidak ekonomik untuk digunakan sertakekangan modal. Ini menyebabkan RISDA Fleet bergantung kepada panel pengangkutan yang dilantik.

- iii. Kelewatan penghantaran baja ke kilang menyebabkan RISDA Fleet dikenakan denda. Bagi tahun 2012, sejumlah RM207,636 denda telah dibayar oleh RISDA Fleet terhadap perkhidmatan pengangkutan baja.
- iv. Aset tidak diberi nombor pendaftaran aset dan tiada pemeriksaan tahunan dibuat dalam tahun 2010 sehingga bulan Mac 2013.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

9.4.1 Prestasi Kewangan

Analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 telah dilaksanakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan RISDA Fleet adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN/KERUGIAN RISDA FLEET
BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

| BUTIRAN | TAHUN KEWANGAN | | | | |
|--|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| | 2008 (RM Juta) | 2009 (RM Juta) | 2010 (RM Juta) | 2011 (RM Juta) | 2012 (RM Juta) |
| Hasil Kendalian | 23.51 | 18.50 | 18.44 | 16.27 | 23.95 |
| Pendapatan Lain | 0.62 | 0.47 | 2.71 | 0.92 | 0.10 |
| Jumlah Pendapatan | 24.13 | 18.97 | 21.15 | 17.19 | 24.05 |
| Belanja Operasi | 16.36 | 11.16 | 12.95 | 12.90 | 15.75 |
| Kos Kakitangan | 6.05 | 5.96 | 6.18 | 6.30 | 6.34 |
| Susutnilai | 1.47 | 1.23 | 1.68 | 1.53 | 1.00 |
| Kos Kewangan | 0.08 | 0.10 | 0.19 | 0.22 | 0.32 |
| Jumlah Perbelanjaan | 23.96 | 18.45 | 21.00 | 20.95 | 23.41 |
| Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai | 0.17 | 0.52 | 0.15 | (3.76) | 0.64 |
| Cukai | 0.07 | 0.22 | 0.65 | (0.38) | - |
| Keuntungan/(Kerugian) Bersih Tahun Semasa | 0.10 | 0.30 | (0.50) | (3.38) | 0.64 |
| Dividen | 0.03 | - | - | 0.03 | - |
| Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul | 2.16 | 2.46 | 1.96 | (1.45) | (0.81) |

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat


9.4.1.1 Analisis Trend

- a. RISDA Fleet memperoleh keuntungan selepas cukai bagi tahun 2008 sehingga 2009 dan mengalami kerugian selepas cukai bagi tahun 2010 dan 2011. Bagaimanapun, pada tahun 2012 RISDA Fleet kembali mencatatkan keuntungan. Keuntungan selepas cukai meningkat kepada RM0.30 juta pada tahun 2009 berbanding RM0.10 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2011,

RISDA Fleet telah mengalami kerugian selepas cukai secara mendadak berjumlah RM3.38 juta berbanding RM0.50 juta pada tahun 2010. Kerugian ini disebabkan oleh pendapatan syarikat tidak dapat menampung kos operasi dan kos pengurusan yang tinggi. Kerugian ini telah menyebabkan penurunan keuntungan terkumpul pada tahun 2010 kepada RM1.96 juta dan seterusnya mengakibatkan RISDA Fleet memperoleh kerugian terkumpul sejumlah RM1.45 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, keuntungan yang diperolehi pada tahun 2012 telah mengurangkan jumlah kerugian terkumpul kepada RM0.81 juta. Kerugian terkumpul RISDA Fleet bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan 2012 telah melebihi modal saham yang bernilai RM0.30 juta.


- b. Pendapatan RISDA Fleet diperoleh daripada perkhidmatan pengangkutan, bengkel, sewa stor, faedah diterima dan lain-lain. Pendapatan RISDA Fleet sejumlah RM24.13 juta pada tahun 2008 menurun kepada RM18.97 juta pada tahun 2009. Pendapatan RISDA Fleet meningkat kepada RM21.15 juta pada tahun 2010 dan kembali menurun pada tahun 2011 sejumlah RM17.19 juta. Penurunan pendapatan ini disebabkan oleh kesan daripada pengurangan peruntukan tanam semula oleh kerajaan mulai tahun 2009 dan berlanjut hingga tahun 2011 yang mengakibatkan kerja pengangkutan input pertanian berkurangan. Pihak Audit dimaklumkan, pada kebiasaananya keluasan tanam semula adalah antara 23,000 hektar setahun tetapi telah menurun kepada 12,000 hektar sahaja pada tahun 2011. Pada tahun 2012, pendapatan RISDA Fleet meningkat kepada RM24.05 juta disebabkan peningkatan sejumlah RM7.68 juta dalam hasil kendalian terutamanya daripada perkhidmatan pengangkutan baja dan benih.
- c. Perbelanjaan RISDA Fleet terdiri daripada perbelanjaan operasi, belanja susutnilai, kos kakitangan dan kos kewangan. Perbelanjaan tertinggi RISDA Fleet adalah pada tahun 2008 sejumlah RM23.96 juta. Bagaimanapun perbelanjaan bagi tahun 2009 menurun dan meningkat semula pada tahun 2010. Pada tahun 2011 perbelanjaan RISDA Fleet menurun sejumlah RM0.05 juta iaitu daripada RM21 juta pada tahun 2010 kepada RM20.95 juta. Perbelanjaan kembali meningkat kepada RM23.41 juta pada tahun 2012 disebabkan peningkatan belanja operasi. Prestasi kewangan RISDA Fleet adalah seperti di carta berikut:

CARTA 9.1
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
RISDA FLEET BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 9.2
KEUNTUNGAN/KERUGIAN DAN
KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL
RISDA FLEET BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

9.4.1.2 Nisbah Kewangan

Nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.3
ANALISIS NISBAH KEWANGAN

| BIL. | BUTIRAN | TAHUN | | | | |
|------|--------------------------|--------|--------|---------|-----------|--------|
| | | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
| 1. | Nisbah Semasa | 0.73:1 | 0.70:1 | 0.83:1 | 0.93:1 | 0.99:1 |
| 2. | Margin Untung Bersih (%) | 0.4 | 1.6 | (2.4) | (19.7) | 2.7 |
| 3. | Pulangan Atas Ekuiti (%) | 33 | 100 | (166.7) | (1,126.7) | 213.3 |
| 4. | Pulangan Atas Aset (%) | 0.7 | 2.1 | (3.5) | (24.5) | 3.9 |

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekuahan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Nisbah semasa bagi tahun kewangan 2008

sehingga 2012 adalah pada tahap kurang memuaskan iaitu kurang daripada 1. Ini menunjukkan syarikat sangat bergantung kepada pinjaman luar untuk menguruskan operasinya.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin untung bersih RISDA Fleet menunjukkan peningkatan dari 0.4% pada tahun 2008 kepada 1.6% pada tahun 2009. Pada tahun 2010 dan 2011, RISDA Fleet mengalami kerugian berjumlah RM0.50 juta dan RM3.38 juta menyebabkan margin untung bersih adalah negatif. Keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2012 menyebabkan RISDA Fleet memperoleh margin untung bersih sebanyak 2.7%.

c. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan atas ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan pulangan atas ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan terhadap pemegang ekuiti RISDA Fleet adalah tidak menentu iaitu hanya berupaya menghasilkan keuntungan kepada pemegang saham pada tahun 2008 sehingga 2009 dengan pulangan atas ekuiti syarikat adalah 33% dan 100% serta 213.3% pada tahun 2012. Pada tahun 2010 dan 2011, RISDA Fleet mengalami kerugian mengakibatkan peratus pulangan ke atas ekuiti adalah negatif.

d. Pulangan Atas Aset

Pulangan ke atas aset bertujuan untuk mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan untuk menjana pendapatan. Pulangan ke atas aset RISDA Fleet pada tahun 2009 meningkat kepada 2.1% berbanding 0.7% pada tahun 2008. Pada tahun 2010 dan 2011, RISDA Fleet mengalami kerugian mengakibatkan peratus pulangan ke atas aset adalah negatif. Pada tahun 2012, RISDA Fleet mencatat pulangan atas aset sebanyak 3.9%.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan RISDA Fleet bagi 2 tahun iaitu 2010 dan 2011 adalah kurang memuaskan di mana

syarikat mengalami kerugian selepas cukai dan kerugian terkumpul bagi kedua-dua tahun tersebut telah melebihi modal saham. Ini secara langsung telah menjaskan nisbah kewangan seperti pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset. Nisbah semasa pada tahun 2008 sehingga 2012 juga kurang daripada 1.

Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.

RISDA Fleet memaklumkan syarikat telah menerbitkan Saham Keutamaan Boleh Tebus (Redeemable Convertible Cumulative Preference Share) sejumlah RM3 juta dan dijual kepada RISDA Holdings Sdn. Berhad. Dengan tambahan modal tersebut, modal kerja dapat ditingkatkan dan operasi dapat berjalan dengan baik. RISDA Fleet juga akan menumpukan kepada pelanggan yang terjamin pembayarannya dan fokus kepada Syarikat Milikan RISDA (SMR) dan RISDA. Berdasarkan akaun pengurusan RISDA Fleet bagi tahun 2013, keuntungan selepas cukai adalah berjumlah RM2.85 juta dan syarikat berjaya mencatatkan keuntungan terkumpul. Ini secara langsung telah menambah baik nisbah kewangan.

9.4.2 Pengurusan Aktiviti

- a. Aktiviti RISDA Fleet adalah tertumpu kepada perkhidmatan pengangkutan yang diberikan oleh RISDA. Aktiviti perniagaan RISDA Fleet dibahagikan kepada 5 teras perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Pengangkutan Lori Rigid Kargo (kegunaan jarak jauh), Perkhidmatan Pengangkutan Lori Treler Kargo (kegunaan jarak dekat/perkampungan), Perkhidmatan Pengangkutan Lori Treler Tanker, Perkhidmatan Bengkel Baikpulih Kenderaan dan Perkhidmatan Forwarding.
- b. Semakan Audit mendapati perkhidmatan pengangkutan baja merupakan perkhidmatan utama RISDA Fleet yang dibuat untuk mengangkut baja kepunyaan RISDA. Bagi menjalankan perkhidmatan ini, RISDA Fleet telah mengikat perjanjian dengan RISDA untuk 3 Fasa iaitu pengangkutan baja dari kilang ke stor pusat RISDA (Fasa 1), pengangkutan baja dari stor pusat RISDA ke stor pusat tanggungjawab (Fasa 2) dan pengangkutan baja dari stor pusat tanggungjawab kepada pekebun kecil di daerah (Fasa 3). Perkhidmatan pengangkutan benih pula adalah pengangkutan benih getah dan sawit dari tapak semaian syarikat RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Berhad atau syarikat luar kepada pekebun kecil dan perkhidmatan pengangkutan minyak sawit mentah adalah pengangkutan Minyak Sawit Mentah (MSM) dari kilang sawit ke kilang penapis. Pendapatan mengikut aktiviti RISDA Fleet bagi tahun 2009 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.4
PENDAPATAN MENGIKUT AKTIVITI RISDA FLEET
BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012

| AKTIVITI | 2009 (RM Juta) | 2010 (RM Juta) | 2011 (RM Juta) | 2012 (RM Juta) |
|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Perkhidmatan Pengangkutan Baja | 6.20 | 7.16 | 6.45 | 8.89 |
| Perkhidmatan Pengangkutan Benih | 5.75 | 5.44 | 3.18 | 7.65 |
| Perkhidmatan Pengangkutan Barang Lain | 1.85 | 1.86 | 2.31 | 1.85 |
| Perkhidmatan Am | 1.24 | 0.51 | 0.96 | 1.35 |
| Perkhidmatan Pengangkutan Minyak Sawit Mentah (MSM) | 3.34 | 2.85 | 2.46 | 2.18 |
| Perkhidmatan Bengkel | 0.58 | 0.54 | 0.81 | 0.28 |
| Perkhidmatan <i>Forwarding</i> | - | 0.08 | 0.10 | 1.75 |
| Pendapatan Lain | - | 2.71 | 0.92 | 0.10 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 18.96 | 21.15 | 17.19 | 24.05 |

Sumber: *Laporan Operasi Dan Bajet RISDA Fleet Sdn. Berhad*

9.4.2.1 Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pengangkutan

- a. RISDA Fleet menyediakan belanjawan dengan menetapkan anggaran pendapatan bagi aktivitinya. Sasaran keuntungan bagi setiap aktiviti utama ditetapkan dan menjadi petunjuk aras kepada prestasi syarikat. Penetapan sasaran dibuat berdasarkan kepada matlamat Program Tanam Semula RISDA. Prestasi pendapatan daripada aktiviti RISDA Fleet bagi tahun 2010 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.5
PRESTASI PENDAPATAN MENGIKUT AKTIVITI RISDA FLEET BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012

| AKTIVITI | TAHUN 2010 | | | TAHUN 2011 | | | TAHUN 2012 | | |
|---------------------------------------|----------------------|----------------------|--------------|----------------------|----------------------|-------------|----------------------|----------------------|--------------|
| | SASARAN (RM Juta) | SEBENAR (RM Juta) | (%) | SASARAN (RM Juta) | SEBENAR (RM Juta) | (%) | SASARAN (RM Juta) | SEBENAR (RM Juta) | (%) |
| Perkhidmatan Pengangkutan Baja | 6.88 | 7.16 | 104.1 | 7.18 | 6.45 | 89.8 | 8.25 | 8.89 | 107.8 |
| Perkhidmatan Pengangkutan Benih | 5.83 | 5.44 | 93.3 | 3.55 | 3.18 | 89.6 | 5.91 | 7.65 | 129.4 |
| Perkhidmatan Pengangkutan MSM | 3.29 | 2.85 | 86.6 | 2.97 | 2.46 | 82.8 | 2.50 | 2.18 | 87.2 |
| Perkhidmatan Pengangkutan Barang Lain | 2.14 | 1.86 | 86.9 | 2.24 | 2.31 | 103.1 | 1.78 | 1.85 | 103.9 |
| Perkhidmatan Bengkel | 0.59 | 0.54 | 91.5 | 0.71 | 0.81 | 114.1 | 0.51 | 0.28 | 54.9 |
| Perkhidmatan Am | 0.84 | 0.51 | 60.7 | 0.57 | 0.96 | 168.4 | 0.88 | 1.35 | 153.4 |
| Perkhidmatan <i>Forwarding</i> | 0.67 | 0.08 | 11.9 | 0.16 | 0.10 | 62.5 | 1.02 | 1.75 | 171.6 |
| Pendapatan Lain | - | 2.71 | - | 0.30 | 0.92 | 306.7 | 0.34 | 0.10 | 29.4 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 20.24 | 21.15 | 104.5 | 17.68 | 17.19 | 97.2 | 21.19 | 24.05 | 113.5 |

Sumber: *Bajet RISDA Fleet Sdn. Berhad*

- b. Semakan Audit mendapati prestasi pendapatan daripada keseluruhan aktiviti RISDA Fleet adalah baik iaitu mencapai 104.5% pada tahun 2010, 97.2% pada tahun 2011 dan pada tahun 2012, pencapaian pendapatan adalah melebihi sasaran iaitu 113.5%.

9.4.2.2 Lesen Pengendali Bagi Perkhidmatan Pengangkutan

- a. Merujuk kepada Seksyen 16 dan 51 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), pengendali kenderaan barang boleh mengendali atau mengadakan suatu perkhidmatan kenderaan barang dengan memegang Lesen Pengendali. Semakan Audit mendapati, RISDA Fleet mempunyai 3 jenis lori yang dikategorikan sebagai Lori Rigid, Lori Treler dan Lori Tanker iaitu milik RISDA Fleet sendiri serta milik NARSCO dan SHDC yang diserahkan kepada pengurusan RISDA Fleet. Kedudukan lori setakat 30 September 2013 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.6
KEDUDUKAN LORI SETAKAT 30 SEPTEMBER 2013**

| HAK MILIK | BILANGAN LORI | LESEN PENGENDALI | | |
|---------------|---------------|------------------|-----------|-------------|
| | | ADA | TIADA | TIDAK PERLU |
| RISDA Fleet | 100 | 55 | - | 45 |
| NARSCO | 55 | 55 | - | - |
| SHDC | 48 | - | 47 | 1 |
| JUMLAH | 203* | 110 | 47 | 46 |

Sumber: Senarai Lori Setakat 30 September 2013 dan Lesen Pengendali

Nota: Bilangan Lori Termasuk 46 Unit Kepala Lori

- b. Semakan lanjut mendapati Lesen Pengendali atas nama RISDA Fleet (sebanyak 55 lori) dan NARSCO (sebanyak 55 lori) telah diperolehi. Bagaimanapun, Lesen Pengendali bagi 47 lori atas nama SHDC masih belum diluluskan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) walaupun perkhidmatan pengangkutan telah dijalankan dan tempoh yang ditetapkan oleh SPAD untuk penukaran lesen sedia ada kepada Lesen Pengendali telah tamat pada 30 September 2012.

Pada pendapat Audit, lori yang beroperasi tanpa Lesen Pengendali tidak mematuhi akta yang ditetapkan dan boleh menjelaskan kualiti perkhidmatan yang diberikan.

Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.

RISDA Fleet memaklumkan menerima Lesen Pengendali atas nama SHDC telah diterima daripada SPAD pada 27 Januari 2014.

9.4.2.3 Bilangan Lori Tidak Mencukupi

- RISDA Fleet telah menetapkan keperluan bilangan lori berdasarkan kepada perkara berikut:
 - Matlamat Tanam Semula RISDA dan Syarikat Milikan RISDA (SMR).
 - Kontrak mengikut jumlah metrik tan (mt)/jumlah bilangan beg baja RISDA dan SMR.
 - Kontrak mengikut jumlah pokok benih getah/sawit RISDA dan SMR.
 - Kontrak mengikut jumlah metrik tan buah tandan segar (BTS) Estet Pekebun Kecil Sdn. Berhad (ESPEK)/SMR.
 - Kontrak mengikut jumlah metrik tan minyak sawit mentah.
 - Jumlah bilangan trip, jumlah bilangan lori vendor/panel pengangkutan yang dilantik dan rekod pengeluaran/keperluan tahun sebelumnya.
- Keperluan dan bilangan sebenar lori yang ada dan boleh digunakan mengikut negeri/kawasan setakat 30 September 2013 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.7
BILANGAN LORI SETAKAT 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI/KAWASAN | KEPERLUAN (a) | BIL. LORI SEBENAR (TERMASUK ROSAK DAN SEDANG DIBAIKI) | KEADAAN LORI | | LEBIH/(KURANG) (c)=(b)-(a) |
|-----------------------|------------------|---|--------------|-----------|-------------------------------|
| | | | BAIK (b) | ROSAK | |
| Kedah/Perlis/P.Pinang | 10 | 14 | 9 | 5 | (1) |
| Perak | 11 | 12 | 11 | 1 | 0 |
| Selangor | 2 | 2 | 2 | 0 | 0 |
| Johor | 17 | 20 | 16 | 4 | (1) |
| Melaka | 2 | 3 | 3 | 0 | 1 |
| Ulu Keratong | 12 | 20 | 12 | 8 | 0 |
| Ulu Sedili | 2 | 0 | 0 | 0 | (2) |
| Durian Mas Terengganu | 9 | 15 | 10 | 5 | 1 |
| Negeri Sembilan | 8 | 5 | 5 | 0 | (3) |
| Pahang | 17 | 22 | 18 | 4 | 1 |
| Terengganu | 6 | 11 | 7 | 4 | 1 |
| Kelantan | 10 | 27 | 20 | 7 | 10 |
| Sabah | 17 | 3 | 3 | 0 | (14) |
| Sarawak | 14 | 3 | 3 | 0 | (11) |
| JUMLAH | 137 | 157 | 119 | 38 | (18) |

Sumber: Senarai Lori RISDA Fleet Sdn. Berhad Setakat 30 September 2013

- Semakan Audit mendapati RISDA Fleet kekurangan sebanyak 18 lori berbanding keperluan yang ditetapkan iaitu 137 lori pelbagai muatan.

Kekurangan lori yang paling kritikal adalah di Sabah dan Sarawak iaitu hanya 6 lori atau 19.4% berbanding 31 lori yang diperlukan. Bagaimanapun bilangan lori telah melebihi keperluan di negeri Kelantan, Melaka, Pahang dan Terengganu. Kekurangan lori disebabkan oleh perkara berikut:

- i. Kekurangan modal kerana memerlukan peruntukan kewangan yang besar;
 - ii. Lori sedia ada telah uzur dan tidak lagi ekonomik untuk digunakan; dan
 - iii. Kebanyakan lori sedia ada berskala kecil dan tidak berkeupayaan membawa muatan yang lebih. Lori tangki sedia ada berkapasiti 28mt sedangkan kapasiti yang diperlukan adalah lebih 40mt.
- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap analisa penggunaan lori bagi tahun 2012 mendapati purata penggunaan lori sedia ada hanya mencapai 59%. Antara punca penggunaan lori yang rendah adalah kerana keadaan lori yang telah uzur dan berskala kecil. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.8
ANALISA PENGGUNAAN LORI BAGI TAHUN 2012**

| JENIS LORI | PENGGUNAAN (%) |
|---------------|----------------|
| Tangki | 44 |
| Treler | 69 |
| Rigid | 64 |
| JUMLAH | 59 |

Sumber: Laporan Analisa Penggunaan Lori Bagi Tahun 2012

- e. Analisis Audit terhadap usia lori RISDA Fleet mendapati 4 lori atau 2.5% daripada 157 lori adalah berusia lebih 30 tahun, manakala 55 lori atau 35% berusia antara 21 hingga 30 tahun, 34 lori atau 21.7% berusia antara 10 hingga 20 tahun dan 64 lori atau 40.8% berusia kurang daripada 10 tahun. Kesemua 4 lori yang berusia lebih 30 tahun tidak boleh digunakan dan telah dilupuskan/cadangan untuk dilupuskan. Bagi lori berusia antara 21 hingga 30 tahun, 17 lori atau 30.9% lori tidak boleh digunakan manakala bagi lori berusia antara 10 hingga 20 tahun, 14 lori atau 41.2% tidak boleh digunakan. Selain itu, sebanyak 3 lori berusia kurang daripada 10 tahun didapati rosak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan lori yang tidak boleh digunakan disebabkan rosak dan telah dilupuskan/cadangan untuk dilupuskan adalah sebanyak 38 lori. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.9
USIA DAN STATUS LORI RISDA FLEET SETAKAT 30 SEPTEMBER 2013

| USIA | BILANGAN LORI | % | STATUS | | |
|------------------------------|---------------|------------|---------------------------|--------------------------|-----------|
| | | | BAIK (BOLEH DIGUNAKAN) | TIDAK BOLEH DIGUNAKAN | |
| | | | | LUPUS/ CADANGAN LUPUS | ROSAK |
| Lebih 30 Tahun | 4 | 2.5 | - | 4 | - |
| Antara 21 Hingga 30 Tahun | 55 | 35.0 | 38 | 14 | 3 |
| Antara 10 Hingga 20 Tahun | 34 | 21.7 | 20 | 10 | 4 |
| Kurang 10 Tahun | 64 | 40.8 | 61 | - | 3 |
| JUMLAH | 157 | 100 | 119 | 28 | 10 |

Sumber: *Senarai Lori RISDA Fleet Sdn. Berhad Setakat 30 September 2013*

- f. RISDA Fleet telah melantik panel pengangkutan bagi menjalankan perkhidmatan pengangkutan untuk menampung kekurangan lori. Setakat bulan Februari 2013, terdapat 37 syarikat pengangkutan yang berdaftar dengan RISDA Fleet sebagai panel pengangkutan.

Pada pendapat Audit, kekurangan lori adalah kritikal kerana hanya 40.8% lori yang berusia kurang daripada 10 tahun masih ekonomik digunakan. Sementara lori yang selebihnya telah berusia antara 10 tahun hingga melebihi 30 tahun yang mana kurang selamat dari aspek fizikal dan boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.

RISDA Fleet memaklumkan 10 lori rigid telah dibeli dan diterima pada 23 Januari 2014 bagi memenuhi keperluan di pejabat cawangan. Selain itu, kekurangan 8 lori telah ditampung oleh lori Koperasi Pekebun Kecil melalui Bantuan Pembangunan Koperasi yang dilantik sebagai panel/vendor. Sebanyak 30 lori yang tidak boleh digunakan telah diluluskan untuk pelupusan melalui jualan secara tender dan baki 6 lori akan dilupuskan setelah mendapat surat penilaian daripada Jabatan Kerja Raya.

9.4.2.4 Kelewatan Penghantaran Baja Ke Stor Pusat RISDA

- a. Mengikut para 4.2 kepada perjanjian di antara RISDA dan RISDA Fleet yang ditandatangani pada 6 Jun 2011 dan Arahan Ketua Pengarah RISDA Bilangan 8 Tahun 2009 menetapkan bahawa RISDA Fleet bertanggungjawab membuat penghantaran baja secara terus daripada pembekal ke stor pusat dalam tempoh 7 hari daripada tarikh penerimaan pesanan tempatan (LO) daripada pembekal.

- b. Semakan Audit terhadap 10 penghantaran baja dari kilang ke Stor Pusat RISDA mendapati ada kelewatan dalam penghantaran baja iaitu antara 5 hingga 64 hari daripada tarikh penerimaan LO. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.10
KELEWATAN PENGHANTARAN BAJA KE STOR PUSAT**

| BIL. | NO. LO | TARIKH TERIMA LO | NAMA PEMBEKAL | NOMBOR PENDAFTARAN LORI | TARIKH PENGHANTARAN | TEMPOH KELEWATAN (HARI) |
|------|-----------|------------------|---------------|-------------------------|---------------------|-------------------------|
| 1. | 230187086 | 08.10.2012 | TAF | JKG6789 | 22.10.2012 | 8 |
| 2. | 230187087 | 08.10.2012 | TAF | WHV2030 | 23.10.2012 | 9 |
| 3. | 230187119 | 09.10.2012 | Yin Polin | DBB8505 | 19.11.2012 | 35 |
| | | | | WHV2030 | 18.12.2012 | 64 |
| 4. | 230187116 | 25.10.2012 | Yin Polin | WPK7433 | 05.11.2012 | 5 |
| | | | | CBJ5993 | 09.11.2012 | 9 |
| | | | | DBB8508 | 19.12.2012 | 49 |
| 5. | 230187117 | 25.10.2012 | Yin Polin | WPK7433 | 05.11.2012 | 5 |
| | | | | DBP8508 | 13.11.2012 | 13 |
| | | | | DBB8508 | 19.11.2012 | 19 |

Sumber: LO Pesanan Baja Jabatan Operasi dan Pemasaran RISDA Fleet Sdn. Berhad

- c. Pihak Audit dimaklumkan kelewatan tersebut antaranya berpunca daripada LO dikeluarkan awal walaupun baja tersebut belum siap diproses di kilang dan Stor Pusat RISDA belum bersedia untuk menerima tambahan stok baja kerana masalah ruang yang terhad dan *pallet* yang tidak mencukupi.
- d. Lawatan Audit ke Stor Pusat RISDA di Pelabuhan Klang dan Kapar pada 2 April 2013 mendapati, keadaan stor yang penuh dengan stok baja dan baja diletakkan di atas lantai kerana kekurangan *pallet* seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 9.1
Stok Baja Diletakkan Di Luar Stor
Disebabkan Ruang Yang Terhad**



Lokasi: Stor Pusat RISDA Pelabuhan Klang
Tarikh: 2 April 2013

**GAMBAR 9.2
Stok Baja Diletakkan Atas Lantai
Disebabkan Kekurangan Pallet**



Lokasi: Stor Pusat RISDA Pelabuhan Klang
Tarikh: 2 April 2013

GAMBAR 9.3
Stok Baja Diletakkan Atas Lantai
Disebabkan Kekurangan Pallet



Lokasi: Stor Pusat RISDA Pelabuhan Klang
Tarikh: 2 April 2013

GAMBAR 9.4
Stok Baja Diletakkan Atas Lantai
Disebabkan Kekurangan Pallet



Lokasi: Stor Pusat RISDA Kapar
Tarikh: 2 April 2013

- e. Mengikut perjanjian dan Arahan Ketua Pengarah RISDA, penalti akan dikenakan kepada RISDA Fleet sekiranya berlaku kelewatan penghantaran baja, benih dan juga MSM serta gagal atau cuai dalam memastikan keselamatan, jenis, kuantiti dan kualiti benih, baja dan MSM berkenaan. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2012 RISDA Fleet telah membayar sejumlah RM217,965 kepada RISDA untuk denda. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.11
DENDA YANG DIBAYAR BAGI TAHUN 2012

| BIL | DENDA | JUMLAH (RM) |
|--------|-------------------------------------|-------------|
| 1. | Penalti Lewat/Susutberat - baja | 207,636 |
| 2. | Penalti Susutberat - MSM | 10,154 |
| 3. | Penalti Susutberat lain-lain barang | 175 |
| JUMLAH | | 217,965 |

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit, prestasi penghantaran dan pengangkutan baja adalah tidak memuaskan kerana kelewatan penghantaran baja boleh menyebabkan proses pembajaan oleh pekebun kecil akan terjejas.

Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.

RISDA Fleet memaklumkan Mesyuarat Interaktif Bekalan Input Pertanian pada 14 November 2013 melibatkan RISDA, RISDA Fleet, RISDA Baja Sdn. Berhad dan RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad telah memutuskan Sistem Pemantauan Baja dimantapkan penggunaan oleh syarikat pembekal, syarikat pengangkut dan pusat tanggungjawab RISDA supaya prestasi bekalan baja dapat dipantau. Selain itu, RISDA telah menambah bilangan pallet sebanyak 300 unit pada 30 Mei 2013 bagi memenuhi penerimaan stok dan pindahan stok

antara Stor Pusat RISDA. Bagi mengatasi masalah denda lewat, RISDA Fleet mengambil langkah memasukkan elemen Estimated Time Arrival bagi setiap penghantaran sepetimana di dalam perjanjian ke dalam SOP.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan perkhidmatan pengangkutan adalah memuaskan. Pengurusan perkhidmatan pengangkutan wajar dipertingkatkan dengan menyediakan bilangan lori yang mencukupi supaya tidak wujudnya kelewatan dalam penghantaran baja kepada stor dan pekebun kecil serta mendapatkan faedah yang maksimum daripada keistimewaan yang diberikan oleh RISDA bagi perkhidmatan pengangkutan.

9.4.3 Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan

9.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat RISDA Fleet adalah baik.

9.4.3.2 Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan RISDA Fleet adalah baik kecuali perkara berikut:

- a. RISDA Fleet mengeluarkan resit rasmi melalui sistem berkomputer APLUS yang dibangunkan sebagai akuan terimaan dan direkodkan dalam buku tunai. Bagaimanapun, nombor siri resit yang dijana melalui sistem tidak berturutan. Masalah ini dihadapi sejak sistem berkomputer APLUS dibuat penambahbaikan pada bulan Mei 2012 dengan menjana resit secara berpusat melalui sistem yang dibangunkan.
- b. Semua aset RISDA Fleet tidak mempunyai nombor pendaftaran aset dan pemeriksaan tahunan tidak dibuat dalam tahun 2010 sehingga bulan Mac 2013.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan RISDA Fleet adalah baik. Bagaimanapun, nombor siri resit yang dijana melalui sistem berkomputer APLUS tidak berturutan dan aset tidak didaftarkan.

Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.

RISDA Fleet memaklumkan pengurus rangkaian sistem perakaunan berkomputer APLUS telah dilantik pada 1 Oktober 2013 bagi memastikan peraturan berjalan dengan lancar dan dipatuhi. Pendaftaran dan pemeriksaan aset telah selesai dilaksanakan pada bulan Januari 2014 bagi semua pejabat cawangan.

9.4.4 Pemantauan

9.4.4.1 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menghendaki syarikat subsidiari mengemukakan laporan prestasi kewangan dan analisis yang mendalam mengenainya dan dibentangkan sekurang-kurangnya setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah RISDA Holdings Sdn. Berhad dan Lembaga Pengarah RISDA.

9.4.4.2 Semakan Audit mendapati RISDA Fleet ada menyedia dan membentangkan Laporan Prestasi Kewangan dan Aktiviti kepada Lembaga Pengarah RISDA Holdings Sdn. Berhad dan RISDA setiap suku tahun. Ini selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993.

9.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:

- 9.5.1 RISDA Fleet perlu meningkatkan keuntungan semasa atau mengurangkan kos perbelanjaan operasi bagi mengukuhkan kembali kedudukan kewangan syarikat dan berusaha mengurangkan jumlah kerugian terkumpul. Kecekapan RISDA Fleet menggunakan asetnya juga perlu dipertingkatkan bagi menjana keuntungan yang berterusan pada masa hadapan.
- 9.5.2 RISDA Fleet perlu memastikan hanya lori yang disenaraikan di Lesen Pengendali dibenarkan beroperasi selaras dengan akta yang ditetapkan oleh SPAD.
- 9.5.3 RISDA Fleet dan RISDA perlu berbincang mengenai pengurusan lori RISDA Fleet terutamanya milik SHDC dan NARSCO dan masalah kekurangan lori serta mempertimbangkan suntikan modal bagi membolehkannya memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dalam pasaran yang semakin kompetitif.

- 9.5.4 RISDA Fleet dan RISDA perlu mengkaji proses penghantaran dan pengangkutan bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak. RISDA Fleet juga perlu menguruskan perkhidmatan pengangkutan dengan lebih baik dan mematuhi syarat yang ditetapkan dalam perjanjian bagi mengelakkan daripada dikenakan denda/penalty yang boleh merugikan syarikat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

10. PENGURUSAN F.I.T CENTER SDN. BERHAD

10.1 LATAR BELAKANG

10.1.1 F.I.T Center Sdn. Berhad (FITEC) merupakan sebuah syarikat milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). FITEC ditubuhkan pada 28 Januari 1994 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan sejumlah RM10 juta dan modal berbayar sejumlah RM5.67 juta. FITEC berfungsi sebagai agensi pelaksana dalam meningkatkan lagi pembangunan industri perabot Bumiputera di Malaysia melalui latihan yang berkaitan dengan industri perabot dan jual beli perabot. FITEC menetapkan visi untuk memperkasakan keusahawanan dengan menyediakan fasiliti pemasaran, latihan dan pembangunan untuk sektor komersial dan pertahanan.

10.1.2 FITEC mempunyai seramai 7 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 3 ahli politik, seorang pegawai KKLW, 2 pegawai MARA dan seorang bekas pegawai MARA. Pengurusan FITEC diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seorang Ketua Pegawai Operasi serta 39 kakitangan. FITEC mempunyai 4 jabatan yang berfungsi seperti berikut:

**JADUAL 10.1
FUNGSI JABATAN FITEC**

| JABATAN | FUNGSI |
|--------------------------|--|
| Latihan Dan Teknologi | Menjalankan kursus berkaitan pengetahuan teknikal, teknologi pembuatan, pengeluaran perabot, pengurusan, pemasaran dan keusahawanan. |
| Pembangunan Perniagaan | Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam usaha memasarkan produk untuk pasaran dalam dan luar negara. |
| Pusat Sumber Reka Bentuk | Menyediakan khidmat nasihat khusus dalam pembangunan reka bentuk, aplikasi reka bentuk, pemikiran kreatif dalam perniagaan dan pengurusan pembuatan. |
| Khidmat Pengurusan | Memberi khidmat sokongan kepada aktiviti utama syarikat melalui penubuhan Unit Kewangan Dan Akaun, Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia serta Unit Pembelian Dan Penyelenggaraan. |

Sumber: Rekod Jabatan Khidmat Pengurusan FITEC

10.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

10.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga bulan Mei 2013. Semakan telah dibuat terhadap dokumen, fail dan rekod berkaitan di FITEC dan MARA. Temu bual dengan pegawai FITEC dan MARA juga telah dijalankan. Selain itu, lawatan ke ruang pameran FITEC di sekitar Lembah Klang dan Melaka serta pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset juga telah diadakan.

10.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2013 mendapati tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan FITEC adalah baik manakala pengurusan aktiviti adalah memuaskan. Prestasi kewangan FITEC bagi tahun 2010 dan 2011 adalah kurang memuaskan dimana FITEC mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM0.28 juta dan RM0.65 juta masing-masing. Kerugian tersebut adalah disebabkan pelarasan geran tahunan serta kerugian dalam Program Vendor My Kitchen. Bagaimanapun, pada tahun 2012 FITEC mengalami keuntungan selepas cukai sejumlah RM0.16 juta disebabkan oleh peningkatan pendapatan operasi. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Bilangan latihan dan peserta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian adalah 62.1% bilangan latihan dan 59.7% bilangan peserta pada tahun 2010 manakala bagi tahun 2012 adalah 81.2% bilangan latihan dan 70.2% bilangan peserta.
- ii. Tidak menetapkan sebarang mekanisma dalam membuat penilaian terhadap keberkesanan program latihan yang dianjurkan oleh FITEC.
- iii. Perbelanjaan di bawah Program Vendor Perabot Kapal tidak menepati terma perjanjian yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI). Penyertaan FITEC dalam pameran yang diadakan di Itali pada bulan April 2011 hanya diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2012.
- iv. Perbelanjaan di bawah Program Vendor My Kitchen tidak menepati terma perjanjian ditetapkan oleh MITI dan mengalami kerugian berjumlah RM2.04 juta bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013.
- v. Laporan prestasi aktiviti dan perbelanjaan di bawah Program Pembangunan Vendor MITI tidak dikemukakan secara berkala kepada MITI.
- vi. Kajian daya maju terhadap sesuatu prospek perniagaan seperti Program My Kitchen melalui pembukaan outlet My Kitchen dan Pusat Pameran dan Jualan Perabot di Rumah Melaka tidak dijalankan untuk memastikan sama ada ia mempunyai daya saing dan boleh mendatangkan keuntungan kepada syarikat. Akibatnya, FITEC mengalami kerugian

sejumlah RM2.23 juta manakala outlet dan pusat pameran tersebut terpaksa ditutup.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

10.4.1 Prestasi Kewangan


Analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012. Analisis trend dan nisbah digunakan untuk menilai prestasi kewangan FITEC. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan FITEC bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 10.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI
BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012


| BUTIRAN | TAHUN | | | | |
|--|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| | 2008 (RM) | 2009 (RM) | 2010 (RM) | 2011 (RM) | 2012 (RM) |
| Pendapatan Operasi | 3,066,332 | 4,034,567 | 3,472,313 | 4,763,255 | 6,929,555 |
| Lain-lain Pendapatan | 95,933 | 26,236 | 92,605 | 84,820 | 633,899 |
| Jumlah Pendapatan | 3,162,265 | 4,060,803 | 3,564,918 | 4,848,075 | 7,563,454 |
| Kos Jualan | - | - | - | (176,093) | (1,428,630) |
| Perbelanjaan Pentadbiran | (2,804,551) | (4,014,302) | (3,904,146) | (5,262,419) | (5,963,864) |
| Jumlah Perbelanjaan | (2,804,551) | (4,014,302) | (3,904,146) | (5,438,512) | (7,392,494) |
| Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai | 357,714 | 46,501 | (339,228) | (590,437) | 170,960 |
| Cukai | (75,484) | (18,613) | 61,291 | (56,639) | (6,585) |
| Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai | 282,230 | 27,888 | (277,937) | (647,076) | 164,375 |
| Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul | 859,824 | 887,712 | 609,775 | (37,301) | 127,074 |

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 10.1
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012



CARTA 10.2
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI
DAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

10.4.1.1 Analisis Trend

- a. FITEC mencatatkan penurunan keuntungan daripada RM282,230 pada tahun 2008 kepada RM27,888 pada tahun 2009 diikuti peningkatan dalam kerugian daripada RM277,937 pada tahun 2010 kepada RM647,076 pada tahun 2011. Bagaimanapun, FITEC mencatatkan keuntungan RM164,375 pada tahun 2012. FITEC telah mencatat keuntungan terkumpul pada tahun 2012 berjumlah RM127,074 berbanding kerugian terkumpul pada tahun 2011 berjumlah RM37,301. Penurunan keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2009 adalah disebabkan pengurangan peruntukan yang diterima daripada Bahagian Pembangunan Usahawan MARA (BPU) untuk tujuan latihan. Selain itu, kerugian yang dicatatkan pada tahun 2010 dan 2011 adalah disebabkan pelarasan geran tahunan oleh MARA sebagai modal berbayar yang pada asalnya diiktiraf sebagai pendapatan serta kerugian yang dialami oleh Program My Kitchen.
- b. Pendapatan FITEC diperoleh daripada yuran kursus dan pengurusan, jualan perabot, khidmat industri dan reka bentuk, penyelidikan dan pembangunan, dividen serta lain-lain pendapatan. Pendapatan FITEC meningkat kepada RM4.06 juta pada tahun 2009 berbanding RM3.16 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, pendapatan menurun pada tahun 2010 kepada RM3.56 juta dan meningkat pada tahun 2011 dan 2012 kepada sejumlah RM4.85 juta dan RM7.56 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan operasi.
- c. Perbelanjaan FITEC pula meliputi kos jualan, belanja pentadbiran dan kos kewangan. Perbelanjaan FITEC meningkat kepada RM4.01 juta pada tahun 2009 berbanding RM2.80 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, perbelanjaan menurun pada tahun 2010 kepada RM3.90 juta dan meningkat pada tahun 2011 dan 2012 kepada RM5.44 juta dan RM7.39 juta. Secara keseluruhannya, perbelanjaan FITEC dari tahun 2008 sehingga 2012 adalah selari dengan jumlah pendapatan yang diperoleh.

10.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan

Analisis terhadap penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan FITEC yang meliputi Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Aset dan Pulangan Atas Ekuiti. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.3
ANALISIS NISBAH KEWANGAN

| BIL. | BUTIRAN | TAHUN | | | | |
|------|--------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|
| | | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
| 1. | Nisbah Semasa | 2.51:1 | 2.68:1 | 1.69:1 | 3.06:1 | 7.64:1 |
| 2. | Margin Untung Bersih (%) | 8.9 | 0.7 | (7.8) | (13.3) | 2.2 |
| 3. | Pulangan Atas Aset (%) | 19.7 | 2.1 | (9.7) | (7.9) | 2.5 |
| 4. | Pulangan Atas Ekuiti (%) | 32.8 | 3.1 | (21.7) | (11.5) | 2.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Secara keseluruhannya, Nisbah Semasa FITEC bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah melebihi 1:1 iaitu 2.51 kali pada tahun 2008, 2.68 kali pada tahun 2009, 1.69 kali pada tahun 2010, 3.06 kali pada tahun 2011 dan 7.64 kali pada tahun 2012. Ini menunjukkan syarikat berupaya menjelaskan liabiliti semasanya.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. FITEC telah mengalami kerugian selepas cukai bagi 2 tahun berturut-turut iaitu 2010 dan 2011 menyebabkan Margin Untung Bersih negatif iaitu 7.8% dan 13.3%. FITEC turut mencatatkan Margin Untung Bersih positif pada 2008, 2009 dan 2012 iaitu masing-masing pada 8.9%, 0.7% dan 2.2%. Bagaimanapun, margin ini tidak menggambarkan kecekapan sebenar FITEC kerana kos pentadbiran dan pengurusan seperti gaji, utiliti dan penyenggaraan dibiayai melalui bajet tahunan yang diterima daripada MARA.

c. Pulangan Atas Aset

Pulangan Atas Aset mengukur pulangan bersih yang diperoleh syarikat bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Aset menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam menggunakan aset bagi meningkatkan keuntungan. FITEC telah mencatatkan nisbah Pulangan Atas Aset yang positif pada tahun 2008, 2009 dan 2012 iaitu 19.7%, 2.1% dan 2.5%. Bagaimanapun, FITEC mencatatkan nisbah Pulangan Atas Aset yang negatif pada tahun 2010 dan 2011 iaitu 9.7% dan 7.9%. Kecekapan FITEC menggunakan asetnya perlu dipertingkatkan bagi menjana keuntungan yang berterusan pada masa hadapan.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham. Semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan Atas Ekuiti FITEC adalah negatif pada tahun 2010 dan 2011 iaitu 21.7% dan 11.5%. Ini disebabkan oleh kerugian selepas cukai dan peningkatan jumlah saham berbayar. Bagaimanapun, Pulangan Atas Ekuiti meningkat semula kepada 2.8% pada tahun 2012.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan FITEC adalah kurang memuaskan. Bagi tahun 2008 sehingga 2012, didapati trend keuntungan menunjukkan penurunan sehingga mengalami kerugian dan hanya pada tahun 2012, FITEC memperoleh keuntungan selepas cukai sejumlah RM0.16 juta. Memandangkan syarikat ini berorientasi agensi sokongan dan menjalankan aktiviti promosi untuk usahawan perabot Bumiputera, syarikat ini berupaya beroperasi dengan mendapat pemberian daripada geran Kerajaan.

10.4.2 Pengurusan Aktiviti

FITEC ditubuhkan sebagai sebuah agensi pelaksana di bawah BPU yang berfungsi meningkatkan lagi pembangunan industri perabot dan jual beli perabot usahawan Bumiputera. Antara objektif penubuhan FITEC adalah seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan perabot Bumiputera melalui latihan dalam bidang teknikal, penghasilan reka bentuk, penjenamaan produk, pengurusan, promosi dan pameran.
- ii. Mengadakan program dan aktiviti promosi untuk usahawan perabot Bumiputera.
- iii. Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan kegunaan bahan baharu dalam industri perabot.

Pada awal penubuhannya, FITEC hanya berfungsi sebagai penyedia Latihan Pembangunan Usahawan kepada usahawan Bumiputera yang terlibat dengan industri perabot. Bagaimanapun, bermula tahun 2009 FITEC telah terlibat dengan aktiviti perniagaan bagi menjana pendapatan tambahan.

10.4.2.1 Program Latihan Tidak Mencapai Sasaran

- a. FITEC menyediakan pelbagai program latihan berkaitan teknikal, teknologi pembuatan, pengeluaran perabot, pengurusan, pemasaran dan

keusahawanan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi mewujudkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing. Semakan Audit mendapati FITEC hanya mencapai sasaran bilangan latihan dan peserta pada tahun 2011 iaitu melebihi 100% daripada sasaran yang ditetapkan. FITEC tidak mencapai sasaran bilangan latihan dan peserta yang ditetapkan pada tahun 2010 dengan hanya mencapai 62.1% bilangan latihan dan 59.7% bilangan peserta serta 81.2% bilangan latihan dan 70.2% bilangan peserta pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.4
PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012

| TAHUN | LATIHAN (Bil.) | | | PESERTA (Bil.) | | |
|-------|-------------------|-------|----------------|-------------------|-------|----------------|
| | SASAR | CAPAI | PENCAPAIAN (%) | SASAR | CAPAI | PENCAPAIAN (%) |
| 2010 | 66 | 41 | 62.1 | 700 | 418 | 59.7 |
| 2011 | 40 | 49 | 122.5 | 400 | 496 | 124.0 |
| 2012 | 69 | 56 | 81.2 | 637 | 447 | 70.2 |

Sumber: Rekod Jabatan Latihan Dan Teknologi FITEC

- b. Semakan lanjut mendapati sasaran latihan dan peserta pada setiap tahun ditetapkan berdasarkan jangkaan peruntukan yang akan diterima daripada MARA. Peruntukan yang dijangka diterima pada tahun 2010 tidak diperoleh pada tahun tersebut dan hanya diterima mulai bulan November 2011. Latihan yang dirancang hanya dapat dijalankan mulai bulan November tahun 2011 iaitu selepas peruntukan diterima daripada BPU. FITEC turut menghadapi masalah mendapatkan peserta bagi program latihan yang dijalankan kerana usahawan Bumiputera tidak mampu membayar yuran latihan yang tinggi. Ketiadaan peruntukan daripada BPU menyebabkan FITEC meletakkan kesemua kos latihan kepada usahawan.
- c. Semakan Audit juga mendapati FITEC **tidak menetapkan sebarang mekanisma dalam membuat penilaian** terhadap kemajuan para peserta selepas menyertai latihan yang dianjurkan FITEC. Ini menyebabkan keberkesanan program latihan yang dijalankan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan tidak dapat dinilai.

Pada pendapat Audit, MARA perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi kepada FITEC bagi mempertingkatkan kapasiti latihan dan bilangan usahawan Bumiputera. Penilaian keberkesanan program latihan perlu dijalankan untuk menambah nilai atau mengubah suai program latihan selaras dengan kehendak pasaran semasa.

Maklum Balas Daripada FITEC Pada 29 Januari 2014.

FITEC hanya menerima peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi berjumlah RM1.9 juta pada tahun 2010 yang dikhaskan bagi menjalankan program yang dirangka kepada kumpulan sasar yang telah dikenal pasti. Peruntukan ini juga digunakan untuk menjalankan beberapa program latihan pada tahun 2011. Selain itu, FITEC juga menjalankan program khusus kepada tenaga pengajar sekolah teknik dan vokasional serta kolej komuniti yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. FITEC akan membuat semakan semula ke atas sasaran aktiviti yang ditetapkan berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

10.4.2.2 Program Pembangunan Vendor

Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) telah meluluskan permohonan peruntukan oleh FITEC sejumlah RM1 juta pada bulan Disember 2010 bagi menjalankan Program Pembangunan Vendor FITEC. Peruntukan ini disalurkan bertujuan meningkatkan keupayaan dan kebolehpasaran usahawan Bumiputera dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan selain membangunkan Pengusaha Kecil dan Sederhana sebagai pengilang dan pembekal komponen kepada syarikat gergasi tempatan, multinasional dan syarikat berkaitan Kerajaan. Melalui perjanjian yang ditandatangani dengan MITI, FITEC bertanggungjawab sepenuhnya memberi bimbingan dan latihan kepada usahawan Bumiputera melalui pelaksanaan Program Vendor Perabot Kapal dan Program Vendor My Kitchen untuk tempoh 13 bulan mulai 1 Disember 2010 sehingga 31 Disember 2011. Butiran lanjut program adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.5
BUTIRAN PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

| PROGRAM | AKTIVITI | BILANGAN AKTIVITI | KOS SETIAP AKTIVITI (RM) | JUMLAH (RM) |
|------------------------------|---|---|------------------------------------|---|
| Program Vendor Perabot Kapal | i. Pembangunan Reka Bentuk ii. Pembangunan Prototaip iii. Program Latihan Vendor | 20 reka bentuk 20 prototaip 10 usahawan | 5,000 7,500 25,000 | 100,000 150,000 250,000 |
| JUMLAH KECIL | | | | 500,000 |
| Program Vendor My Kitchen | i. Pembangunan Reka Bentuk ii. Pembangunan Prototaip iii. Program Latihan Berjadual iv. Pembangunan Outlet | 20 reka bentuk 20 prototaip 10 usahawan 5 outlet | 2,500 5,000 10,000 50,000 | 50,000 100,000 100,000 250,000 |
| JUMLAH KECIL | | | | 500,000 |
| JUMLAH BESAR | | | | 1,000,000 |

Sumber: Rekod Jabatan Pembangunan Perniagaan FITEC

a. Program Vendor Perabot Kapal

- i. Program Vendor Perabot Kapal merupakan program bagi menyediakan usahawan Bumiputera yang mampu membekalkan perabot kapal bagi projek pembekalan perabot kepada kapal *Second Generation Patrol Vessel* (SGPV) milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDL) yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia kepada syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Berhad (Boustead). Selaras dengan terma kontrak dengan Kerajaan Malaysia yang menetapkan penglibatan usahawan Bumiputera di dalam program ini, Boustead telah menamakan FITEC sebagai syarikat berpotensi untuk terlibat dengan pembekalan perabot kapal SGPV melalui perjanjian persefahaman yang ditandatangani pada bulan Ogos 2010.
- ii. Melalui perjanjian persefahaman tersebut, Boustead bertanggungjawab memberi peluang perniagaan kepada usahawan Bumiputera di dalam projek pembekalan perabot kapal SGPV selain memberi sokongan penuh ke atas pelaksanaan Program Pembangunan Vendor FITEC. FITEC pula bertanggungjawab memberi bimbingan kepada usahawan Bumiputera berkaitan aspek pembangunan reka bentuk, prototaip dan produk perabot kapal yang berdaya saing. Semakan Audit mendapati FITEC telah membelanjakan peruntukan daripada MITI berjumlah RM481,823 pada tahun 2011 dan 2012 bagi melaksanakan Program Vendor Perabot Kapal. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.6
PRESTASI BELANJA BAGI PROGRAM VENDOR PERABOT KAPAL
BAGI TAHUN 2011 DAN 2012

| AKTIVITI | PERUNTUKAN (RM) | BELANJA (RM) |
|-------------------------------------|-----------------|----------------|
| Pembangunan Reka Bentuk | 100,000 | - |
| Pembangunan Prototaip | 150,000 | 28,818 |
| Program Latihan Vendor Dalam Negara | | 98,655 |
| Program Latihan Vendor Luar Negara | 250,000 | 354,350 |
| JUMLAH BESAR | 500,000 | 481,823 |

Sumber: Rekod Jabatan Khidmat Pengurusan FITEC

- iii. Semakan Audit mendapati FITEC telah menggunakan kepakaran pereka dalaman FITEC untuk membangunkan 32 reka bentuk pelbagai perabot kapal tanpa menggunakan peruntukan yang disediakan oleh MITI. Selain itu, FITEC hanya membangunkan 10 prototaip perabot kapal berjumlah RM28,818 berbanding 20 prototaip dengan peruntukan bernilai RM150,000 seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

- iv. Semakan lanjut mendapati FITEC telah membelanjakan sejumlah RM449,095 atau 89.8% daripada peruntukan yang disediakan bagi tujuan latihan dan pameran di dalam dan luar negara. Perbelanjaan sejumlah RM3,910 yang direkodkan di bawah Program Latihan Vendor Dalam Negara merupakan bayaran bagi dokumentasi Memorandum Persefahaman antara FITEC dan KAEFER Schiffssbau GmbH. Tiada sebarang permohonan dikemukakan untuk kelulusan MITI terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang telah ditetapkan.
- v. Semakan Audit juga mendapati FITEC telah menggunakan peruntukan Program Vendor Perabot Kapal berjumlah RM167,801 bagi menyertai Pameran Perabot Antarabangsa Solone Internationale Del Mobile di Milan, Itali pada bulan April 2011. Pameran tersebut tidak berkaitan dengan Program Vendor Perabot Kapal sebaliknya memberi penekanan kepada program pembangunan dan pengeksportan perabot keluaran usahawan Bumiputera. Semakan lanjut mendapati **penyertaan FITEC dalam pameran tersebut yang diadakan pada bulan April 2011 hanya diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2012.**
- vi. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan dijalankan, **tiada sebarang tawaran kontrak diberikan oleh Boustead kepada FITEC bagi membekalkan perabot kepada kapal SGPV milik TLDM.**

Maklum Balas Daripada FITEC Pada 29 Januari 2014.

Perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan Program Vendor Perabot Kapal akan diselaraskan semula manakala permohonan terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang ditetapkan telah diluluskan oleh MITI pada 28 Januari 2014. FITEC juga telah mengemukakan cadangan harga kontrak pada 31 Mei 2013 dan masih di peringkat penilaian oleh Boustead.

b. Program Vendor My Kitchen

- i. Program Vendor My Kitchen merupakan program bagi memasarkan kabinet dapur di bawah jenama My Kitchen di pasaran terbuka tempatan melalui kerjasama antara FITEC dan My Kitchen Venture Sdn. Berhad (MKV). Satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani antara FITEC dan MKV pada bulan Ogos 2010 dan diikuti dengan Perjanjian Kerjasama yang ditandatangani pada bulan Disember 2010. Melalui perjanjian tersebut, FITEC bertanggungjawab terhadap aspek

pembangunan reka bentuk dan produk serta pemasaran manakala MKV bertanggungjawab terhadap aspek pengeluaran produk dan pemasangan melalui kepakaran teknikal dan teknologi yang dimilikinya. Perjanjian ini berkuat kuasa untuk tempoh 5 tahun bermula 17 Disember 2010 dan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh 5 tahun lagi.

- ii. Mengikut perjanjian yang ditandatangani antara FITEC dan MITI pada 1 Disember 2010, peruntukan berjumlah RM500,000 untuk Program Vendor My Kitchen perlu diagihkan kepada 4 aktiviti iaitu pembangunan reka bentuk, pembangunan prototaip, program latihan berjadual dan pembangunan outlet. Semakan Audit mendapati **FITEC telah membelanjakan kesemua daripada peruntukan yang disediakan untuk tujuan pembangunan outlet sahaja iaitu berjumlah RM499,931**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.7
PRESTASI BELANJA BAGI PROGRAM VENDOR MY KITCHEN**

| AKTIVITI | PERUNTUKAN (RM) | BELANJA (RM) |
|---------------------------|-----------------|----------------|
| Pembangunan Reka Bentuk | 50,000 | - |
| Pembangunan Prototaip | 100,000 | - |
| Program Latihan Berjadual | 100,000 | - |
| Pembangunan Outlet | 250,000 | 499,931 |
| JUMLAH BESAR | 500,000 | 499,931 |

Sumber: Rekod Jabatan Khidmat Pengurusan FITEC

- iii. Semakan Audit juga mendapati pembangunan reka bentuk dan prototaip dihasilkan oleh pereka dalaman FITEC dan pereka daripada MKV tanpa menggunakan peruntukan yang disediakan oleh MITI manakala program latihan berjadual telah dijalankan menggunakan peruntukan FITEC. Bagaimanapun, **tiada sebarang permohonan dikemukakan untuk kelulusan MITI terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang telah ditetapkan**.
- iv. Mengikut perjanjian antara FITEC dan MITI bertarikh 1 Disember 2010, FITEC perlu membangunkan sebanyak 5 outlet. Bagaimanapun, FITEC telah membuka 8 outlet dengan kos RM499,931 di sekitar Lembah Klang bagi memamer dan memasarkan kabinet dapur My Kitchen. Senarai outlet adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.8
SENARAI OUTLET MY KITCHEN

| BIL. | OUTLET | MULA BEROPERASI | SEWA BULANAN (RM) |
|------|-------------------------------|-----------------|-------------------|
| 1. | Ibu pejabat FITEC, Batu Caves | November 2010 | Percuma |
| 2. | Medan MARA, Kuala Lumpur | Februari 2011 | Percuma |
| 3. | Sungai Buloh | Oktober 2011 | 7,500 |
| 4. | Rawang | Januari 2012 | 6,000 |
| 5. | Shah Alam | April 2012 | 4,500 |
| 6. | Puchong | April 2012 | 6,800 |
| 7. | Setapak | Mei 2012 | 11,000 |
| 8. | Klang | Mei 2012 | 2,600 |

Sumber: Rekod Jabatan Pembangunan Perniagaan FITEC

- v. Semakan Audit mendapati FITEC telah mengalami kerugian berjumlah RM2.04 juta iaitu sejumlah RM0.82 juta pada tahun 2011, RM1.01 juta pada tahun 2012 dan RM0.21 juta sehingga bulan Oktober 2013 hasil daripada operasi outlet My Kitchen. Analisis Audit mendapati hanya outlet di Batu Caves mencatatkan keuntungan manakala 7 outlet yang lain mengalami kerugian kerana perolehan pendapatan yang rendah tidak dapat menampung perbelanjaan yang tinggi iaitu terdiri daripada sewaan bangunan, gaji pekerja, belanja pentadbiran dan promosi. Butiran lanjut pendapatan dan perbelanjaan Program My Kitchen bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 adalah seperti berikut:

JADUAL 10.9
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM MY KITCHEN
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA BULAN OKTOBER 2013

| BUTIRAN | 2011 (RM) | 2012 (RM) | 2013* (RM) |
|----------------------------------|----------------|------------------|----------------|
| Pendapatan | 285,710 | 1,584,110 | 539,044 |
| Kos Jualan | (176,093) | (1,428,630) | (444,579) |
| Perbelanjaan: | | | |
| Belanja Pentadbiran | (169,061) | (130,878) | (53,957) |
| Gaji, Elaun dan Bonus Kakitangan | (35,459) | (173,559) | (33,986) |
| Perkhidmatan Promosi | (676,364) | (340,681) | - |
| Sewa Bangunan | (36,712) | (442,644) | (189,872) |
| Susut Nilai | (8,033) | (78,643) | (29,561) |
| KERUGIAN | 816,012 | 1,010,925 | 212,911 |

Sumber: Rekod Jabatan Khidmat Pengurusan FITEC

*Nota: * Januari hingga Oktober*

- vi. Semakan lanjut mendapati FITEC telah mengambil tindakan dengan menamatkan perkhidmatan pekerjanya di 6 outlet iaitu Sungai Buloh, Rawang, Shah Alam, Puchong, Setapak dan Klang pada bulan Oktober 2012 bagi mengurangkan perbelanjaan operasi. Bagaimanapun, **sewaan**

bangunan di 6 outlet tersebut masih diteruskan walaupun tidak beroperasi kerana perjanjian sewaan bangunan hanya akan tamat pada bulan Disember 2013. Ia melibatkan nilai sewaan berjumlah RM112,400 meliputi sewaan outlet Sungai Buloh, Rawang, Shah Alam dan Klang bagi bulan November dan Disember 2012 serta outlet Puchong dan Setapak bagi bulan November 2012 sehingga Februari 2013.

vii. FITEC juga mengambil tindakan menutup outlet di Medan MARA pada bulan Oktober 2012 dan Puchong serta Setapak pada bulan Mac 2013 bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar. Lawatan fizikal yang telah dijalankan pada 29 Mei 2013 mendapati sampel kabinet dapur di outlet Puchong berjumlah RM71,541 telah dipindahkan ke outlet Klang manakala sampel kabinet dapur di outlet Setapak berjumlah RM71,541 telah ditempatkan di stor FITEC seperti di gambar berikut:

GAMBAR 10.1
**Sampel Kabinet Dapur Disimpan
Dalam Stor**



Lokasi: Stor FITEC
Tarikh: 29 Mei 2013

GAMBAR 10.2
**Sampel Kabinet Dapur Disimpan
Dalam Stor**



Lokasi: Stor FITEC
Tarikh: 29 Mei 2013

GAMBAR 10.3
**Sampel Kabinet Dapur Disimpan
Dalam Stor**



Lokasi: Stor FITEC
Tarikh: 29 Mei 2013

GAMBAR 10.4
**Sampel Kabinet Dapur Disimpan
Dalam Stor**



Lokasi: Stor FITEC
Tarikh: 29 Mei 2013

- viii. Semakan lanjut mendapati FITEC telah menyewakan outlet Sungai Buloh dan Rawang kepada MKV, outlet Shah Alam kepada Syarikat Locomo Sdn. Berhad dan outlet Klang kepada individu persendirian. Penyewaan ini bermula pada bulan Januari 2013. Bagaimanapun, tiada sebarang perjanjian disediakan bagi menetapkan terma dan syarat sewaan di antara FITEC dan pihak tersebut. Ini disebabkan perjanjian sewaan bangunan yang dibuat dengan pemilik bangunan berkenaan tidak membenarkan FITEC menyewakan bangunan tersebut kepada pihak lain.
- ix. Semakan Audit sehingga bulan November 2013 mendapati FITEC masih menanggung kos sewaan di outlet Sungai Buloh dan Rawang bagi bulan Februari hingga November 2013 berjumlah RM135,000 serta di outlet Shah Alam dan Klang berjumlah RM73,150 bagi bulan Januari hingga November 2013. Ini disebabkan MKV hanya menjelaskan bayaran sewa bagi bulan Januari 2013. Lawatan Audit ke outlet Sungai Buloh dan Rawang pada 27 Mei 2013 mendapati kedua-dua outlet tersebut telah disewakan oleh MKV kepada Syarikat Banana Kitchen Sdn. Berhad tanpa pengetahuan FITEC.
- x. Semakan lanjut mendapati tiada kajian dijalankan oleh FITEC sebelum keputusan diambil untuk membuka outlet My Kitchen. Perjanjian yang ditandatangani dengan MKV juga tidak menjaga kepentingan usahawan Bumiputera lain dan FITEC kerana program ini hanya melantik MKV sebagai vendor tunggal manakala FITEC perlu menanggung sepenuhnya kos pembangunan outlet dan operasi.

Pada pendapat Audit, FITEC hendaklah melaksanakan kajian terperinci sebelum menceburi bidang perniagaan baru. FITEC juga perlu menyelesaikan segera isu tunggakan bayaran sewaan outlet Sungai Buloh, Rawang, Shah Alam dan Klang bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar ditanggung FITEC.

Maklum Balas Daripada FITEC Pada 29 Januari 2014.

Permohonan terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang ditetapkan telah diluluskan oleh MITI pada 28 Januari 2014. Sampel kabinet dapur di semua outlet My Kitchen telah dibawa balik ke FITEC untuk dijual bagi mengurangkan kerugian. Sewaan bangunan di 6 outlet tersebut telah ditamatkan sebaik sahaja perjanjian sewaan tamat pada bulan Disember 2013. FITEC juga sedang mengutip semua tunggakan sewa bulanan manakala perjanjian eksklusif antara FITEC dan MKV telah ditamatkan secara persetujuan bersama pada 6 September 2013.

10.4.2.3 Laporan Pemantauan Program Pembangunan Vendor

- a. Mengikut perjanjian yang telah ditandatangani dengan MITI, FITEC bertanggungjawab terhadap perkara berikut:
 - i. Mengemukakan laporan kemajuan peserta vendor kepada MITI setiap 90 hari.
 - ii. Mengemukakan laporan akhir berkaitan peserta vendor yang telah menamatkan program tersebut dan bidang kerjaya yang telah diceburi oleh peserta dalam tempoh 30 hari setelah kursus tersebut tamat.
 - iii. Memastikan segala peruntukan yang diberi digunakan sepenuhnya bagi melaksanakan latihan berkaitan pembangunan vendor.
- b. Selain daripada perjanjian tersebut, MITI melalui surat bertarikh 4 Januari 2011 mengkehendaki FITEC mengemukakan laporan pelaksanaan dan laporan kewangan setiap 3 bulan bagi tujuan pemantauan. Semakan Audit mendapati FITEC hanya mengemukakan satu laporan sepanjang program ini berjalan iaitu Laporan Kemajuan dan Program Latihan Vendor Sehingga Bulan Mac 2011 yang dikemukakan pada bulan April 2011. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan maklumat dan angka bagi laporan perbelanjaan Program Vendor Perabot Kapal berjumlah RM54,940 sehingga bulan Mac 2011 memandangkan program tersebut hanya bermula pada bulan April 2011. Semakan lanjut mendapati laporan perbelanjaan Program Vendor My Kitchen berjumlah RM314,264 bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2011 juga tidak dapat disahkan memandangkan perbelanjaan sebenar yang dibuat hanya berjumlah RM87,402.

Pada pendapat Audit, laporan pemantauan yang lengkap perlu dikemukakan secara berkala mengikut perjanjian yang ditetapkan bagi memastikan objektif program yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Maklum Balas Daripada FITEC Pada 29 Januari 2014.

Laporan prestasi aktiviti dan perbelanjaan di bawah Program Pembangunan Vendor MITI telah dikemukakan kepada MITI.

10.4.2.4 Pusat Pameran Dan Jualan Perabot Di Rumah Melaka

- a. Rumah Melaka telah dirasmikan pada 18 Mac 2011 dan berfungsi sebagai galeri dan pusat rujukan industri kayu selain sebagai pusat jualan perabot berasaskan kayu. Sebagai sebuah agensi yang bergiat aktif dalam pembangunan industri perabot Bumiputera, FITEC telah dipelawa oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) selaku pengendali Rumah Melaka untuk membuka sebuah pusat pameran dan jualan perabot. Pusat Pameran dan Jualan Perabot FITEC di Rumah Melaka telah mula beroperasi

pada bulan Mac 2011 dan mempromosikan pelbagai jenis perabot rumah dan taman keluaran usahawan Bumiputera di negeri Melaka dan kawasan sekitar selain sebagai pusat rujukan usahawan Bumiputera.

- b. Semakan Audit mendapati FITEC telah mengalami kerugian berjumlah RM189,641 sehingga bulan Julai 2013 walaupun FITEC telah menjalankan pelbagai kegiatan promosi melalui penghantaran risalah kepada penduduk setempat, pengiklanan melalui internet dan blog serta jualan murah. Semakan lanjut mendapati tiada kajian daya maju dijalankan oleh FITEC sebelum keputusan diambil untuk membuka Pusat Pameran dan Jualan Perabot di Rumah Melaka. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.10
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
PUSAT PAMERAN DAN JUALAN PERABOT DI RUMAH MELAKA
BAGI TEMPOH BULAN MAC 2011 SEHINGGA JULAI 2013**

| BUTIRAN | 2011* (RM) | 2012 (RM) | 2013** (RM) |
|--|-----------------|-----------------|-----------------|
| Pendapatan | 1,771 | 4,308 | 8,960 |
| Perbelanjaan: | | | |
| Promosi dan pemasaran | (68,775) | (3,910) | - |
| Bayaran belanja perasmian Rumah Melaka kepada MTIB | (13,945) | - | - |
| Gaji | - | (15,000) | (9,050) |
| Utiliti | (2,000) | (12,000) | - |
| Bayaran tunggakan sewaan bangunan | - | - | (80,000) |
| KERUGIAN | (82,949) | (26,602) | (80,090) |

Sumber: Rekod Jabatan Khidmat Pengurusan FITEC

Nota: * Mac hingga Disember ** Januari hingga Julai

- c. Lawatan Audit pada 31 Mei 2013 ke Pusat Pameran dan Jualan Perabot FITEC di Rumah Melaka adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 10.5
Pusat Pameran Dan Jualan Perabot FITEC
Di Rumah Melaka



Lokasi:Pusat Pameran dan Jualan Perabot FITEC
di Rumah Melaka
Tarikh: 31 Mei 2013

GAMBAR 10.6
Ruang Pameran Lengang
Tanpa Pengunjung



Lokasi:Pusat Pameran dan Jualan Perabot FITEC
di Rumah Melaka
Tarikh: 31 Mei 2013

Pada pendapat Audit, FITEC hendaklah menjalankan kajian daya maju sebelum sebarang keputusan diambil terhadap sesuatu prospek perniagaan bagi memastikan ianya berdaya saing dan boleh mendatangkan keuntungan kepada syarikat.

Maklum Balas Daripada FITEC Pada 28 Oktober 2013.

FITEC telah menutup Pusat Pameran dan Jualan Perabot di Rumah Melaka pada bulan Ogos 2013 kerana tidak berdaya saing. Penutupan tersebut adalah susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengoperasian Pusat Promosi Perabot dan Produk Berasaskan Kayu Rumah Melaka pada 15 Julai 2013 yang bersetuju menamatkan penyewaan FITEC di Rumah Melaka.

Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti FITEC adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. FITEC perlu membuat perancangan serta mewujudkan mekanisma kawalan dan pemantauan terhadap pelaksanaan semua program latihan dan aktiviti perniagaannya.

10.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan FITEC dan MARA memberi pertimbangan kepada perkara seperti berikut:

10.5.1 MARA perlu memantau aktiviti yang dijalankan oleh FITEC bagi meningkatkan kapasiti latihan dan bilangan usahawan Bumiputera.

10.5.2 FITEC perlu menyelesaikan segera isu tunggakan bayaran sewaan outlet Sungai Buloh, Rawang, Shah Alam dan Klang bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar ditanggung FITEC.

10.5.3 FITEC hendaklah menjalankan kajian daya maju sebelum sebarang keputusan diambil terhadap sesuatu prospek perniagaan bagi memastikan ianya berdaya saing dan boleh mendatangkan keuntungan kepada syarikat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

11. PENGURUSAN MAJUIKAN FORWARDING SDN. BERHAD

11.1 LATAR BELAKANG

Majuikan Forwarding Sdn. Berhad (MFSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 29 November 1994 dan merupakan sebuah syarikat subsidiari Majuikan Sdn. Berhad (MSB) iaitu syarikat subsidiari milikan penuh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). MSB memiliki 100% kepentingan di dalam MFSB. Modal dibenarkan MFSB berjumlah RM500,000 dan modal berbayar berjumlah RM100,000. MFSB terlibat dalam aktiviti perkhidmatan ejen pelepasan Kastam, Gudang Awam Berlesen, pengangkutan dan penghantaran barang. Keseluruhan operasi dilakukan di dalam Kompleks LKIM Bukit Kayu Hitam, Kedah kecuali operasi perkhidmatan Gudang Awam Berlesen (*Bonded and Non-Bonded*) yang dijalankan di Lot PT 818 dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. MFSB mempunyai 3 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 2 wakil LKIM dan seorang wakil Persatuan Nelayan Kebangsaan. Pengurusan MFSB diketuai oleh Pengurus Operasi dan dibantu oleh 20 kakitangan.

11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan MFSB telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

11.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga bulan Mac 2013. Semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen, fail dan laporan serta temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan gudang.

11.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac 2013 mendapati pengurusan syarikat MFSB adalah tidak memuaskan kerana prestasi kewangan MFSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 mengalami kerugian selepas cukai kecuali pada tahun 2009. Nisbah hutangnya melebihi 100% menunjukkan syarikat terlalu bergantung kepada pinjaman luar. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. MFSB mengalami kerugian selepas cukai 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 sehingga 2012 dan kerugian terkumpul berjumlah RM412,250 setakat 31 Disember 2012 telah melebihi modal berbayar syarikat iaitu RM100,000.
- ii. Kos tetap operasi meningkat dari tahun 2007 sehingga 2012 daripada RM12,000 pada tahun 2007 kepada RM361,656 pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan penyewaan jentera fantuzzi untuk operasi gudang yang bermula pada tahun 2009 dan bayaran tetap pinjaman oleh syarikat yang bermula pada 2011.
- iii. Perjanjian pinjaman bertarikh 14 Februari 2011 untuk menaik taraf gudang berjumlah RM310,000 tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah MSB dan LKIM.
- iv. Tadbir urus korporat yang lemah iaitu tiada pemantauan dan strategi serta rancangan korporat tidak dibincangkan oleh ahli Lembaga Pengarah MFSB.

Penjelasan lanjut terhadap kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

11.4.1 Prestasi Kewangan

Analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 telah dilaksanakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan MFSB adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) MFSB
BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

| BUTIRAN | 2008 (RM) | 2009 (RM) | 2010 (RM) | 2011 (RM) | 2012 (RM) |
|-------------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| Pendapatan | 836,038 | 916,364 | 1,201,825 | 1,345,742 | 1,313,657 |
| Perbelanjaan | 781,490 | 907,279 | 1,167,213 | 1,438,040 | 1,431,779 |
| Cukai | 68,982 | (24,727) | 37,469 | 32,316 | 33,029 |
| Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai | (14,434) | 33,812 | (2,857) | (124,614) | (151,151) |
| Kerugian Terkumpul | (167,440) | (133,628) | (136,485) | (261,099) | (412,250) |

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat


11.4.1.1 Analisis Trend

- a. Kedudukan kewangan MFSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah tidak memuaskan. MFSB mencatat kerugian selepas cukai bagi tempoh tahun kewangan 2008 sehingga 2012 kecuali pada tahun 2009 syarikat memperoleh keuntungan selepas cukai berjumlah RM33,812. Pada tahun 2008, MFSB telah mencatat kerugian selepas cukai berjumlah RM14,434, tahun 2010 berjumlah RM2,857, tahun 2011 berjumlah RM124,614 dan

tahun 2012 berjumlah RM151,151. Sehingga 31 Disember 2012, kerugian terkumpul MFSB berjumlah RM412,250 melebihi modal saham.


- b. Pendapatan utama MFSB diperoleh daripada caj perkhidmatan ejen penghantaran, pergudangan dan pemunggahan. Sepanjang tempoh 5 tahun dari tahun 2008 sehingga 2012, pendapatan MFSB menunjukkan trend peningkatan iaitu sejumlah RM0.84 juta pada tahun 2008 meningkat kepada RM0.92 juta pada tahun 2009, RM1.20 juta pada tahun 2010, RM1.35 juta pada tahun 2011 dan RM1.31 juta pada tahun 2012. Peningkatan dalam pendapatan tidak dapat menjana keuntungan kepada syarikat kerana perbelanjaan juga turut meningkat. Perbelanjaan MFSB meliputi perbelanjaan operasi, susutnilai, kos kakitangan, kos buruh dan lain-lain kos langsung. Perbelanjaan MFSB meningkat dari tahun 2008 sehingga 2012.

CARTA 11.1
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
MFSB BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 11.2
KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) DAN KERUGIAN
TERKUMPUL MFSB BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

11.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan

Nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas ekuiti dan nisbah hutang berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 menunjukkan nisbah kewangan adalah pada tahap tidak memuaskan dan tidak menggalakkan. Nisbah kewangan menunjukkan syarikat ini sangat bergantung kepada pinjaman untuk menguruskan operasinya. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.2
ANALISIS NISBAH KEWANGAN

| BIL. | BUTIRAN | TAHUN KEWANGAN | | | | |
|------|--------------------------|----------------|--------|--------|---------|---------|
| | | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
| 1. | Nisbah Semasa | 0.58:1 | 0.52:1 | 0.47:1 | 0.49:1 | 0.49:1 |
| 2. | Margin Untung Bersih (%) | (1.7) | 3.7 | (0.2) | (9.3) | (11.5) |
| 3. | Pulangan Atas Ekuiti (%) | (14.4) | 33.8 | (2.7) | (124.6) | (151.1) |
| 4. | Nisbah Hutang (%) | 103.5 | 101.8 | 102.0 | 107.9 | 114.4 |

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

11.4.2 Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama MFSB adalah perkhidmatan ejen pelepasan Kastam, Gudang Awam Berlesen dan pengangkutan serta penghantaran barang. Bermula tahun 2006, perniagaan MFSB terbahagi kepada 2 bahagian iaitu perniagaan di Kompleks LKIM dan Gudang.

11.4.2.1 Peningkatan Kos Tetap Operasi

MFSB terpaksa menanggung kos tetap bagi menjalankan operasinya disebabkan kekangan kewangan. Kos tetap yang ditanggung oleh MFSB adalah terdiri daripada sewaan tanah dan bangunan, bayaran pinjaman dan sewaan jentera fantuzzi. Semakan Audit mendapati kos tetap operasi bulanan meningkat dari tahun 2007 sehingga 2012 iaitu daripada RM12,000 pada tahun 2007 kepada RM361,656 pada tahun 2012. Peratusan kos tetap operasi juga meningkat daripada 1.7% pada tahun 2007 kepada 25.3% pada tahun 2012 berbanding jumlah perbelanjaan. Peningkatan ini adalah disebabkan penyewaan jentera fantuzzi untuk operasi gudang yang bermula pada tahun 2009 dan bayaran tetap pinjaman oleh syarikat yang bermula pada 2011. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

JADUAL 11.3
KOS TETAP SEWAAN YANG DITANGGUNG OLEH MFSB
BAGI TAHUN 2007 SEHINGGA TAHUN 2012

| TAHUN | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) (A) | KOS TETAP OPERASI ** | | | | % (C) = (B)/(A) x 100 |
|-------|---------------------------------|------------------------------|-----------------------|--------------------|--------------------|--------------------------|
| | | SEWA TANAH DAN BANGUNAN (RM) | BAYARAN PINJAMAN (RM) | SEWA FANTUZZI (RM) | JUMLAH (RM) (B) | |
| 2007 | 692,973 | 12,000 | - | - | 12,000 | 1.7 |
| 2008 | 781,490 | 12,000 | - | - | 12,000 | 1.5 |
| 2009 | 907,279 | 80,160 | - | 156,000 | 236,160 | 26.0 |
| 2010 | 1,167,213 | 80,160 | - | 180,000 | 260,160 | 22.3 |
| 2011 | 1,438,040 | 104,160 | 77,496 | 180,000 | 361,656 | 25.1 |
| 2012 | 1,431,779 | 104,160 | 77,496 | 180,000 | 361,656 | 25.3 |

Sumber: Penyata Kewangan Majuikan Forwarding Sdn. Berhad

**Nota: Kos Tetap Operasi = Bayaran Bulanan Tetap Yang Dibayar

11.4.2.2 Perjanjian Pinjaman Tidak Dikemukakan Untuk Kelulusan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan semua pinjaman yang ‘*substantial*’ oleh syarikat subsidiari sama ada dijamin oleh Syarikat Induk dan Badan Berkanun atau tidak, perlu dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun. Semakan Audit mendapati perjanjian pinjaman yang ditandatangani pada 14 Februari 2011 untuk menaik taraf gudang bernilai RM310,000 dengan kadar faedah 5% setahun bagi tempoh 5 tahun mulai Januari 2011 sehingga Disember 2015 tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah MFSB dan LKIM.

Pada pendapat Audit, semua pinjaman yang ‘*substantial*’ oleh MFSB perlu dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun.

Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 29 Januari 2014.

LKIM memaklumkan tindakan akan dibuat untuk mengemukakan perjanjian tersebut kepada Lembaga Pengarah Syarikat MSB untuk kelulusan. Bagaimanapun, pinjaman ini telah selesai pada akhir tahun 2013.

11.4.3 Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan

11.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat MFSB adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- a. **Tiada mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tahun 2012. Pada tahun 2011, mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sekali sahaja manakala pada tahun 2010, mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 2 kali.** Ini adalah disebabkan semua mesyuarat Lembaga Pengarah MFSB diselaraskan oleh syarikat induk MSB. Pada tahun 2012, mesyuarat Lembaga Pengarah MFSB tidak dapat diadakan disebabkan proses pengecilan operasi yang dihadapi oleh MSB pada ketika itu dan masalah serta isu perundungan yang dihadapi oleh pihak syarikat induk MSB di samping prestasi kewangan syarikat induk MSB yang tidak memuaskan.
- b. MFSB tidak mempunyai pelan strategik jangka panjang serta hala tuju syarikat disebabkan masalah yang dihadapi oleh syarikat induk.

11.4.3.2 Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan MFSB adalah memuaskan kecuali perkara berikut:

- a. Terdapat kelewatan dalam kemasukan ke bank antara 2 hingga 18 hari.
- b. Penghutang MFSB sejumlah RM446,454 termasuk 12 penghutang tidak aktif yang melebihi 5 bulan berjumlah RM109,757.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan MFSB adalah tidak memuaskan. MFSB mengalami kerugian selepas cukai 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 sehingga 2012 dan kerugian terkumpul berjumlah RM412,250 setakat 31 Disember 2012 telah melebihi modal berbayar syarikat iaitu RM100,000. Selain itu, Lembaga Pengarah MFSB juga gagal menjalankan peranan secara berkesan bagi memenuhi tugas fidusiarinya terhadap prestasi pengurusan syarikat dengan tiada mesyuarat dijalankan pada tahun 2012.

Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 29 Januari 2014.

LKIM memaklumkan tindakan pelupusan akan dibuat bagi 12 penghutang tidak aktif berjumlah RM109,757 tersebut. LKIM juga memaklumkan di bawah Strategic Reform Initiatives bagi syarikat kerajaan dan subsidiari, LKIM telah diarahkan untuk melepaskan pegangan dalam MSB dan anak syarikatnya. Proses divestment ini disasarkan akan selesai menjelang tahun 2015. Selaras dengan arahan ini, LKIM dengan persetujuan YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani telah melaksanakan proses pengecilan syarikat MFSB dan urus tadbir syarikat MFSB kini diambil alih oleh caretaker yang dilantik daripada pegawai LKIM. Operasi perniagaan logistik syarikat MFSB juga telah ditamatkan mulai 1 Oktober 2013.

11.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan LKIM mengkaji daya maju MFSB supaya tidak menjadi liabiliti kepada Kerajaan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbadanan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 1.



PENUTUP

PENUTUP

1. Pengauditan prestasi terhadap projek dan aktiviti mendapati Badan Berkanun Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan projek dan aktivitinya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu projek dan aktiviti dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Beberapa agensi telah mengambil tindakan pembetulan selepas teguran Audit, namun langkah pembetulan perlu dilaksanakan secara berterusan. Memandangkan pengauditan adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Pegawai Eksekutif perlu mewujudkan sistem *check and balance* untuk memastikan pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan. Ini adalah bertujuan untuk menilai sama ada projek dan aktiviti lain mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan serta penambahbaikan. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dan aktiviti dilaksanakan mengikut jadual dan agensi mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*).
2. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.
3. Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan prestasi kewangannya sentiasa dalam keadaan yang baik; pengurusan aktivitinya dilaksanakan dengan teratur; berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan; pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya selaras dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.
4. Jabatan Audit Negara juga telah mewujudkan Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (AG's Dashboard) dalam tahun 2013 bertujuan untuk menyusuli tindakan pembetulan diambil oleh Agensi berkenaan terhadap kelemahan yang dilaporkan. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mengambil tindakan terhadap teguran Audit dan membuat laporan segera kepada Jabatan Audit Negara agar segala tindakan dapat dikemas kini dalam Sistem *Dashboard* Jabatan Audit Negara.
5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti.

Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA)** untuk membanteras rasuah serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia di bawah slogan “**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**”.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

12 Februari 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

www.audit.gov.my

